05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

APLIKASI KOMIK TOONDOO DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN GAYA BAHASA PUISI MELAYU MODEN

KAREN ANAK GUOB

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

APLIKASI KOMIK TOONDOO DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN GAYA BAHASA PUISI MELAYU MODEN

KAREN ANAK GUOB

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAN MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ....10....(hari bulan)....11..... (bulan) 20..20..

i. Perakuan pelajar :

Saya, Karen Anak Guob, M20171000176, FBK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, HASRINA BINTI BAHARUM (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden. (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

07/04/2021
Tarikh

DR. HASRINA BINTI BAHARUM
Timbalan Pengarah
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak.
Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: Aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu Moden

No. Matrik /*Matric's No.*: M20171000176

Saya / *I*: KAREN ANAK GNOB

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL*** — Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED*** — Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 7/4/2021

DR. HASRINA BINTI BAHARUM
Timbalan Pengarah
Institut Peradaban Melayu
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak.

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan salam damai, dengan penuh rasa syukur dan berterima kasih atas cinta kasih Tuhan. Pertama sekali, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan kurnia dan berkatNya, maka disertasi ini berjaya disiapkan. Sekalung penghargaan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang telah memberi peluang untuk melanjutkan pelajaran. Dalam usaha membina item, mengumpul data, menganalisis bahan-bahan kajian dan dokumentasi, penyelidikan ini telah mendapat bantuan yang tidak terhingga daripada Dr. Hasrina Binti Baharom-Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat. Penghargaan ikhlas juga buat guru dan pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah yang terlibat dalam menjayakan kajian ini iaitu SMK Padawan, SMK Tun Abdul Razak, SMK Sematan, SMK Bau dan SMK Tunku Abdul Rahman di Kuching, Sarawak. Seterusnya, jutaan penghargaan juga buat para pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi serta pihak Institut Pengajian Siswazah (IPS), yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar. Tidak lupa penhagrgaan juga buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan bantuan, semangat dan sokongan. Akhir sekali buat Ibu dan Ayah yang tidak pernah lelah menjadi tulang belakang kepada diri ini. Segala jasa baik ini didahului dengan ucapan terima kasih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kes yang bertujuan untuk memahami aplikasi Komik Toondoo dalam pengajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek berdasarkan soalan kajian iaitu mengenalpasti masalah dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden, membangunkan rancangan mengajar berbantukan komik Toondoo dan mendapatkan maklum balas murid terhadap PdPc gaya bahasa berbantukan komik Toondoo. Teori konstruktivisme oleh Jean Piaget dan Lee Vygotsky digunakan dalam kajian ini untuk menerangkan perkembangan kognitif pelajar melalui pembinaan pengetahuan baharu tentang puisi Melayu moden manakala teori kolaboratif menerangkan pembelajaran aktif pelajar secara berkumpulan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kajian kes dan mengumpul data melalui temu bual. Lima guru dan 10 pelajar Kesusasteraan Melayu dipilih menjadi informan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Instrumen kajian adalah protokol temu bual dan senarai semak pemerhatian. Data dianalisis secara tematik berdasarkan data temu bual. Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai persepsi yang positif dan percaya penggunaan komik Toondoo boleh menarik minat mereka untuk belajar serta membantu meningkatkan pemahaman di samping dapat meransang kreativiti mereka. Namun dapatan tersebut masih belum cukup untuk mendorong mereka membina pengetahuan baharu kerana mereka masih mempunyai sikap negatif yang menjadi masalah sewaktu PdPc dalam aspek sikap malas belajar, kekurangan bahan bantu belajar dan gagal menguasai bahasa Melayu. Kesimpulannya, kajian ini mendapati penggunaan komik Toondoo dalam Pdpc gaya bahasa puisi Melayu moden memberi kesan yang positif sekiranya guru dan pelajar mampu mengatasi masalah yang wujud dalam Pdpc. Implikasinya penggunaan komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden perlu dilaksanakan di sekolah bagi menambah baik PdPc Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

APPLICATION OF TOONDOO COMIC IN TEACHING AND FACILITATION OF MODERN MALAY LANGUAGE POETRY

ABSTRACT

This study is a case study that aims to understand Toondoo Comics application in teaching and facilitation (PdPc) in the style of modern Malay poetry for the subjects of Malay Literature. The study is divided into three areas based on the research questions that identify problems in PdPC style modern Malay poetry, develop lesson plans based Toondoo Comic and get feedback on student on the PdPc by the aid of style Toondoo Comic.The theory of the constructivism by Jean Piaget and Lee Vygotsky is used in this study to describe the cognitive development of students through the construction of new knowledge about the modern Malay poetry while explaining the theory of the collaborative active learning of students in a group. The design of this study uses a case study methods and collects data through interviews. Five teachers and 10 students of Malay Literature chosen to become informants using the purposive sampling technique. The study instruments were interview protocols and observation checklists. Data were analyzed thematically based on interview data. The results show that students have a positive perception and believe that the use of Toondoo comics can attract their interest in the learning as well as help improve the understanding as well as stimulate their creativity. But the findings are still not enough to encourage them to develop new knowledge because they still have a negative attitude were to become a problem regarding Pdpc such as laziness in the learning, lack of teaching aids and failed to master the Malay language. In a nutshell, this study found that the use of Toondoo Comic style PdPc in modern Malay poetry will have a positive impact if teachers and students are able to overcome the problems that exist in the PdPc. The implication Toondoo use of comics in the language teaching and learning styles in modern Malay poetry should be implemented in schools to improve PdPc Malay Literature.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		
SENARAI RAJAH		
SENARAI LAMPIRAN		
BAB 1	**PENDAHULUAN**	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Objektif Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Kerangka Konsep Kajian	11
	1.7 Batasan Kajian	13
	1.8 Kepentingan Kajian	15
	1.9 Definisi Operasional	18
	1.9.1 Aplikasi Komik Toondoo	18

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	1.9.2	Pengajaran dan Pemudahcaraan	19
	1.9.3	Gaya Bahasa	23
	1.9.4	Puisi Melayu Moden	24
	1.9.5	Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	25
1.10		Rumusan	25
BAB 2		**TINJAUAN LITERATUR**	
2.1		Pengenalan	27
2.2		Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Aspek Gaya Bahasa	29
2.3		Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu	33
2.4		Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Komik Toondoo	38
2.5		Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Konstruktivisme	44
2.7		Rumusan	49
BAB 3		**METODOLOGI**	
3.1		Pengenalan	51
3.2		Reka Bentuk Kajian	52
	3.2.1	Kaedah Kajian	53
	3.2.2	Teori Konstruktivisme	55
	3.2.3	Pendekatan Kolaboratif	58
	3.2.4	Huraian Sukatan Pelajaran	59
3.3		Populasi dan Sampel	60
3.4		Instrumen Kajian	62

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.1 Protokol Temu Bual 63

3.4.2 Senarai Semak Aplikasi Teori, Pendekatan dan Komik Toondoo dalam Pelan Pengajaran 66

3.5 Prosuder Pengumpulan Data 67

3.5.1 Langkah 1 67

3.5.2 Langkah 2 68

3.5.3 Langkah 3 70

3.6 Kaedah Penganalisisan Data 70

3.6.1 Analisis Data Temu Bual 71

3.6.2 Kesahan dan kebolehpercayaan 72

3.6.2.1 Triangulasi 72

3.7 Rumusan 74

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan 75

4.2 Permasalahan PdPc Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden 76

4.2.1 Masalah yang Dihadapi Guru Kesusasteraan Melayu 77

4.2.1.1 Masalah Berkaitan Konsep Gaya Bahasa 79

4.2.1.2 Masalah Aras Pelajar Rendah 81

4.2.2 Punca Masalah 83

4.2.2.1 Sikap Negatif Pelajar 85

4.2.2.2 Penguasaan Bahasa Melayu Rendah 86

4.2.2.3 Bahan Rujukan Terhad 87

4.2.3 Cara Mengatasi Masalah 88

4.2.3.1 Pdpc Yang Kreatif dan Berinovasi 89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.2 Latihan Pengukuhan 90

4.2.3.3 Nota Konsep 91

4.2.3.4 Penggunaan Media Elektronik dan Internet 93

4.2.4 Impak Kekurangan BBM Kepada PdPc Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden 94

4.2.4.1 Kekurangan Bahan Bantu dan Kemudahan Mengajar 96

4.2.4.2 Masa Mengajar Singkat 97

4.2.4.3 Teknik Pengajaran dan Pemudahcaraan 98

4.3 Rancangan Mengajar Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden Berdasarkan Ciri-ciri Komik Toondoo 99

4.3.1 Aplikasi Teori Konstruktivisme 100

4.3.2 Aplikasi Pendekatan Kolaboratif 101

4.3.3 Aplikasi Komik Toondoo 103

4.3.3.1 Set Induksi 103

4.3.3.2 Pengembangan dan Perbincangan 104

4.3.3.3 Pengukuhan dan Penilaian 105

4.4 Maklum Balas Pelajar Terhadap PdPc Berbantukan Komik Toondoo 105

4.4.1 Ciri-ciri Komik Toondoo 106

4.4.1.1 Bergambar dan Berwarna 108

4.4.1.2 Tulisan dan Isi Kandungan 109

4.4.2 Kesesuaian Komik Toondoo Untuk Aktiviti Berkumpulan 110

4.4.2.1 Berkongsi Pendapat 112

4.4.2.2 Aktiviti Menarik 113

4.4.2.3 Peluang Berinteraksi 113

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2.4 Pembinaan Idea 114

4.4.3 Kewajaran Komik Toondoo Sebagai Bahan PdPc 115

4.4.3.1 Menarik Minat Belajar 117

4.4.3.2 Meningkatkan Pemahaman 118

4.4.3.3 Bacaan Ringan yang Diminati oleh Murid 119

4.4.4 Keupayaan Komik Toondoo dalam Meningkatkan Kreativiti 120

4.4.4.1 Mencetus Idea 121

4.4.4.2 Mencipta Dialog dan Ayat 122

4.4.5 Kesesuaian Komik Toondoo Sebagai Aktiviti Penilaian 123

4.4.5.1 Menguji Pemahaman 125

4.4.5.2 Mencabar 126

4.4.5.3 Mudah Difahami 127

4.4.5.4 Menarik 127

4.5 Rumusan 128

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 130

5.2 Rumusan Kajian 131

5.2.1 Permasalahan Pengajaran Dan Pembelajaran Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden 132

5.2.2 Rancangan Mengajar Gaya Bahasa Dalam Puisi Melayu Moden Berasaskan Komik Toondoo 134

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3	Maklum Balas Pelajar Terhadap Penggunaan Komik Toondoo	136
5.3	Implikasi Kajian	137
5.3.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	137
5.3.2	Guru	138
5.3.3	Murid	138
5.3.4	Pengkaji Masa Depan	139
5.4	Cadangan	140
5.5	Rumusan	141

RUJUKAN 143

LAMPIRAN 151

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Latar Belakang Guru	61
3.2	Latar Belakang Pelajar	61
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	62
3.4	Senarai Semak Aplikasi Teori, Pendekatan dan Komik Toondoo dalam Rancangan Mengajar	66
3.3	Senarai Semak Rancangan Mengajar Berasaskan Komik Toondoo	69

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	12
1.2	Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu KBSM, 2003	14
3.1	Reka Bentuk Kajian	52
3.2	Teori Konstruktivisme	58
3.3	Protokol Temu Bual Bersama Guru Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu	64
3.4	Protokol Temu Bual Bersama Pelajar Kesusasteraan Melayu	65
3.5	Proses Analisis Dapatan Data Temu Bual Menggunakan Perisian Nvivo 10	71
3.6	Kaedah Pengumpulan Data dalam Kajian	73
4.1	Masalah yang dihadapi guru ketika mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden	78
4.2	Punca masalah pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden	84
4.3	Cadangan guru untuk mengatasi masalah pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden	88
4.4	Kekurangan bahan bantu mengajar menyumbang kepada masalah pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden	95
4.5	Maklum balas terhadap ciri-ciri komik Toondoo yang menarik minat belajar gaya bahasa.	107
4.6	Maklum balas murid terhadap kesesuaian komik Toondoo untuk aktiviti berkumpulan	111
4.7	Maklum balas murid terhadap kewajaran komik Toondoo digunakan sebagai bahan bantu mengajar	116
4.8	Maklum balas murid terhadap komik Toondoo untuk meningkatkan kreativiti	120

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9	Maklum balas murid terhadap aktiviti penilaian dalam komik Toondoo	124
5.1	Model permasalahan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden	132
5.2	Model maklum balas pelajar terhadap penggunaan komik Toondoo	136

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Kelulusan Bersyarat Untuk Menjalankan Kajian
(Kementerian Pendidikan Malaysia)

B Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian
(Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak)

C Kesahan Kandungan Protokol Temu Bual

D Rancangan Mengajar 1

E Rancangan Mengajar 2

F Komik Toondoo Gaya Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Pendidikan abad ke-21 menuntut guru menggunakan kreativiti merancang rancangan mengajar agar dapat mewujudkan suasana yang menyeronokkan. Bahan bantu mengajar yang dipilih harus mempunyai kekuatan untuk menarik minat pelajar belajar. Tambahan pula perkembangan sistem pendidikan di Malaysia menuntut aspek pedagogi berubah sesuai era web 4.0 yang memberi impak kepada guru dan pelajar. Menurut Ikhwan Salim Sujak (2018), cabaran yang dihadapi oleh guru dalam Revolusi Perindustrian 4.0 adalah perlu memastikan pedagogi sejajar dengan perkembangan abad ke-21.

Sehubungan itu, penggunaan Internet sebagai media pengajaran dan pembelajaran adalah perlu. Subahan Mohd. Meerah dan Syed Ismail (2017) menjelaskan penggunaan komputer menerusi talian internet menawarkan pelbagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemudahan dan maklumat yang menguntungkan pendidik. Oleh itu, Maizatul Hayati dan Ummu Husna (2017) mengatakan golongan pendidik perlu peka dengan perkembangan teknologi terkini agar mampu merancang strategi pengajaran dan pembelajaran selari dengan perkembangan teknologi web dalam sistem pendidikan dan trend generasi masa kini. Oleh sebab itu penggunaan komik Toondoo sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran yang diperoleh daripada internet adalah selaras dengan tuntutan pendidikan pada abad ke-21.

Komik Toondoo ialah bahan sokongan teknologi pendidikan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai memenuhi usaha yang inovatif dan kreatif. Kewujudan laman web komik Toondoo dapat memenuhi keperluan bahan sokongan dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui perspektif baharu dengan cara menggabung jalin penggunaan teknologi ICT dan multimedia seperti grafik dan ilustrasi (Mazihah Othman, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mula diperkenalkan di peringkat tingkatan empat dan tingkatan lima pada Tahun 1957. Keberadaan Kesusasteraan Melayu dalam sistem pendidikan amat penting dalam konteks merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara dan juga mendidik masyarakat dengan ketinggian nilai pusaka warisan bangsa. Pendidikan Kesusasteraan Melayu menjadi medan untuk mendidik, memperluas dan memelihara dengan baik selain sebagai cerminan warisan pusaka bangsa (A. Halim Ali , 2016)

Pembelajaran Kesusasteraan Melayu berupaya menjadi lebih menarik dengan pelbagai kaedah kerana dalam abad ke-21 ini teknologi digital memainkan peranan penting dalam pembelajaran murid. Dalam hal ini, penyediaan dan pemilihan bahan bantu mengajar yang menarik melalui laman web komik Toondoo oleh guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesusasteraan Melayu adalah penting untuk menarik minat belajar dan meningkat pemahaman pelajar.

Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada aplikasi komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar. Bahan tersebut akan digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian mengenai aplikasi Toondoo dalam pengajaran ini merupakan sebuah kajian dalam bidang pedagogi. Pedagogi merupakan kemahiran mengajar yang digunakan oleh guru untuk mengajar. Menurut Subahan Mohd. Meerah dan Syed Ismail Syed Mustapha (2017), pedagogi pada abad ke-21 menuntut guru agar kreatif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran serta menggunakan kelengkapan teknologi yang ada. Oleh itu antara kemahiran pedagogi yang harus dikuasai oleh seorang guru ialah kemahiran membina perancangan pengajaran, kemahiran strategi pengajaran dan kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar.

Kekuatan profesion perguruan dalam memastikan hasrat melahirkan generasi berkemahiran abad ke-21 bergantung kepada kecekapan guru menguasai pengetahuan pedagogi. Pengetahuan pedagogi bukan berdasarkan kepada pengalaman atau pengetahuan tradisional, iaitu sistem pengajaran dan pembelajaran diamalkan terlalu bergantung kepada guru. Bagi melahirkan modal insan yang mempunyai kemahiran abad ke-21 seseorang guru wajib mencuba untuk mengadaptasikan pedagogi inovasi teknologi didalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana pengetahuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kebolehan guru mengadaptasikan kaedah yang inovatif memberikan kesan positif kepada perkembangan dan pencapaian pelajar (Iqbal, Khair Amal, & Eva Rumapea, 2018).

Kajian berkaitan penggunaan komik dalam pengajaran dan pembelajaran telah mendapat perhatian beberapa pengkaji di Malaysia. Antaranya kajian oleh Farah Nadia Azman, Syamsul Bahrin Zaibon dan Norshuhada Shiratuddin (2014) bertajuk *Exploring Digital Comics as an Edutainment Tool: An Overview*. Selain itu, kajian juga dilakukan oleh Shamini Krishnan dan Kamisah Othman (2016), bertajuk *The effectiveness of Using Comic to increase Pupils Achievement & HOTS in Science.* Kajian terbaharu oleh Tan Sai Wah dan Ruhizan Mohd. Yasin (2018), bertajuk *Pembelajaran berasaskan komik: Satu Kajian Sistematik dan Meta Analisis*. Kesemua kajian membuktikan komik berfungsi sebagai pemudah cara pemahaman melalui pengajaran menggunakan bentuk teks, visual, spatial, temperikal dan deria dalam memahami makna sesuatu yang dipelajari. Pelajar juga didapati mudah untuk memahami pengajaran.

Kajian ini juga termasuk dalam bidang kajian pedagogi yang memfokuskan kepada pembinaan rancangan pengajaran yang menggunakan komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar sub topik gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Komik berfungsi sebagai pendekatan baharu membantu pemahaman pelajar mata pelajaran kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5. Menurut Siti Zahara , Muhammad Hazizy, Azfi Zaidi, Noorfadzilah A. Rahman (2015), penggunaan ilustrasi bergambar seperti komik, boleh meningkatkan motivasi pelajar dan ayat komik yang mudah pula dapat membantu pelajar memahami konsep yang sukar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan komik Toondoo merupakan bahan bantu mengajar yang terbukti berkesan dalam menjayakan sesebuah pengajaran dan pembelajaran. Kajian terdahulu telah membuktikan keberkesanan komik untuk menarik minat pelajar belajar dan juga sebagai alat menyampaikan maklumat kepada para murid. Walau bagaimanapun kajian ini berbeza daripada kajian lalu kerana kajian ini lebih memfokuskan kepada penggunaan komik Toondoo sebagai bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Kesimpulannya, pengajaran menggunakan kaedah konvensional menyebabkan ramai pelajar sukar memahami konteks atau teori yang diajar kerana cepat berasa bosan dan hilang motivasi. Oleh itu penggunaan komik Toondoo yang mengandungi ilustrasi bergambar akan membantu meningkatkan motivasi pelajar. Ayat komik yang ringkas pula membantu pelajar memudahkan pemahaman mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian ini memfokuskan tentang aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa sub topik puisi Melayu moden. Gaya bahasa yang dimaksudkan adalah gaya bahasa yang terkandung dalam skop pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan 4 dan 5. Kajian bermula dengan mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.

Pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden mencabar kerana kepelbagaian jenis gaya bahasa yang menyukarkan pelajar memahami tajuk tersebut. Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, Kurikulum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bersepadu Sekolah Menengah 2003 menggariskan kajian gaya bahasa dalam puisi terdiri daripada bahasa diksi, dialek, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, peribahasa manakala dari aspek unsur gaya bahasa terdiri daripada kajian berkenaan gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan dan gaya bahasa perulangan dan unsur bunyi. Skop kajian yang luas ini menjadi cabaran dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Isu berkaitan bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu turut diambil kira. Umum mengetahui bahawa bahan bantu mengajar memainkan peranan penting bagi membantu kejayaan sesebuah pengajaran dan pembelajaran. Bahan bantu mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang sedia ada perlu dipelbagaikan dan diselaraskan dengan cara pembelajaran abad ke-21. Menurut Fariza dalam Sohaimi (2016) masalah pengajaran dan pembelajaran yang tidak memikat berlaku dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu kerana guru tidak menguasai pelbagai teknik dan kaedah pengajaran Kesusasteraan Melayu. Terdapat juga guru yang mempunyai pengetahuan sastera yang luas tetapi mereka tidak mempunyai kaedah dan strategi yang sesuai untuk memudahkan pelajar memahami dan menguasai sesuatu aspek sastera.

Kesannya suasana pembelajaran menjadi hambar dan tidak menyeronokkan sehingga akhirnya merencatkan matlamat dan objektif sukatan pelajaran seperti yang diharapkan. Bahan bantu mengajar yang kurang sesuai menjadikan suasana pembelajaran menjadi tidak kondusif dan gagal memberi pemahaman kepada pelajar. Secara tidak langsung motivasi pelajar untuk belajar menurun sehingga menjejaskan emosi dan konsentrasi mereka terhadap pelajaran. Hal ini selari dengan dapatan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Nur Elyani (2014) bahawa bahan bantu mengajar yang tidak sesuai memberikan kesan kepada prestasi belajar dan proses pengajaran pelajar mahupun guru.

Sementara itu, kebergantungan guru kepada buku-buku ulang kaji, penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran corak lama dan strategi pengajaran yang kurang memikat menyebabkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tidak mendapat tempat di hati pelajar. Pelajar juga didapati kurang mempunyai motivasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka (Kamarul, 2011).

Masalah lain pula dihadapi oleh murid apabila guru yang mengajar Kesusasteraan Melayu tidak menggunakan pendekatan yang boleh menarik minat dan mewujudkan pembelajaran berkesan sebaliknya menggunakan kaedah "*chalk and talk*". Menurut Naffi Mat (2012) teknik baca teks, bincang dan menjawab soalan sebagai penanda aras kefahaman pelajar masih menjadi rutin yang telah memberi impak kepada subjek Kesusasteraan Melayu itu sendiri. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan suasana yang membosankan di dalam kelas dan murid tidak berminat untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Noriah Taslim dalam Othman Puteh (2000) menegaskan pendidik berperana penting untuk meningkatkan prestasi bidang kesusasteraan sebagai disiplin ilmu yang sangat penting di semua peringkat pendidikan.

Pendidikan Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ini seringkali dianggap mata pelajaran yang membosankan. Perkara ini berlaku kerana dianggap sebagai suatu mata pelajaran yang tidak mempunyai nilai ekonomi dan ditawarkan kepada pelajar kelas hujung. Seharusnya perkara ini tidak berlaku dalam dunia pendidikan negara. Hernandez et.al, (2010) berpendapat bahawa seharusnya kerja murid dalam keadaan campur tangan mendedahkan pertumbuhan kepada pemikiran Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka dan hal ini supaya murid dapat memahami bahawa asas Kesusasteraan Melayu adalah lebih daripada mempelajari karya sastera.

Berdasarkan isu-isu yang timbul berkaitan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu, penggunaan laman web Toondoo diharapkan dapat mengatasi isu-isu dan masalah yang dibangkitkan. Menurut Tucker (2014) pada masa kini banyak teknologi tersedia percuma dan mesra pengguna di dalam web 4.0, dengan pemikiran membawa dunia ke dalam bilik darjah untuk merasai sendiri pengalaman dunia sebenar, guru perlu menggunakan teknologi secara berterusan.

Oleh itu guru Kesusasteraan Melayu wajar melakukan proses pengajaran dan pembelajaran berbantukan bahan daripada Internet seperti komik Toondoo kerana sifatnya yang percuma dan mesra pengguna. Tambahan pula bahan mengajar komik Toondoo sangat membantu dalam meningkatkan pencapaian dan minat murid terhadap pembelajaran. Kirkwood & Price (2014) mendapati ciri-ciri visual yang terdapat dalam komik Toondoo mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan lebih berpusatkan kepada murid.

Mengikut Sidek dan Jamaludin (2005) komik pembelajaran atau bahan rujukan yang lebih ringkas dan direka dalam pelbagai bentuk pendekatan strategi pembelajaran memudahkan murid memahami sesuatu perkara dengan lebih baik. Jumlah murid yang ramai menjadikan guru sukar untuk menilai pencapaian setiap murid. Hal ini memerlukan guru menggunakan pelbagai pendekatan untuk setiap murid agar mereka mampu mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Seperti yang diketahui, kecerdasan dan kebolehan setiap murid adalah berbeza. Salah satu cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggunakan komik sebagai bahan pembelajaran. Penggunaan komik sebagai bahan bantu mengajar berbentuk grafik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah bahan bantu mengajar yang menarik dan mampu merangsang minat pelajar. Menurut Mazlan Ismail (2016) bahan bantu mengajar seharusnya memiliki warna yang menarik perhatian murid agar mereka lebih ceria belajar di samping bahan grafik yang menggambarkan isi kandungan bagi membantu pemahaman murid.

Hasil tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat kelompongan yang jelas. Kajian tentang aspek pengajaran dan pembelajaran menggunakan bahan bantu mengajar Komik Toondoo belum dilaksanakan secara meluas di negara kita khasnya berkaitan Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian penggunaan Toondoo dalam pendidikan di Malaysia sangat terhad iaitu kajian oleh Farah dan Syamsul (2014), Shamine dan Kamisah (2016) dan Tan dan Ruhizan (2018).

Kajian mengenai penggunaan komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden belum mendapat perhatian pengkaji kerana lebih tertumpu pada mata pelajaran dan aspek lain. Contohnya kajian berkaitan dalam mata pelajaran geografi dilakukan oleh R. Dasgupta (2017), Perubatan (D. Junhasarasdikul, (2017), Bahasa Inggeris (Alba Milena, 2016), Dwi Kurnia (2018)), Matematik Puspita (2016), Bahasa Mandarin (Nuning Catur , 2015), Sains (Shamine, 2016) dan penulisan kreatif (Mona, 2018). Pada ketika ini belum ada lagi kajian berkaitan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dilakukan.

Dalam merancang pengajaran dan pembelajaran, pelbagai elemen dan aspek perlu difikirkan oleh pendidik dan mereka yang terlibat dengan pengajaran. Oleh itu pendidik perlu mereka bentuk pengajaran mereka agar dapat membina dan merancang pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurut Ghazali Din (2016), guru-guru pada hari ini telah didedahkan dengan kemahiran multimedia dan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh hal yang demikian, penyelidik membina rancangan pengajaran yang menggunakan lembaran komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar gaya bahasa puisi moden. Teknik ini diharapkan dapat membantu penyelidik bagi membantu menyelesaikan masalah murid tingkatan empat dalam pemahaman sesuatu konsep sastera serta meningkatkan minat mereka untuk belajar. Pendekatan yang digunakan adalah secara kolaboratif melibatkan antara guru dengan murid dan antara murid dengan murid. Melalui cara ini, pembelajaran berkesan dapat berlaku dengan maksimum.

Komik membantu guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu mengajar tajuk gaya bahasa dengan lebih berkesan. Dalam proses pembacaan komik, murid dapat melahirkan idea-idea yang kreatif untuk menerangkan konsep gaya bahasa yang dipelajari, memahami konsep gaya bahasa, seterusnya membantu meningkatkan pemahaman, ingatan dan pencapaian mereka.

Oleh itu, kajian berkaitan aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa perlu dilakukan sebagai satu cara efektif untuk menarik minat murid belajar seterusnya dapat memahami gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Minat belajar penting untuk membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hasil kajian ini juga penting untuk mengisi kelompongan dalam bidang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti permasalahan pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

2. Menghasilkan rancangan mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden berasaskan Komik Toondoo.

3. Menganalisis maklum balas pelajar terhadap aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden berbantukan komik Toondoo.

1.5 Persoalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. Apakah masalah yang berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ?

2. Bagaimanakah rupa bentuk rancangan mengajar gaya bahasa puisi Melayu moden yang berbantukan komik Toondoo ?

3. Bagaimanakah maklum balas pelajar terhadap pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden berbantukan komik Toondoo?


1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian memerlukan asas rasional yang kuat untuk menunjukkan perkaitan antara latar kajian serta persoalan kajian yang spesifik dengan persoalan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih besar. Menurut Othman Lebar (2017), pembinaan kerangka konseptual menggabungkan pengalaman, pengetahuan penyelidik dengan penelitian yang dibuat ke atas literatur dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan fokus kajian yang dicadangkan. Pada bahagian ini, arah tuju kajian dan hubungan konstruk yang berbeza yang hendak dikaji dijelaskan. Sehubungan itu, kerangka konsep dalam kajian ini dapat dijelaskan dalam rajah berikut.



Rajah 1.1. Kerangka konsep kajian

Berdasarkan rajah di atas pengkaji telah menetapkan kajian bermula dengan mengenal pasti masalah dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi moden. Kaedah kutipan data digunakan adalah temu bual dan kajian kepustakaan. Fokus kajian seterusnya adalah mengenal ciri-ciri komik Toondoo yang digunakan untuk penghasilan rancangan pengajaran gaya bahasa puisi Melayu moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Rancangan mengajar yang dibina pula adalah berpandukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif. Akhir sekali maklum balas pelajar terhadap pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa berasaskan komik Toondoo dinilai dan dianalisis untuk melengkapkan dapatan kajian.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada aplikasi komik Toondoo untuk tujuan bahan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Pengkaji membataskan kajian dengan memilih empat sahaja puisi Melayu moden dalam teks Kesusasteraan Melayu Moden Tingkatan 4 dan 5, *Antologi Ku Bentang Sehelai Peta* iaitu sajak *Virus dari Langit Global* (Nur Suhada Sayuti), Sajak *Seorang Tua di Kaki Tamadun* (Fadh Razy), *Sajak Selamat Tinggal Eropah ll* (Muhammad Haji Salleh) dan sajak *Citra Pelangi 1 Malaysia* (A. Halim Ali). Batasan ini dibuat kerana pengkaji membataskan dua sajak dalam setiap rancangan mengajar yang dibina. Memandangkan pengkaji membina dua rancangan mengajar maka empat sajak telah dipilih untuk kajian ini.

Pengkaji juga membataskan kajian kepada pengajaran puisi Melayu moden. Topik tersebut terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu pada Bahagian D, Puisi Tradisional dan Moden. Sub topik 6.0 iaitu kajian gaya bahasa dipilih kerana kesesuaian aspek diajar menggunakan pendekatan komik. Pengkaji membataskan kajian kepada aspek 6.3 pada sub topik iaitu menganalisis unsur gaya bahasa dalam puisi yang dikaji. Kajian ini hanya menggunakan gaya bahasa pengulangan (anafora, responsi, epifora dan repetisi), metafora, personifikasi, hiperbola, sinkop dan simile. Hal ini kerana aspek unsur gaya bahasa sangat luas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sedangkan pengkaji hanya bertujuan membina dua rancangan mengajar. Tambahan pula, gaya bahasa yang dipilih untuk kajian ini adalah antara gaya bahasa yang kerap ditemukan dalam kajian puisi Melayu moden. Huraian aspek bagi sub topik tersebut adalah seperti berikut:

6.0 Menganalisis gaya bahasa dalam puisi
6.1 Menerangkan definisi gaya bahasa.
6.2 Menerangkan diksi, dialek, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik dan peribahasa dalam puisi.
6.3 Menganalisis unsur gaya bahasa dalam puisi yang dikaji.
6.4 Menganalisis unsur bunyi dalam puisi yang dikaji.

Rajah 1.2. Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, KBSM, 2003

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini juga akan memfokuskan kepada menghasilkan bahan bantu mengajar menggunakan aplikasi Toondoo. Komik Toondoo dipilih kerana kemampuannya mencipta persekitaran pembelajaran yang efektif menggunakan teknologi visual . Oleh itu, sebanyak dua rancangan mengajar untuk tujuan mengajar sub topik tersebut akan disediakan. Pengkaji membataskan dua lembaran komik untuk setiap sub topik yang diajar. Oleh kerana terdapat empat sub topik yang dipilih maka pengkaji akan menyediakan hanya sembilan lembaran komik untuk tujuan pengajaran.

Pembinaan rancangan mengajar dan bahan bantu mengajar komik Toondoo dan pada kajian ini adalah berdasarkan saranan teori konstruktivisme kerana kesesuaiannya sebagai teori pembelajaran. Pengkaji melaksanakan teori ini dengan menggunakan pendekatan kolaboratif atau aktiviti belajar secara berkumpulan di dalam rancangan pengajaran yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Metodologi yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual, kaedah analisis kandungan dan kaedah kepustakaan. Teori Konstruktivisme berasaskan pendapat Jean Piaget dan Lee Vygotsky (1896-1980) dan pendekatan secara kolaboratif digunakan sebagai asas utama pembinaan rancangan pengajaran. Teori dan pendekatan tersebut digunakan kerana kesesuaiannya sebagai teori kognitif yang diakui sesuai dengan gaya pembelajaran abad ke-21 oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Kajian ini membataskan kepada lima peserta kajian yang terdiri daripada guru Kesusasteraan Melayu yang berpengalaman mengajar mata pelajaran tersebut. Mereka dipilih untuk sesi temu bual berkaitan masalah pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi moden. Selain itu, 10 peserta kajian dalam kalangan murid pula dipilih dari SMK Padawan, Kuching, Sarawak. Sekolah tersebut dipilih kerana menawarkan mata pelajaran elektif Kesusasteraan Melayu. Mereka terdiri daripada murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sebagai mata pelajaran elektif di SMK Padawan. Keseluruhannya, batasan kajian dibuat berdasarkan tujuan dan kehendak kajian ini.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan membina perancangan mengajar berbantukan komik Toondoo bagi pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden yang terkandung dalam buku teks Kesusasteraan Melayu SPM Tingkatan 4 dan 5. Hasil kajian ini penting dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran tajuk gaya bahasa dalam puisi moden. Kepentingan kajian mengenai aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pembelajaran pusi moden ini boleh dibahagikan kepada empat pihak iaitu pelajar, guru, sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan pengkaji yang lain.

Kajian ini penting dalam menyelesaikan masalah pembelajaran gaya bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu khasnya berkenaan topik gaya bahasa puisi Melayu moden. Kajian ini juga penting bagi mendapatkan maklumat ciri-ciri yang ada pada komik Toondoo untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Ciri-ciri ini penting untuk meningkatkan pengetahuan guru Kesusasteraan Melayu dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Secara tidak langsung, kajian ini secara keseluruhannya berkepentingan memberi cadangan penggunaan komik sebagai bahan bantu mengajar agar pengajaran guru lebih menarik dan efektif.

Penggunaan komik Toondoo dapat membentuk pengajaran yang memikat, aktif dan menyeronokkan seterusnya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang segar dan bermotivasi. Pelajar tidak berasa bosan dan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran kerana mereka dilibatkan secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan komik Toondoo di samping pembelajaran secara kolaboratif bukan sahaja dapat memupuk bakat pelajar tetapi juga mampu menimbulkan minat dan penghayatan terhadap karya sastera.

Selain itu, kajian ini penting untuk membangunkan sebuah pelan pengajaran gaya bahasa puisi Melayu moden yang berbantukan komik Toondoo. Umum mengetahui komik penting sebagai bahan bantu mengajar dalam kalangan guru khasnya guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, maka rancangan pengajaran yang dibina dapat membantu mempelbagaikan rujukan guru untuk menambah baik kaedah pengajaran gaya bahasa yang sedia ada. Rancangan pengajaran yang dihasilkan turut menjadi garis panduan yang jelas dan terperinci untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memastikan pelajar terkawal dalam pembelajaran kolaboratif. Intinya, guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut kreativiti dan tahap pencapaian pelajar masing-masing.

Kajian ini penting dalam meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar dalam pembelajaran gaya bahasa puisi moden. Hal ini demikian kerana, bahan komik Toondoo telah dikaji keberkesanannya dalam meningkatkan motivasi murid. Murid dapat lebih memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru. Selain itu mereka juga lebih bersemangat dan bermotivasi belajar dengan merujuk bahan grafik komik sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu komik yang dibina juga mampu menaikkan pencapaian di kalangan murid khasnya murid yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu SPM.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan dan pengkaji hasil kajian ini akan menjadi rujukan penting sebagai satu bahan pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan dalam pelaksanaan dasar-dasar teknik pengajaran dan pembelajaran yang baharu selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke-21. Penggunaan laman web komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran perlu diperluaskan. Dengan itu usaha memantapkan sistem pendidikan negara untuk menghadapi gelombang web 4.0 melalui penggunaan teknologi dalam pendidikan dapat dilaksanakan.

Bagi pengkaji pada masa depan, khasnya dalam bidang pedagogi, kajian ini penting dijadikan sebagai asas untuk membuat kajian seterusnya berkaitan bidang yang sama. Tambahan pula, kajian berkaitan penggunaan komik dalam bidang pendidikan di Malaysia adalah terhad. Dengan itu, kajian ini secara tidak langsung dapat memberi panduan dan penilaian yang tepat untuk dibuat penambahbaikan. Akhirnya kajian ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat membantu memperkembang pengetahuan dan kemahiran seperti yang dikehendaki.

1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional ialah satu elemen yang digunakan dalam proses kajian saintifik bagi suatu konsep khas yang diertikan sebagai kekerapan pengukuran. Hal ini kerap digunakan dalam bidang falsafah, psikologi dan pengajian komunikasi. Definisi operasional adalah penting dalam membantu pengkaji memahami konsep sebenar penyelidikan yang dijalankan. menerangkan istilah-istilah sebenar sesuatu kajian yang dijalankan secara terperinci. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan berasaskan beberapa istilah atau konsep yang dirumuskan kepada definisi operasional seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.1 Aplikasi Komik Toondoo

Menurut laman web utama www.Toondoo.com (2012) komik Toondoo merupakan satu aplikasi yang dihasilkan oleh Syarikat Jambav. Laman web ini digunakan untuk mereka komik berunsur pendidikan yang menarik dan menyeronokkan untuk murid-murid. Toondoo juga direka untuk mewujudkan keunikan yang pelbagai dalam permainan dalam talian dan disesuaikan dengan permainan dalam talian yang berunsurkan pendidikan bagi memenuhi keperluan kanak-kanak yang memiliki gaya pembelajaran yang berbeza. Di samping itu, Toondoo juga direka untuk memberi peluang kepada sesiapa sahaja yang tidak mempunyai bakat melukis kartun untuk mereka komik mengikut kreativiti tersendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut guru pakar Steve Bowkett & Tony Hitchman (2012) imej kartun dalam komik boleh digunakan sebagai sebahagian daripada senjata guru untuk melahirkan pelajar yang celik huruf, membina kemahiran berfikir dan meningkatkan kreativiti dan minat belajar. Oleh itu, aplikasi komik Toondoo yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah seperti yang terdapat dalam laman web www.Toondoo.com.

Bahan bantu mengajar dalam bentuk lembaran komik digunakan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Selain itu lembaran kerja ini berfungsi sebagai pemudah cara kepada guru-guru sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak enam lembaran komik yang direka menggunakan komik Toondoo disediakan untuk melengkapkan rancangan pengajaran yang disediakan.

Guru juga menggunakan laman komik Toondoo sebagai tugasan kepada pelajar. Aktiviti membina komik diberikan sebagai tugasan yang perlu disiapkan secara berkumpulan di luar waktu kelas. Dengan cara ini komik Toondoo juga diaplikasikan dalam aktiviti pengukuhan pelajar. Berdasarkan perbincangan di atas, komik Toondoo yang akan digunakan dalam konteks kajian ini merujuk kepada bahan Toondoo daripada laman web www.Toondoo.com.

1.9.2 Pengajaran dan Pemudahcaraan

Pengajaran merupakan proses untuk menyampai dan menyumbang idea-idea. Ahmad Subki dan Syed Ismail (2013) mendefinisikan pengajaran sebagai aktiviti yang berkaitan penyebaran ilmu pengetahuan yang meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Pengajaran memudah cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembinaan ilmu dengan menentukan standard dan menggalakkan kreativiti murid. Dengan itu pengajaran membantu seseorang murid untuk belajar dan mencabar murid ke arah pencapaian potensi optimum.

Sementara itu, Abdul Majid (2015) istilah pembelajaran bermaksud usaha untuk mendidik dan memupuk seseorang individu atau kelompok melalui pelbagai usaha dan pelbagai strategi langkah dan pendekatan ke arah pencapaian tujuan yang telah dirancangkan. Kegiatan guru secara terprogram dalam reka bentuk pengajaran untuk menjadikan pelajar belajar secara aktif yang menekankan terhadap penyediaan sumber pembelajaran.

Frasa pemudahcaraan ditemukan dalam pembinaan rancangan pengajaran dalam pembelajaran abad ke 21 menggantikan frasa pembelajaran yang digunakan sebelum ini. Frasa ini juga digunakan dalam menghuraikan senarai Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang kedua (2016-2020). Peranan guru sebagai pemudah cara pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk memperkembang potensi murid secara menyeluruh dan pencapaian murid pada tahap optimum secara berterusan.

Guru pada abad ke 21 perlu mempunyai kemahiran pemudahcaraan. Kemahiran tersebut merupakan proses yang memudahkan sesuatu tindakan. Proses pemudahcaraan menggerakkan sesuatu aktiviti pembelajaran agar dapat dijalankan dengan lancar. Selain itu, pemudahcaraan turut merupakan kecekapan guru yang berjaya memotivasikan pelajar-pelajar bersedia belajar, membimbing mereka menjalani aktiviti pembelajaran dengan lancar, menggalakkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan melicinkan segala proses pembelajaran secara terus menerus tanpa sebarang gangguan atau hentian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jeanne Allen & Simone White (2018) menjelaskan guru paling berkuasa pada pencapaian pelajar. Ian Gilbert (2011) pula menjelaskan peranan guru abad ke 21 adalah untuk membantu murid dengan menunjukkan di mana dan bagaimana untuk mendapatkan pengetahuan, untuk mengaplikasikan pengetahuan secara kreatif dan mengingati.

Bahan bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini adalah penggunaan komik Toondoo. Menurut Mazlan (2016) bahan pengajaran yang baik adalah bahan yang berbeza daripada kebiasaan yang digunakan untuk melahirkan perasaan ingin tahu. Pengkaji mendapati komik Toondoo adalah bahan baharu yang belum digunakan secara meluas sebagai bahan bantu mengajar khasnya di negara kita. Imej komik boleh digunakan sebagai sebahagian alat pemudahcaraan untuk meningkatkan minat belajar, kreativiti murid dan rasa ingin tahu di kalangan murid (Steve Bowket & Tony Hitchman, 2012). Maka Toondoo pastinya berbeza daripada kebiasaan guru dan pastinya dapat menarik perhatian pelajar.

Menurut Siti Khairiah Mohd Zubir (2016), usaha menarik minat pelajar dalam pengajaran puisi adalah dengan mempelbagaikan kaedah, teknik, pendekatan dan aktiviti. Cara tersebut digunakan untuk menjadikan sesi pengajaran puisi sesuatu yang menyeronokkan, menarik dan berkesan. Subahan Mohd. Meerah (2017), pula menyatakan penggunaan internet dalam pengajaran pada abad ke-21 kini dapat menyediakan sumber yang begitu luas kepada guru dan pelajar. Penggunaan internet sebagai media pengajaran dan pembelajaran mewarnai dunia pendidikan mengubah corak pengajaran dan pembelajaran tradisi kepada corak yang lebih moden. Terdapat banyak laman web telah dibina dan diselenggarakan untuk objektif tertentu termasuk pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebuah laman web, ED's Oasis 2000 menyenaraikan jenis laman sesawang yang dikategorikan kepada tiga iaitu sebagai a)Bahan sumber, b)Projek, dan c) Sumber maklumat tambahan. Kajian ini menggunakan laman sesawang www.Toondoo.com untuk mendapatkan bahan pengajaran. Toondoo adalah kategori bahan sumber dari internet yang boleh digunakan oleh guru secara percuma bagi menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan laman Toondoo sebagai *platform* untuk melengkapkan tugasan berbentuk aktiviti berkumpulan.

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran adalah berkaitan pengetahuan pedagogi di dalam kalangan guru kesusasteraan Melayu. Pendidikan abad ke-21 menuntut guru Kesusasteraan Melayu wajib mencuba untuk mengadaptasikan pedagogi inovasi teknologi di dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana pengetahuan dan kebolehan guru mengadaptasikan kaedah yang inovatif memberikan kesan positif kepada perkembangan dan pencapaian pelajar. Menurut Abang Patdeli dalam A. Halim Ali dan Julieta Taisin (2018) aspek pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu harus disuntik dengan inovasi agar tidak hanya berfokuskan pengajaran dan pembelajaran aspek struktural atau formalistik . Oleh itu inovasi dilakukan terhadap pelbagai teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran sedia ada agar lebih mantap dan sesuai dengan tahap penerimaan murid dalam era digital kini.

Walau bagaimanapun, istilah pembelajaran dalam kajian ini membawa maksud kegiatan guru secara terancang dalam reka bentuk rancangan pengajaran untuk menjadikan pelajar belajar secara aktif. Kajian ini menunjukkan pembelajaran bukan sahaja terbatas kepada peristiwa yang dilakukan oleh guru tetapi mencakupi semua kegiatan yang mempunyai pengaruh langsung dalam proses belajar yang meliputi aktiviti yang diperoleh daripada bahan pengajaran seperti komik Toondoo. Istilah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemudahcaraan dalam kajian ini merujuk kepada peranan guru mata pelajaran kesusasteraan Melayu dalam membimbing pelajar sastera menjalani aktiviti pembelajaran dengan lancar disamping menggalakkan mereka melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Dengan itu, segala proses pembelajaran dapat berjalan dengan lancar secara terus menerus tanpa sebarang gangguan atau hentian.

1.9.3 Gaya Bahasa

Menurut Ariff Mohamad (2018) istilah gaya bahasa hanya digunakan dalam perbincangan karya-karya Kesusasteraan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu. Sementara itu, menurut Nik Hassan Basri (2005) pengajaran gaya bahasa dalam karya kreatif penting kerana gaya bahasa dianggap sebagai nadi yang menghidupkan sebuah karya kreatif. Karya kreatif yang berbentuk puisi Melayu moden mempunyai unsur keindahan dan istimewa kerana terbina daripada gabungan unsur-unsur gaya bahasa tertentu.

Menurut Atmazaki (1993), unsur formal sajak adalah bahasa yang tersusun dalam baris dan bait. Selaras dengan pendapat itu, kajian gaya bahasa dalam konteks kajian ini merujuk kepada gaya bahasa dalam aspek perulangan (anafora iaitu pengulangan kata pada awal baris, aspek epifora iaitu pengulangan perkataan pada akhir baris, aspek responsif iaitu pengulangan kata pada tengah baris, aspek repitisi iaitu pengulangan perkataan, asonansi iaitu pengulangan bunyi vokal dalam baris dan aliterasi iaitu pengulangan bunyi konsonan dalam baris). Walau bagaimanapun aspek kajian gaya bahasa yang akan digunakan dalam kajian ini merangkumi konsep gaya bahasa, gaya bahasa perulangan dan gaya bahasa klasik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.4 Puisi Melayu Moden

Puisi Melayu moden dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu merujuk kepada sajak. Sajak adalah karya sastera yang puitis dan sarat dengan unsur estetik. Menurut Halim Ali (2004) sajak adalah satu-satunya genre puisi Melayu moden. Pengikut sastera Melayu di Indonesia, Brunei dan Singapura sajak difahami sebagai puisi Melayu moden.

Puisi Melayu moden telah dimasukkan dalam kandungan pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan bahasa Melayu di sekolah sejak tahun 1957. Penggunaan puisi Melayu moden sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bertujuan menggalakkan pelajar sentiasa kreatif dengan menghasilkan karya-karya dan dapat pula menghuraikan pengajaran-pengajaran dalam karya kepada kehidupan seharian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sajak merupakan salah satu genre puisi yang turut diajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di peringkat menengah (Tingkatan 4 dan 5). Mulai tahun 2015 buku teks yang digunakan sebagai rujukan utama pelajar dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu adalah *Antologi Ku Bentang Sehelai Peta (Sastera Moden)* yang memuatkan 26 buah puisi Melayu moden. Dalam konteks kajian ini puisi Melayu moden yang digunakan untuk kegunaan kajian ini adalah *Virus dari Langit Global* (Nur Suhada Sayuti), Sajak *Seorang Tua di Kaki Tamadun* (Fadh Razy), Sajak *Selamat Tinggal Eropah ll* (Muhammad Haji Salleh) dan sajak *Citra Rancangan gi 1 Malaysia* (A. Halim Ali).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.5 Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu

Kesusasteraan Melayu adalah ialah satu mata pelajaran yang tersenarai dalam kurikulum pendidikan di sekolah. Tujuan Pengajaran Kesusasteraan Melayu diajar di sekolah adalah untuk melengkapkan ilmu sastera dengan harapan pelajar dapat menghayati, menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan sastera Melayu.

Bagi pengajaran Kesusasteraan Melayu sebagai satu subjek, puisi Melayu moden dihadirkan sebagai salah satu daripada genre karya yang digunakan bagi mencapai tujuan pengajaran dan pembelajaran (Halim Ali, 2004). Puisi Melayu moden berperanan sebagai sumber yang boleh melengkapkan keperluan emosi pelajar.

Sahlan Mohd Saman dalam Othman Puteh (2000) menyatakan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu merangkumi soal mempelbagaikan kaedah atau pendekatan pengajaran dengan sesuatu yang menarik minat pelajar. Cara tersebut dapat menghindarkan monotoni, mendedahkan pelajar kepada inovasi dan kreativiti, memberi petanda bahawa guru memiliki ilmu yang cukup luas serta mudah dipercayai.

Sehubungan itu mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang menjadi perhatian sebagai subjek kajian ini ialah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan empat yang ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di sekolah menengah di Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Rumusan

Kesimpulannya dapatlah dirumuskan kajian ini adalah sebuah kajian dalam bidang pedagogi yang memfokuskan kepada pembinaan bahan mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berasaskan komik Toondoo. Penghasilan rancangan pengajaran tersebut bertitik tolak daripada masalah pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden yang dihadapi oleh para guru dan pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hasilnya rancangan pengajaran berasaskan teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif kemudiannya dibina sebagai rujukan penting untuk guru dan pengkaji berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Kajian literatur ialah langkah yang sangat perlu dalam semua kajian. Menurut Fellows & Liu (2003), kajian literasi merupakan kajian terhadap hasil dapatan projek-projek sebelumnya. Kajian literatur juga merupakan aktiviti membuat rujukan secara kritikal dan sistematik terhadao dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea dan data yang berkaitan dengan kajian yang akan dikaji (Chua, 2017). Oleh itu, hasil kajian literatur bukan sahaja diletakkan di awal kajian bahkan digunakan sebagai proses berulang secara berterusan dalam penyelidikan.

Menurut Othman (2017) pula, kajian literatur diadakan sebelum kajian sebenar dijalankan, proses ini dilakukan secara berterusan. Melalui kajian literatur pengkaji berpeluang melibatkan diri dalam dialog bertulis dengan ahli penyelidik lain dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang yang sama, sambil menunjukkan bahawa penyelidik terlibat memahami dan memberi maklum balas kepada kumpulan ilmu yang relevan dengan kajiannya.

Sementara itu, Hart (2003), seorang penyelidik bertanggungjawab untuk mengetahui apakah maklumat yang sedia ada dalam bidang yang hendak dikaji sebelum kajian dilakukan. Proses membuat kajian literatur membantu penyelidik dalam membina masalah kajian. Dalam proses tersebut kajian lepas dirujuk untuk menyokong cara kajian dirangka, menentukan tradisi teori dan cara konsep didefinisikan.

Kajian literatur membantu untuk mengelak daripada melakukan kajian yang telah dilakukan. Hal ini dapat memastikan bahawa pengecaman lompang penyelidikan mempunyai asas yang kukuh dan boleh membantu penentuan persoalan penyelidikan yang akan menjawab kelompangan itu (Eisenhardt & Grabner, 2007). (Siti Uzairah, 2017) menjelaskan kajian literatur memainkan peranan utama untuk mengenal pasti latar belakang kajian supaya boleh menetapkan perspektif tentang tajuk kajian serta mengecam lompang dalam penyelidikan. Dengan mengenal pasti kelompongan melalui proses yang betul membantu pembentukan objektif penyelidikan yang mantap.

Kajian literatur juga membantu penyelidik untuk menguasai ilmu dalam bidang yang dikaji. Proses ini juga membantu penyelidik menentukan kelompongan kajian dengan penyelidikan melalui analisis terhadap sesuatu isu daripada perspektif yang luas dan mendalam, kemudiannya menjurus kepada tujuan tertentu. Penyelidik dapat melihat bagaimana penyelidikan ini berkembang daripada kerja-kerja sebelumnya dengan mengkaji penulisan orang lain. Proses ini membantu penyelidik menentukan hala tuju ke tahap seterusnya dan menilai hasil penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menyedari perkara tersebut, pengkaji melakukan kajian literatur dengan merujuk kepada beberapa sumber bacaan yang terdiri daripada buku, jurnal dan artikel. Perbincangan seterusnya akan menjelaskan tentang huraian kajian literatur berkaitan kajian ini. Bagi memudahkan perbincangan, kajian literatur ini akan dibahaskan mengikut sub topik berikut:

2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Aspek Gaya Bahasa

Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan terdapat beberapa kajian tentang pengajaran dan pembelajaran aspek gaya bahasa. Antara kajian yang membincangkan tentang pengajaran gaya bahasa adalah seperti kajian yang telah dilakukan oleh Shamsudin Othman & Ghazali Lateh (2014) yang bertajuk *Penggunaan Gaya Bahasa Sastera dalam Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah*. Kajian dijalankan di sebuah sekolah menengah di Puchong Selangor.

Kajian tentang penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu ini bertujuan untuk mengkaji persepsi guru terhadap penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu dan melihat sejauh mana keupayaan penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini turut mengkaji dan mengenal pasti masalah pelaksanaan penggunaan gaya bahasa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Kajian tersebut dilaksanakan kepada 118 orang guru peringkat menengah yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Zon Puchong Selangor. Data dikumpulkan daripada soal selidik yang diedarkan kepada semua guru Bahasa Melayu sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menengah. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Statistik deskriptif telah dilakukan untuk memperoleh peratus, min dan sisihan piawai. Selain itu, data juga dipersembahkan dalam bentuk jadual dan carta.

Hasil kajian mendapati guru menghadapi kesukaran mengaplikasikan gaya bahasa sastera dalam pengajarannya kerana kekangan masa dalam pengajaran membuatkan mereka tidak dapat melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Oleh itu beliau menyarankan agar guru mempelbagaikan aktiviti dan menggunakan strategi pengajaran yang berkesan.

Dapatan kajian oleh Shamsudin Othman (2014) membuktikan terdapat guru mengalami kesukaran mengaplikasikan gaya bahasa sastera dalam pengajarannya. Oleh itu beliau menyarankan agar guru mempelbagaikan aktiviti dan menggunakan strategi pengajaran yang berkesan. Meskipun kajian tersebut mempunyai persamaan dalam aspek gaya bahasa namun fokus kajian adalah untuk pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu manakala kajian ini pula memfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Kajian seterusnya yang berkaitan gaya bahasa dijalankan oleh Siti Nor Atikah Salleh (2016) bertajuk *Keanekaragaman Ciri Laras Bahasa Kreatif (Sastera) dalam Penulisan Novel Hujan Pagi*. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan ciri-ciri laras bahasa kreatif dalam penulisan novel *Hujan Pagi* karya A. Samad Said. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Retorik Moden.

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat sembilan jenis laras bahasa kreatif sastera yang terdapat dalam novel *Hujan Pagi*. Laras bahasa tersebut adalah i) bersifat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

imaginatif dan figuratif, ii) Menggunakan bahasa-bahasa hiasan, iii) Wacana perlukisan, iv) Penggunaan Bahasa Baku, v) Menggunakan sudut pandangan orang pertama, vi) Bernada puitis, vii) Pemilihan diksi viii) Bersifat komunikatif dan viii) bersifat ambiguiti (Ketaksaan). Melalui kajian ini (Siti Nor Atikah Salleh, 2016) dapat memberi pendedahan kepada pembaca novel tentang ilmu bahasa. Memahami ciri-ciri laras bahasa kreatif sastera dalam sesebuah karya amat penting untuk membantu pembaca mendekati elemen seni bahasa.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa aspek gaya bahasa dalam novel menjadi fokus kajian. Berbeza dengan kajian ini, aspek gaya bahasa yang dikaji memfokuskan kepada gaya bahasa dalam puisi Melayu moden iaitu sajak. Secara amnya meskipun kajian ini berlandaskan gaya bahasa namun jenis gaya bahasa yang berbeza iaitu memfokuskan kepada gaya bahasa jenis perulangan, peribahasa dan dialek bahasa asing. Selain itu, kajian Siti Noratikah (2016) mengkaji gaya bahasa dalam novel *Hujan Pagi* manakala dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam buku Antologi Ku Bentang Sehelai Peta.

Kajian seterusnya oleh Nur Afifah (2018). Tajuk kajian adalah *Pengaruh Metode Contextual Teaching and Learning (CTL) Terhadap kemampuan siswi dalam menganalisis majas metafora dalam novel 'Rintihan Dari Lembah Lebanon* karya Taufiqurrahman Al Azizy pada siswa kelas XI SMA Negero 5 Padang Sidempuan Tahun Pembelajaran 2017/2018. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui pengaruh metode CTL terhadap kemampuan pelajar menganalisis majas metafora. Seramai 35 orang pelajar dipilih sebagai sampel untuk kajian. Metod yang digunakan adalah metod penelitian kuantitatif dengan pendekatan eksperimen. Untuk memperoleh data, Nur Afifah menjalankan penilaian berdasarkan hasil kerja pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendekatan kontekstual atau CTL merupakan satu cara belajar yang melibatkan guru mengaitkan pengajaran dengan situasi dunia nyata siswa dan mendorong siswa membuat hubungan antara pengetahuan yang dimilikinya dengan penerapannya dalam kehidupan mereka sebagai anggota keluarga dan masyarakat. Berdasarkan analisis yang dijalankan pengkaji mendapati terdapat pengaruh yang signifikan penggunaan metode CTL terhadap kemampuan menganalisis majas metafora dalam novel.

Kajian Nur Afifah (2018) menunjukkan penggunaan bahan pengajaran yang sesuai dan pendekatan kontekstual mempunyai kesan signifikan terhadap kemampuan pelajar menganalisis gaya bahasa metafora. Selari dengan kajian tersebut kajian ini pula dilakukan untuk mengaplikasi komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar yang diyakini mempunyai kesan positif terhadap pengajaran dan pembelajaran tajuk gaya bahasa dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Namun demikian pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kajian ini adalah pendekatan kolaboratif berbeza dengan kajian Nur Afifah iaitu menggunakan pendekatan kontekstual.

Daripada kajian literatur tersebut dapatlah dirumuskan bahawa kajian terdahulu menunjukkan terdapat masalah dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa sastera. Kepelbagaian gaya bahasa menyebabkan murid perlu memahami gaya bahasa untuk membantu mereka memahami maksud sajak yang dipelajari. Sementara itu, bahan pengajaran dan pendekatan yang sesuai akan dapat membantu dalam pemahaman gaya bahasa. Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti masalah dalam pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa bagi mata pelajaran kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Kesusasteraan Melayu

Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan sukar untuk pengkaji mendapatkan hasil kajian tentang pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu yang terkini. Hal ini kerana kebanyakan kajian Kesusasteraan Melayu berfokus kepada kajian teks bukan pedagogi. Namun demikian antara kajian yang membincangkan tentang pengajaran Kesusasteraan Melayu ialah kajian yang telah dilakukan oleh Rozaiman Makmun, Zamri Mahamod, Noor Izam dan A. Rahman (2011) bertajuk *Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan Kesusasteraan Melayu: Peranan Guru Sastera Dalam SPN 21.*

Kajian tersebut dijalankan di Brunei bertujuan untuk mengkaji peranan guru sastera dalam pelaksanaan pendidikan Kesusasteraan Melayu sesuai dengan tuntutan sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN 21) di Brunei Darussalam. Pengkaji menghuraikan tajuk tersebut berdasarkan Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal kandungan (PTPK) yang dikembangkan oleh Punya Mishra dan Matthew J. Koehler. Pengkaji menjelaskan tentang peranan guru sastera berkaitan lima jenis pengetahuan yang saling berhubungan iaitu pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogikal, pengetahuan latar belakang dan kesediaan pelajar, pengetahuan penaksiran, dan pengetahuan teknologikal.

Mereka menegaskan bahawa kajian berkaitan PTPK guru sastera perlu dilaksanakan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu di Brunei agar guru-guru Kesusasteraan Melayu dapat memenuhi tuntutan Pendidikan abad ke-21 yang menuntut proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengutamakan penerapan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Guru sastera ialah agen pelaksana perlu memiliki keterampilan yang diperlukan agar selaras dengan hasrat wawasan 2035 negara Brunei sebagai status negara maju.

Pengkaji menyatakan aspek pengajaran dan pembelajaran perlu disesuaikan dengan kehendak SPN 21. Guru Kesusasteraan Melayu perlu bersedia meninggalkan pendekatan tradisional yang selama ini diamalkan. Proses pengajaran berpusatkan pelajar agar memberi peluang kepada pelajar agar terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih aktif. Pengkaji merumuskan guru Kesusasteraan Melayu perlu mengubah pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti pembelajaran daripada tradisional kepada cara yang lebih inovatif, proaktif dan dinamik serta menggalakkan pembelajaran secara akses kendiri, konstruktif, pembelajaran aktif, koperatif, kolaboratif, inkuiri dan seumpamanya yang lebih berfokuskan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menyimpulkan kajian dengan menyatakan gaya pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu yang bersifat konvensional perlu diubah agar kualiti pendidikan dapat ditingkatkan. Semua ini dapat dilaksanakan apabila guru Kesusasteraan Melayu yang memainkan peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai tahap pengetahuan teknologi pedagogi yang baik.

Persamaan kajian tersebut dengan kajian ini ialah kedua-duanya menekankan aspek pengetahuan teknologi pedagogi dalam kalangan guru Kesusasteraan Melayu abad ke-21, dan kedua-duanya menyarankan agar pendekatan tradisional yang digunakan selama ini digantikan dengan kaedah yang bersifat lebih inovatif. Namun demikian Rozaiman et al. (2011) melalui kajiannya hanya menyentuh aspek pengetahuan pedagogikal, pengetahuan penaksiran dan pengetahuan teknologikal dalam kalangan guru Kesusasteraan Melayu. Di samping itu, kajian ini menyokong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian tersebut yang menggalakkan pembelajaran aktif dan kolaboratif serta lebih berfokuskan pelajar dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu melalui pembinaan rancangan pengajaran berbantukan bahan mengajar komik Toondoo.

Kajian seterusnya berkaitan pengajaran dan pembelajaran sastera dibuat oleh Dexter Sigan John (2013) bertajuk *Using Visual Aids as A Motivational Tool in Enhancing Students Interest in Reading Literary Texts*. Kajian ini dilakukan di Kapit Sarawak. Kajian berbentuk *mix method* menggunakan kaedah soal selidik dan temu bual. Hasil temu bual bersama guru mendapati kesemua guru berpendapat bahawa penggunaan bahan bantu mengajar berbentuk visual dalam pengajaran sastera adalah sangat relevan dan menyeronokkan. Guru-guru tersebut percaya kaedah tersebut dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Guru-guru juga mengakui penerangan teks menjadi mudah dengan bantuan teknologi visual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga menunjukkan penggunaan bahan visual dalam pengajaran sastera dapat meningkatkan motivasi. Hal ini demikian kerana bahan visual melahirkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan seterusnya dapat membantu pelajar faham bahan pengajaran dan pembelajaran secara lebih efektif. Selain itu, bahan bantu mengajar berbentuk visual juga membantu pelajar mengatasi kerumitan bahasa yang digunakan dalam teks sastera, mengatasi unsur-unsur kebudayaan yang tertanam dalam teks, membantu pelajar untuk membuat gambaran teks dengan jelas serta menjana pemikiran kreatif pelajar.

Dexter Sigan (2013) mencadangkan agar guru sastera menggunakan bahan visual dalam pengajaran dan pembelajaran sastera untuk menarik minat pelajar. Sesuai dengan cadangan tersebut, pengkaji menjalankan kajian menggunakan bahan visual berupa komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan harapan dapat melahirkan suasana pembelajaran yang menarik minat pelajar seterusnya membantu meningkatkan pemahaman dan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Jika kajian Dexter dijalankan di kapit Sarawak, kajian ini pula dilakukan di Kuching Sarawak yang menawarkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sebagai mata pelajaran elektif.

Kajian yang hampir serupa berkaitan pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu juga pernah dibuat oleh Normaliza Abdul Rahim (2013). Kajian beliau bertajuk "*Literature Computer Program among Primary School Learner*". Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji penggunaan komputer dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan pengetahuan asas dan pandangan mengenai program Kesusasteraan Melayu yang menggunakan komputer. Sampel kajian ini terdiri daripada 10 subjek sukarela daripada kelas Kesusasteraan Melayu. Mereka terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan yang berusia 9 tahun. Kajian ini dilaksanakan di sebuah sekolah rendah di Malaysia.

Sampel diberi tugasan dalam Bahasa Melayu yang mengandungi pelbagai genre Kesusasteraan Melayu seperti cerpen, puisi moden, quatrain and drama. Kajian ini dilaksanakan selama satu minggu, subjek di temu bual dan di pantau. Pandangan mereka dianalisis untuk menjawab objektif kajian.

Hasil kajian mendapati sampel iaitu pelajar mampu menjawab tugasan yang diberikan. Mereka juga mampu memberi pandangan berkenaan program dan mampu mempelajari kosa kata baru. Sepanjang waktu pembelajaran pengkaji mendapati responden gembira belajar menggunakan komputer. Responden yang ditemu bual menunjukkan minat belajar menggunakan komputer dan rata-rata mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengetahuan asas menggunakan komputer. Dapatan tersebut membuktikan komputer memainkan peranan utama dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu.

Normaliza Abdul Rahim (2013) merumuskan bahawa pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu secara konvensional telah mengurangkan minat pelajar untuk belajar. Dengan bantuan komputer pengajaran dilihat lebih sistematik dan dilihat sebagai sebuah method pengajaran yang berjaya. Kajian ini juga membuktikan penggunaan komputer dalam pembelajaran Kesusasteraan Melayu memberi persepsi baharu dan positif terhadap mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Guru-guru berperanan memantau sewaktu proses pembelajaran menggunakan komputer agar objektif dapat dicapai sepenuhnya.

Walaupun dapatan kajian berjaya membuktikan penggunaan komputer ialah kaedah yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran namun kejayaan tersebut diperoleh melalui sampel pelajar sekolah rendah yang berusia sekitar sembilan tahun. Walaupun aspek kajian adalah sama iaitu menggunakan bahan genre sastera puisi Melayu moden, namun pengkaji menggunakan sampel sebenar iaitu guru dan pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang merupakan pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah.

Kajian Zulikha Jamaludin (2015) berbeza dari segi objektif kerana kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti dan membincang pengetahuan asas dan pandangan terhadap program Kesusasteraan Melayu dengan menggunakan komputer. Namun demikian objektif kajian ini pula lebih kepada pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu menggunakan komik Toondoo. Demikian juga dari segi perlaksanaan kutipan data, kaedah yang digunakan hanyalah pemantauan dan temu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bual. Untuk kajian ini pengkaji juga menggunakan kajian kepustakaan untuk melengkapkan dapatan temu bual.

Daripada kajian literatur tersebut dapatlah dirumuskan bahawa pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu perlu seiring dengan pendekatan pembelajaran pada abad ke-21. Pengetahuan teknologi pedagogi guru abad ke-21 pula penting untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bersifat inovatif, kolaboratif dan berfokuskan pelajar. Penggunaan bahan visual seperti komik Toondoo didapati dapat meningkatkan minat dan motivasi belajar. Oleh itu, berdasarkan kajian literatur tersebut, pengkaji menghasilkan pembinaan rancangan mengajar untuk pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden menggunakan komik yang dihasilkan melalui laman web Toondoo.com .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Menggunakan Komik Toondoo

Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan terdapat beberapa kajian tentang pengajaran dan pembelajaran menggunakan komik. Seiring perkembangan sistem pendidikan negara kaedah penggunaan komik juga berkembang dan berubah mengikut kreativiti guru. Pada masa kini terdapat pelbagai *Tools* yang percuma disediakan di laman web boleh digunakan guru memudahkan pembuatan komik termasuklah aplikasi Toondoo. Kajian seterusnya turut membincangkan tentang komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran.

Seiring perkembangan teknologi, aplikasi komik untuk bahan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah. Kajian oleh Garret Fisher (2017) yang bertajuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pure Pedagogy: Educational Tools to Maintain Student Interest and Engagement in Language Courses. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan teknologi oleh pelajar, mengenal pasti kaedah dan teknologi yang sesuai digunakan untuk generasi semasa dan mencadangkan perubahan untuk meningkatkan penglibatan pelajar. Kaedah penyelidikan ini menggunakan pengajaran bahasa berasaskan tugas (TBLT) sebagai asas utama untuk kerangka metodologi. Sampel kajian terdiri daripada pelajar universiti terpilih di Amerika.

Kajian tersebut mendapati *Toondoo* sebagai aplikasi komik digital sesuai digunakan oleh generasi Y dan Z sebagai pelengkap kepada teknik pengajaran yang digunakan guru. Toondoo melengkapi kaedah membaca dan bercerita yang biasa digunakan oleh guru. Pengkaji menyatakan terdapat banyak bahan yang membantu pembelajaran bahasa menggunakan teknologi untuk menarik perhatian pelajar. Pada bahagian cadangan pengkaji menyatakan adalah menjadi tugas pendidik untuk memperkenalkan *tools* yang sesuai serta memantau pelajar melalui proses penilaian dan pemantauan kemajuan demi kejayaan mereka. Pendidik digalakkan mempelajari pelbagai *tools* untuk menemukan *tools* yang sesuai dan memenuhi keperluan pengajaran.

Meskipun kajian Garret Fisher (2017) membuktikan Toondoo mampu menarik perhatian pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa namun sampel merupakan pelajar yang lebih dewasa dan matang iaitu pelajar universiti di Amerika. Sampel bagi kajian ini pula ialah pelajar sekolah menengah di Malaysia. Perbezaan sampel yang mempunyai latar belakang yang berbeza mungkin akan mempengaruhi dapatan yang terhadap hasil kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian terdahulu menunjukkan komik Toondoo mempunyai impak pada proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan komik Toondoo terhadap prestasi pelajar jelas melalui kajian oleh Ava Clare (2017) yang bertajuk *Evaluating The Use Of Toondoo For Collaborative E-Learning Of Selected Pre Service Teachers*. Kajian mengenai penilaian terhadap penggunaan Toondoo untuk E-Learning bersama guru terpilih ini berfokus kepada penilaian kesesuaian Toondoo sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran secara kolaboratif di kalangan guru pelatih terpilih. Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data adalah melalui temu bual bersama guru, pemantauan, kajian kepustakaan dan data online yang berkaitan.

Fokus kajian ini adalah untuk menentukan sejauh mana Toondoo mempromosikan e-pembelajaran secara kolaboratif dan mengenal pasti pengaruh Toondoo kepada pembelajaran pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar menunjukkan sikap positif terhadap penggunaan Toondoo. Kajian beliau juga mendedahkan bahawa Toondoo mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar. Didapati juga penggunaan Toondoo menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif. Kajian ini agak berbeza dari segi aspek e-pembelajaran. Walaupun kajian yang akan dilaksanakan juga memasukkan unsur pembelajaran secara kolaboratif namun demikian tidak ditekankan aspek e-pembelajaran kerana mengambil kira aspek kesesuaian pelaksanaannya di sekolah yang terlibat. Hal ini demikian kerana di Malaysia terdapat sekolah yang belum mendapat kemudahan internet untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Kajian Ava Clare (2017) dijalankan di Filipina melibatkan 44 orang pelajar universiti Mindanao yang mempelajari subjek teknologi pendidikan, manakala kajian ini melibatkan guru dan pelajar di sekolah menengah di Malaysia yang mengambil mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran Kesusasteraan Melayu. Dapatan kajian berkaitan terdapatnya kesan signifikan penggunaan Toondoo terhadap sikap belajar secara kolaboratif menjadi landasan kajian ini agar dapat dikembangkan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu untuk meningkatkan minat belajar dan pemahaman pelajar.

Kajian lepas menunjukkan proses pengajaran yang menyeronokkan turut membantu pencapaian pelajar. Kajian Nuray Parlak Yilmaz (2017) yang bertajuk *Learning Experiences of Prospective Teachers in a Digital Storytelling Tool Called Toondoo: A Case Study* mendapati penggunaan Toondoo yang menyeronokkan dapat menaikkan keyakinan diri di kalangan pelajar. Kajian ini menggunakan Teori Behaviour, Kognitif dan Konstruktivisme. Kajian secara *mix metod*e ini mendapatkan data melalui kaedah temu bual guru dan pelajar di Turki.

Kajian tersebut menggunakan Toondoo sebagai tugasan yang dibuat secara kumpulan ternyata dapat menarik perhatian dan fokus pelajar. Hasil kajian mendapati pelajar bersikap lebih positif. Hal ini kerana penggunaan bahan komik Toondoo yang menyeronokkan pelajar. Penggunaan aktiviti menggunakan bahan bantu komik Toondoo juga didapati menggalakkan keyakinan didalam diri pelajar. Perbincangan dalam kumpulan berasaskan komik Toondoo didapati menarik perhatian pelajar dan rasa ingin tahu mereka. Berdasarkan dapatan tersebut, pengkaji mencadangkan agar kajian yang lebih luas dengan melibatkan guru dari pelbagai bidang.

Nuray Parlak Yilmaz (2017), telah menggabungkan tiga teori iaitu Teori Behaviour, Kognitif dan Konstruktivisme dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada Teori Konstruktivisme kerana kesesuaian teori untuk pembentukan rancangan pengajaran untuk kegunaan guru dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu. Meskipun kajian tersebut mendapatkan data melalui temu bual sama dengan kajian ini namun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbeza dari segi reka bentuk iaitu dijalankan secara mix method manakala kajian ini pula adalah secara kualitatif.

Kajian tentang penggunaan komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar turut dikaji oleh Nuning Catur (2015) melalui kajian bertajuk *Penggunaan komik online Toondoo dalam Pengajaran Bahasa Mandarin di Budi Utama Multilingual School di Yogyakarta, Indonesia*. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti perubahan kemahiran pelajar sekolah rendah mempelajari Mandarin menggunakan komik dengan mereka komik secara individu dan berkumpulan, mengenal pasti sikap pelajar sekolah rendah terhadap aplikasi komik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin serta mengenal pasti sikap pelajar sekolah rendah terhadap aktiviti pembelajaran secara kolaboratif dalam pengajaran bahasa mandarin.

Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan dalam tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Mandarin pelajar yang membuat aktiviti pembelajaran menggunakan komik Toondoo. Kumpulan pelajar yang dikaji mengakui mendapat kepuasan belajar bahasa Mandarin dengan cara penggunaan komik online ini. Pelajar juga menunjukkan sikap positif yang ketara dengan tekun menyiapkan tugasan komik online yang diberikan tepat pada waktunya tanpa melakukan sebarang gangguan. Pengkaji juga mendapati kebanyakan pelajar memilih menyiapkan tugasan secara kolaboratif daripada secara individu. Kajian ini membuktikan aktiviti pembelajaran menggunakan komik Toondoo menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar.

Nuning Catur (2015) Kajian penggunaan komik tersebut memfokuskan kepada kemahiran mempelajari perbendaharaan kata bahasa Mandarin melalui pembinaan komik online Toondoo secara individu dan kolaboratif. Walaupun aktiviti komik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Toondoo dilakukan secara kolaboratif namun kajian ini berbeza kerana memfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Selain itu, tinjauan literatur berkaitan pengajaran dan pembelajaran menggunakan komik Toondoo pernah dilakukan oleh Dwi Kurnia Mufidah (2018) bertajuk *The Effectiveness of Toondoo to Enhance Students, Creative Writing (An Experimental Research at tenth Grade of MAN Wonogiri in the Academic Year of 2017/2018)*. Objektif kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti keberkesanan komik Toondoo untuk pengajaran penulisan kreatif di kalangan pelajar. Kajian ini adalah kajian kuantitatif menggunakan pendekatan kuasai eksperimen. Sampel dipilih secara rawak daripada kalangan pelajar gred 10 MAN Wonogiri. Hasil dapatan kajian dianalisis menggunakan formula T-Test.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian mendapati pelajar yang diajar menggunakan Toondoo mendapat skor markah lebih tinggi dalam penulisan kreatif berbanding pelajar yang diajar menggunakan lembaran kerja sahaja. Selain itu, aplikasi komik Toondoo juga didapati lebih berkesan berbanding lembaran kerja untuk pengajaran dan pembelajaran penulisan kreatif. Secara amnya, kajian tersebut membuktikan keberkesanan Toondoo dengan membuat perbandingan dengan bahan bantu mengajar lain berbentuk lembaran kerja, manakala dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Toondoo sebagai bahan bantu mengajar sebagai landasan kajian untuk mendapatkan data.

Daripada kajian literatur tersebut dapatlah dirumuskan bahawa komik Toondoo membantu menarik minat dan perhatian pelajar sewaktu belajar. Hasil kajian terdahulu juga telah membuktikan keberkesanan komik Toondoo dalam membantu pelajar mendapat skor markah yang lebih baik dalam peperiksaan. Namun demikian kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian sedemikian dilakukan di negara kita khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Oleh itu kajian ini perlu dilaksanakan bagi menampung kekurangan tersebut.

2.5 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Konstruktivisme dalam Pembelajaran

Berdasarkan tinjauan literatur, didapati terdapat beberapa pengkaji yang telah memfokuskan kajian mereka terhadap aspek teori konstruktivisme. Antara kajian yang membincangkan tentang teori ini adalah kajian oleh Bada dan Steve Olusegun (2015) yang bertajuk *Constructivism Learning Theory: A Paradigm for Teaching and Learning.* Kajian tersebut membincangkan mengenai konstruktivisme sebagai teori pembelajaran yang menjadi paradigma dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai teori pembelajaran dalam bidang psikologi, konstruktivisme menerangkan bagaimana seseorang memperoleh pengetahuan dan belajar.

Mengikut pengkaji teori ini menjurus kepada bidang pendidikan. Hal ini kerana teori ini menyatakan bahawa manusia membina ilmu dan mengungkapkan maksud ilmu melalui pengalaman yang diperoleh. Pemahaman konseptual tentang teori sesuatu karakter ialah asas pembelajaran konstruktivisme. Oleh itu dalam kajian ini pengkaji menghuraikan mengenai tujuh matlamat pedagogi pembelajaran secara konstruktisme. Tujuh matlamat yang dibincangkan adalah berdasarkan kajian Honebein (1996).

Bada dan Steve Olusegun (2015) seterusnya menyenaraikan enam kebaikan pembelajaran secara konstruktivisme. Enam kebaikan pembelajaran secara konstruktivisme mengikut pengkaji adalah: a) Pelajar mendapat lebih pengetahuan dan keseronokan apabila terlibat secara aktif daripada hanya menjadi pendengar pasif. b)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan berkesan apabila menekankan kepada kemahiran berfikir dan memahami berbanding penghafalan. Konstruktivisme menekankan kepada kemahiran berfikir dan memahami. c) Pembelajaran secara konstruktivisme berbentuk fleksibel. Ilmu yang dipelajari boleh diaplikasikan dalam bidang mata pelajaran lain. d) Pembelajaran secara konstruktisme memberi hak milik kepada pelajar tentang perkara yang mereka pelajari kerana pembelajaran didasarkan kepada soalan pelajar dan hasil penerokaan mereka serta dalam kes tertentu pelajar sendiri terlibat dalam proses membina penilaian. Penilaian dalam konstruktivisme melibatkan inisiatif pelajar dan pelaburan peribadi mereka dalam penulisan jurnal, laporan penyelidikan, model fizikal, pembentangan secara artistik. Penglibatan pelajar tersebut membina kemampuan pelajar untuk mengadaptasikan pengetahuan mereka dalam pelbagai bentuk. Pelajar tersebut seterusnya dapat mengaplikasikan ilmu yang diperolehi dalam kehidupan sebenar. e) Aktiviti pembelajaran dalam kontruktivisme yang berdasarkan konteks dunia sebenar merangsang dan melibatkan pelajar dalam dunia realiti. Pelajar dalam kelas konstruktivisme belajar untuk menanyakan sesuatu dan mengaplikasikan sifat ingin tahu secara semula jadi di alam sebenar. f) Konstruktivisme membentuk kemahiran sosial dan komunikasi melalui pembentukan suasana kelas yang dilaksanakan secara kolaboratif dan pertukaran idea. Pelajar belajar berkomunikasi, berkongsi maklumat dan bekerjasama dalam kumpulan menyiapkan sesuatu tugasan. Dalam proses tersebut pelajar secara tidak langsung belajar berkomunikasi agar diterima dalam kumpulan. Kemahiran ini diperlukan pelajar dalam dunia sebenar untuk sukses yang mana perlu pandai bekerjasama dalam mengurus idea-idea yang pelbagai.

Bada dan Steve (2015) merumuskan bahawa guru perlu melakukan refleksi sekiranya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berasaskan konstruktivisme. Guru konstruktivime perlu menggalakkan pelajar untuk sentiasa menilai bagaimana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti yang dijalankan membantu meningkatkan pemahaman mereka. Kajian tersebut menunjukkan bahawa teori konstruktivisme sangat sesuai diaplikasikan dalam proses pengajaran.

Walaupun Bada dan Steve (2015) menyarankan agar guru menggunakan teori konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran dengan menggariskan segala kelebihan namun pengkaji tidak menunjukkan bagaimana sesuatu bentuk rancangan pengajaran yang menepati ciri-ciri teori ini perlu dibina. Oleh itu kajian ini akan menghasilkan rancangan pengajaran sebagai rujukan guru dalam melaksanakan sebuah pengajaran dan pembelajaran berasaskan teori konstruktivisme dengan menekankan aktiviti secara kolaboratif serta menggunakan bahan bantu mengajar bersumberkan komik Toondoo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kajian oleh H. Dadang Supardan (2016) yang bertajuk *Teori dan Praktik Pendekatan Konstruktivisme Dalam Pembelajaran* juga disoroti oleh pengkaji. Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan yang menjelaskan tentang sejarah, para ilmuan dan teori yang mendasari perkembangan konstruktivisme. Seperti kajian sebelumnya, kajian ini juga merungkai prinsip-prinsip dan penerapan pendekatan konstruktivisme dalam pembelajaran. Pengkaji mendapati teori ini bukan hanya memiliki keunggulan tersendiri untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas tetapi beliau juga mendapati dilema-dilema dalam mempraktikkan pendekatan ini. Dilema yang dihadapi oleh guru dalam mempraktikkan konstruktivisme ialah dilema konseptual, dilema pedagogi, dilema budaya dan dilema politik.

Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa pembelajaran secara konstruktivisme adalah berkesan kerana membantu membentuk kemahiran berfikir dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemahaman pelajar. Secara amnya kajian ini berlandaskan kelebihan konstruktivisme berbanding kelas tradisional serta dilema guru dalam mengaplikasikan teori ini dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun demikian kajian yang akan dijalankan ini adalah menggunakan teori konstruktivisme sebagai landasan dalam membina rancangan pengajaran gaya bahasa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Kajian seterusnya oleh Nimer Abuzahra, Mohammed Abdel-Hakim Farrah dan Sarah Zalloum (2016) yang bertajuk *Using Cartoon in language Classroom from a Constructivist Point of View*. Kajian ini dibuat untuk mengetahui bagaimana kartun animasi sebagai bahan pedagogi boleh diaplikasikan di dalam kelas bahasa dari sudut pandangan konstruktivisme. Berbeza dengan dua kajian sebelumnya kajian ini menggariskan beberapa kebaikan menggunakan kartun dalam pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan teori konstruktivisme. Kajian ini mendapati karakter kartun itu sendiri yang memainkan peranan mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kajian berbentuk kepustakaan ini dibuat dengan menganalisis kandungan kajian terdahulu yang berkaitan.

Kajian ini membincangkan mengenai kecekapan kartun animasi sebagai bahan pengajaran berbentuk audio visual yang sahih dan diaplikasikan di dalam kelas bahasa untuk memberi kepuasan hasil kepada pembelajaran abad ke-21. Walaupun terdapat banyak pendekatan pengajaran bilik darjah boleh digunakan untuk mendapat kesan efektif dalam pengajaran bahasa namun model pengajaran konstruktivisme membolehkan pelajar untuk mendapatkan faedah daripada bahan yang berbentuk teknologi pendidikan khasnya berbentuk kartun animasi.

Hasil kajian yang dibuat pengkaji telah mencadangkan pendekatan konstruktivisme dengan kartun sebagai bahan bantu mengajar bahasa Inggeris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diaplikasikan oleh guru kerana kartun bahan audiovisual bahasa auntentik membolehkan guru menggalakkan pelajar, menarik minat belajar dan mencipta suasana pembelajaran yang kondusif. Filem kartun juga sesuai dengan semua tahap pelajar kerana tidak memerlukan tahap kemahiran yang tinggi untuk memahaminya. Selain itu, kartun memberi peluang kepada pelajar untuk didedahkan dengan kemahiran berbahasa dalam konteks yang berbeza. Apabila pelajar selalu didedahkan dengan kartun mereka didapati mampu membina pengetahuan berbahasa Inggeris tanpa disedari. Kartun bukan sahaja membina kemahiran pelajar, malahan meningkatkan daya imaginasi mereka. Bahan Kartun yang dipilih haruslah disesuaikan dan dibentuk untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Guru juga perlu memastikan kartun yang dipilih bersesuaian dengan kandungan pengajaran.

Pendekatan konstruktivisme mampu membina pengetahuan kerana membenarkan pelajar untuk memperoleh pengetahuan secara individu. Pelajar seterusnya mampu membina idea yang lengkap dalam aktiviti kerja kumpulan secara kolaboratif. Gabungan antara pendekatan konstruktivisme dan filem kartun sebagai bahan bantu mengajar dalam kelas bahasa membantu mencapai objektif pengajaran. Hal ini kerana kedua-dua pendekatan ini membantu membina pengetahuan bahasa pelajar kerana mereka belajar melalui pengalaman seharian. Kartun mewakili gambaran kehidupan seharian dan pengalaman sebenar. Konstruktivisme membolehkan pelajar menghubungkan antara pengalaman sebenar dan konsep baharu.

Pengkaji merumuskan bahawa guru perlu merancang aktiviti yang membolehkan pelajar membina pengetahuan mereka daripada kartun dalam suasana interaktif yang meningkatkan minat, motivasi dan mengembangkan kemahiran untuk mendapatkan ilmu berdasarkan pencapaian mereka yang berbeza. Apabila pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konstruktivisme diaplikasikan dalam bentuk kartun sebagai bahan bantu mengajar pencapaian pelajar akan dapat ditingkatkan. Kesannya daya ingatan pelajar dapat dikembangkan apabila menggabungkan pendekatan tersebut.

Kajian oleh Nimer Abuzahra etl (2016) tersebut bagaimanapun mengkaji kartun secara umum. Kajian yang akan dijalankan ini pula memfokuskan kepada penggunaan kartun dalam bentuk komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar. Rumusan Nimer Abuzahra (2016) adalah berdasarkan kajian kepustakaan dan tidak disertakan data sebagai bukti pencapaian dan keberkesanan kartun sebagai bahan bantu mengajar. Manakala kajian ini menganalisis hasil temu bual bersama guru dan hasil aktiviti pelajar yang menjadi sampel kajian.

Kesimpulannya, berdasarkan analisis beberapa kajian terdahulu, pengkaji merumuskan teori konstruktivisme sebagai teori kognitif ialah pilihan yang sesuai untuk menelusuri kajian yang bakal dilaksanakan, apatah lagi kajian ini adalah dalam bidang pendidikan. Pelaksanaan teori ini perlu dilengkapkan dengan teknik kolaboratif serta penggunaan bahan mengajar yang kreatif dan mampu menarik perhatian pelajar untuk belajar.

2.6 Rumusan

Secara kesimpulan dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini merupakan sesuatu yang baharu dan berbeza daripada kajian sebelumnya. Penggunaan kartun dalam pengajaran masih tidak popular dalam kalangan guru dan pengkaji. Oleh itu pendedahan tentang kemahiran menggunakan kartun khasnya kartun bersumberkan internet seperti laman web komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar amat diperlukan guru. Tambahan pula, hasil penelitian pengkaji terhadap beberapa kajian Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdahulu mendapati bahawa kebanyakan skop kajian sarjana Kesusasteraan Melayu sering memfokuskan aspek nilai murni serta kandungan bahan sastera yang diajar. Keseluruhannya, kajian ini mengisi kelompongan dalam bidang kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Metodologi penyelidikan merujuk kepada kerangka prosedur dalam kajian yang dilakukan untuk membantu menerangkan proses penyelidikan (Siti, 2017). Perbincangan metodologi yang digunakan termasuklah dalam proses menjalankan kajian untuk memastikan langkah-langkah, prosedur kajian dan pembinaan adalah tepat bagi menghasilkan dapatan kajian yang baik untuk mencapai objektif kajian. Langkah-langkah dan prosedur kajian ini merupakan komponen penting untuk menjawab persoalan kajian. Penerangan dalam bab ini merangkumi reka bentuk kajian, data kajian, instrumen kajian serta kesahan dan kebolehpercayaan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Creswell (1998) mendefinisikan reka bentuk sebagai keseluruhan proses penyelidikan, daripada proses pengkonseptualan masalah kepada proses menulis laporan. Chua (2014) pula menyatakan dalam dunia penyelidikan, reka bentuk kajian ditentukan oleh tujuan kajian. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa reka bentuk merupakan keseluruhan rangka kajian penyelidikan yang menyatakan corak jenis kajian yang hendak dilaksanakan, jenis maklumat yang ingin dikumpul, daripada mana sumber maklumat diperoleh dan dengan menggunakan kaedah apa maklumat boleh diperoleh.

Secara umumnya reka bentuk kajian ini dapat diringkaskan seperti jadual di bawah :



Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.1 Kaedah Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggabungkan kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Pada awal kajian, pengkaji melakukan kajian kepustakaan dengan mengumpul, membaca dan merujuk buku, jurnal, dan tesis berkaitan tajuk dan bidang pendidikan khasnya pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian kepustakaan turut dilakukan untuk menyiapkan bab satu dan bab dua yang merupakan bahagian yang banyak melibatkan konsep-konsep berkaitan kajian. Dengan adanya kajian kepustakaan pengkaji dapat meningkatkan kefahaman terhadap tajuk kajian seterusnya membantu pengkaji membuat perancangan yang baik dalam menjalankan kajian ini agar lebih bersistematik.

Kajian lapangan pula melibatkan kaedah temu bual untuk mendapat maklumat berkaitan permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu. Temu bual dijalankan secara semi berstruktur terhadap beberapa orang guru yang berpengalaman mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Menurut Othman (2017) temu bual semi berstruktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Pengkaji menjalankan temu bual semi berstruktur dengan berdasarkan instrumen soalan temu bual yang disediakan. Hasil temu bual di rekod, menulis refleksi, membuat transkripsi dan dianalisis secara deskriptif dengan berbantukan perisian Nvivo 10.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah berdasarkan analisis dokumen dan pemerhatian peserta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menganalisis ciri-ciri yang perlu ada pada komik Toondoo yang dibangunkan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi moden. Untuk tujuan tersebut, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen. Dokumen terdiri daripada bahan-bahan bertulis yang banyak dan relevan kepada kajian yang dijalankan. Dokumen dijana oleh penyelidik bersumberkan data *on line* (dalam talian). Maklumat berkaitan Komik Toondoo dikumpul sebagai sumber rujukan. Analisis kandungan dibuat dengan berpandukan senarai semak ciri-ciri komik untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

Setelah itu, pengkaji membina rancangan mengajar yang lengkap untuk dua sesi pengajaran gaya bahasa puisi Melayu moden menggunakan komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar. Aktiviti yang disediakan dalam rancangan mengajar tersebut disesuaikan dengan teori konstruktivisme iaitu penekanan kepada perkembangan pengetahuan melalui hakikat sosial. Teori konstruktivisme menyarankan pembelajaran secara berkumpulan sebagai proses pembinaan kognitif pelajar. Pendekatan kolaboratif iaitu pembelajaran secara berkumpulan digunakan. Oleh itu, pengkaji membina rancangan mengajar yang menerapkan aspek kolaboratif dengan penekanan kepada aktiviti, kreativiti dan interaksi di kalangan pelajar.

Seterusnya, pengkaji sendiri masuk ke kelas untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan rancangan mengajar yang dirancang. Pengkaji memainkan peranan sebagai pemerhati luar dalam pemerhatian peserta. Menurut Chua (2014) pemerhati luar bermaksud status pengkaji diketahui oleh peserta kerana pengkaji juga merupakan peserta dalam kajian. Dalam kajian ini pengkaji sebagai peserta kajian melakukan pemerhatian terhadap guru dan murid kesusasteraan Melayu. Status pengkaji diketahui oleh para guru dan murid yang terlibat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali, bagi mendapat maklumat berkaitan maklum balas pelajar terhadap aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan berbantukan komik Toondoo pengkaji membuat penilaian berdasarkan temu bual pelajar Kesusasteraan Melayu yang dijalankan selesai sahaja sesi pengajaran dan pembelajaran. Temu bual dibuat bersama pelajar setelah tamat sesi pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden selepas sesi pengajaran dan pembelajaran menggunakan Toondoo. Keputusan dianalisis oleh pengkaji untuk menilai maklum balas pelajar terhadap komik Toondoo sebagai bahan pengajaran dan gaya bahasa puisi Melayu moden.

3.2.2 Teori Konstruktivisme

Konstruktivisme dalam bidang pendidikan bukan teori baharu. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, pembelajaran konstruktivis memberi pengalaman dan pengetahuan kepada pelajar. Arniza & Zamri (2018), menyatakan peranan guru dalam menjayakan pembelajaran konstruktivisme adalah sebagai fasilitator. Guru bukan sahaja perlu mengambil kira kepelbagaian aspek pelajar di dalam bilik darjah supaya pelajar terlibat aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, guru juga berperanan menyokong pembelajaran secara koperatif, iaitu pembelajaran secara bekerja sama-sama.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori pembelajaran konstruktivisme yang dipelopori oleh Jean Piaget (1896-1980) dan Lee Vygotsky (1896-1934) sebagai landasan utama dalam kajian ini. Kedua-dua tokoh tersebut popular kerana menjelaskan teori konstruktivisme dari sudut perkembangan kognitif. Kognitif merujuk kepada aktiviti-aktiviti mental seperti berfikir, menaakul, menganalisis, membentuk konsep dan menyelesaikan masalah (Ahmad, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam teori pembelajaran konstruktivisme, Jean Piaget menyatakan struktur kognitif kanak-kanak bertambah kompleks selaras dengan perkembangan yang dilalui. Prinsip asas teori ini ialah proses dan peringkat yang dilalui oleh seseorang pelajar untuk mengetahui sesuatu. Beliau mendapati dua proses untuk membuat adaptasi dengan persekitaran iaitu melalui proses asimilasi dan akomodasi. Melalui hasil kajian beliau itu, dapat disimpulkan bahawa sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran, guru berperanan membantu pelajar melalui proses asimilasi dengan memuatkan maklumat baharu dalam struktur kognitif sedia ada pelajar. Melalui proses ini pelajar mendapat pengetahuan baharu dan menambah pengetahuan sedia ada mereka. Dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu, pelajar memiliki pengetahuan sedia ada tentang sastera melalui pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS). Proses asimilasi berlaku apabila guru Kesusasteraan Melayu mendedahkan mereka kepada aspek sastera yang lebih mendalam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses asimilasi dikukuhkan lagi dengan proses akomodasi. Dalam proses akomodasi, pelajar berdepan dengan maklumat atau pengalaman baharu. Menurut Piaget, maklumat dan pengalaman baharu ini diperoleh dengan mewujudkan skema baharu untuk menempatkan maklumat baharu. Perkara ini juga boleh terjadi dengan mengubahsuai skema sedia ada agar boleh memuatkan maklumat dan pengalaman baharu. Proses ini turut berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu melalui kepelbagaian pendekatan dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru.

Lee Vygotsky menyatakan murid-murid membina pengetahuan secara individu serta sosial. Proses penaakulan pelajar berkembang melalui interaksi sosial. Tambah beliau, seorang guru seharusnya menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


agar mereka mengkaji serta memanipulasi objek sedia ada. Hal ini adalah kerana setiap murid mempunyai latar belakang yang berbeza budaya, kebolehan, minat dan sebagainya. Pengalaman dan pengetahuan pelajar juga berbeza. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan sebagai fasilitator dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan teori pembelajaran konstruktivis membantu pengkaji dalam merancang pembinaan bahan bantu mengajar dan melaksanakan perancangan pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang membantu meningkatkan perkembangan kognitif pelajar berkaitan gaya bahasa dalam puisi moden. Aspek-aspek pembelajaran konstruktivis seperti soalan-soalan terbuka dan dialog yang meluas serta menggalakkan pelajar menganalisis, mentafsir dan meramal maklumat yang diterima dimasukkan dalam perancangan pengajaran yang disediakan.

Dalam teori ini aspek penilaian merupakan sebahagian proses pembelajaran. Oleh itu, pengkaji turut menyediakan aktiviti penilaian untuk membantu kemajuan pelajar di akhir rancangan pengajaran yang dibina. Pengkaji turut membentuk pengajaran kolaboratif melalui saranan aktiviti secara berkumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.2. Teori konstruktivisme. (Diadaptasi dari Ahmad Subki, 2013)

3.2.3 Pendekatan Kolaboratif

Penggunaan kaedah mengajar secara kolaboratif serta bahan bantu mengajar yang berasaskan Internet sudah pasti memberi ruang kepada pelajar memanipulasi teknologi yang ada untuk memperkembang pemahaman mereka berkenaan sesuatu tajuk pembelajaran. Vygotsky menggalakkan pengajaran kolaboratif kerana pengajaran ini menggalakkan pelajar bekerja dalam kumpulan untuk menyempurnakan tugasan kumpulan, bertukar pendapat, membuat perancangan dan mencadangkan penyelesaian kepada masalah. Strategi pengajaran ini melibatkan penyertaan murid-murid dalam aktiviti pembelajaran kumpulan kecil dan menggalakkan interaksi positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejajar dengan pernyataan itu Johnson & Johnson, (1989) menambah kolaboratif ialah sebuah model pengajaran yang membentuk kelompok-kelompok kumpulan kecil, bekerjasama menyelesaikan tugasan sehingga berjaya memahami dan menyelesaikan tugas yang diberi. Pembelajaran kolaboratif dapat menyumbang kepada pencapaian akademik, mudah dilaksanakan dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Keberkesanan model ini diakui oleh kajian Slavin (1996) yang mendapati tingkah laku dan rekod kedatangan murid bertambah baik dan lebih sukakan sekolah.

Oleh itu kajian ini menggabungkan pendekatan kolaboratif dengan teori konstruktivisme untuk landasan pembinaan rancangan pengajaran gaya bahasa puisi Melayu moden dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Pendekatan ini akan dilengkapkan dengan penggunaan komik Toondoo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.4 Huraian Sukatan Pelajaran

Huraian sukatan pelajaran yang digunakan untuk kajian ini adalah Huraian Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan Empat dan Lima, 2003. Huraian tersebut digunakan sebagai rujukan untuk pembinaan rancangan pengajaran Kesusasteraan Melayu bagi pengajaran sub tajuk gaya bahasa. Pengkaji merujuk bahagian D dalam sukatan yang menghuraikan berkenaan puisi tradisional dan moden (sajak) untuk hasil pembelajaran 6.0 iaitu berkaitan gaya bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Chua (2014), sampel ialah sebilangan subjek daripada sesuatu populasi yang dipilih sebagai responden kajian. Pemilihan sampel adalah aspek yang penting dalam kajian. Penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Pengkaji menggunakan prosedur persampelan bukan kebarangkalian untuk memilih sampel kajian.

Persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan, iaitu sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Pengkaji ingin mengetahui permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Selain itu pengkaji turut ingin mengenal pasti maklum balas murid terhadap penggunaan komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden bagi Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu. Oleh itu, pengkaji telah memilih guru Kesusasteraan Melayu dan pelajar yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu sebagai responden berdasarkan tujuan dan kehendak kajian.

Menurut Othman Lebar (2017), sampel dalam kajian kualitatif adalah kecil, bukan rawak, bertujuan dan teoritikal. Selain itu, pemilihan responden juga dibuat mengikut keselesaan pengkaji dalam populasi yang dikenal pasti boleh menjadi sampel kajian. Tambah beliau responden harus sudi memberi kerjasama dalam temu bual dan juga sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, dalam kajian ini responden terdiri daripada guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dari lima buah sekolah di sekitar Kuching Sarawak. Peserta kajian ini dikenali dengan menggunakan nama samaran agar identiti peserta kajian dapat dirahsiakan. Berikut merupakan responden guru bagi kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini. Responden tersebut telah dikenal pasti sebagai sampel kajian. Mereka memberi kerjasama sepenuhnya sepanjang temu bual dijalankan.

Jadual 3.1

Latar Belakang Guru

No	**Guru**	**Pengalaman mengajar Kesusasteraan Melayu**	**Tempat mengajar**
1	Guru A	3	SMK Padawan
2	Guru B	4	SMK Tun Abdul Razak
3	Guru C	10	SMK Sematan
4	Guru D	10	SMK Bau
5	Guru E	9	SMK Tunku Abdul Rahman

Jadual 3.2

Latar Belakang Pelajar

No	**Pelajar**	**Sekolah**
1	Murid A	SMK Padawan
2	Murid B	SMK Padawan
3	Murid C	SMK Padawan
4	Murid D	SMK Padawan
5	Murid E	SMK Padawan
6	Murid F	SMK Padawan
7	Murid G	SMK Padawan
8	Murid H	SMK Padawan
9	Murid I	SMK Padawan
10	Murid J	SMK Padawan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3

Populasi dan Sampel Kajian

Guru dan pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu		
Data Kajian	Populasi (Orang)	Sampel (orang)
Guru mata pelajaran KM (Kuching, Sarawak)	10	5
Pelajar (SMK Padawan, Kuching,Sarawak)	30	10

3.4 Instrumen Kajian

Untuk memastikan hasil kajian menepati matlamat dan objektif, kaedah atau cara pengumpulan data yang bersesuaian perlu diambil kira. Proses pengumpulan dan penganalisisan data ini merupakan tahap yang penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu penyelidikan kualitatif. Dalam kajian ini, pengkaji merupakan instrumen kajian utama dan mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk berhubung dengan manusia di sekelilingnya.

Peranan pengkaji dalam kajian ini bertindak sebagai pemerhati melalui penglibatan (*participant-observation*), iaitu seorang pengkaji mempersyaratkan interaksi sosial antara pengkaji dan subjek kajian dalam lingkungan subjek pengkajian itu sendiri. Interaksi ini bertujuan untuk memperoleh data melalui teknik yang sistematik (Kamarul, 2012). Untuk mencapai objektif kajian ini, dua instrumen telah digunakan iaitu protokol temu bual dan senarai semak.

Pengkaji menggunakan beberapa instrumen untuk mendapatkan data. Instrumen yang dipilih bertujuan untuk menjawab objektif kajian. Instrumen objektif 1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah protokol temu bual bersama guru kesusasteraan Melayu, objektif 2 senarai semak dan bagi objektif 3, protokol temu bual bersama pelajar kesusasteraan Melayu digunakan. Perbincangan lebih lanjut mengenai perkara ini akan dibincangkan dalam sub topik berikut.

3.4.1 Protokol Temu Bual

Instrumen temu bual digunakan dalam kajian ini. Temu bual digunakan untuk mendapatkan data bagi menjawab objektif 1, iaitu mengenal pasti permasalahan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Temu bual juga digunakan untuk mendapat data bagi menjawab objektif 3, iaitu menilai maklum balas murid terhadap PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden berbantukan komik Toondoo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Othman Lebar (2017), penyelidikan kualitatif banyak bergantung kepada temu bual terutama temu bual secara terbuka dalam mengumpul maklumat. Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus. Temu bual perlu untuk memerhati perlakuan, perasaan atau bagaimana manusia mentafsir dunia sekeliling mereka. Pengkaji memilih menggunakan kaedah temu bual jenis semi struktur untuk mendapatkan maklumat berkaitan permasalahan dalam pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Pengkaji memilih temu bual berbentuk berfokus kepada masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa. Soalan-soalan berkaitan ditentukan terlebih dahulu oleh pengkaji tetapi jawapan kepada soalan tersebut adalah terbuka dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

boleh dikembangkan mengikut budi bicara pengkaji dan responden. Berikut oalah protokol temu bual yang digunakan oleh pengkaji.

APLIKASI KOMIK TOONDOO DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN GAYA BAHASA PUISI MELAYU MODEN MATA PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU

PANDUAN

Instrumen ini disediakan bagi membantu penyelidik menjalankan sesi temu bual bersemuka dengan para responden terpilih yang terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Selamat pagi/petang cikgu.

1. Apa khabar?

2. Saya Karen Anak Guob dari Universiti Pendidikan Sultan Idris ingin menemu bual cikgu untuk kajian aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Semua maklumat yang saya peroleh dari cikgu adalah sulit dan bertujuan semata-mata untuk kajian ini. Maklumat yang cikgu berikan penting untuk menambah baik pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah.

3. Bolehkah saya merakamkan perbualan ini?

4. Berdasarkan pengalaman cikgu, apakah masalah yang sering dihadapi ketika mengajar gaya bahasa dalam puisi moden ?

5. Pada pendapat cikgu, mengapakah masalah tersebut berlaku ?

6. Apakah cadangan cikgu untuk mengatasi masalah tersebut?

7. Pada pandangan cikgu, adakah kekurangan bahan bantu mengajar menyumbang kepada permasalahan ini ? Jika ya, jelaskan.

8. Terima kasih di atas kerjasama yang cikgu berikan. Segala maklumat yang telah diberikan sangat berguna untuk kajian ini.

Rajah 3.3. Protokol temu bual bersama guru Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

APLIKASI KOMIK TOONDOO DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN GAYA BAHASA PUISI MELAYU MODEN MATA PELAJARAN KESUSASTERAAN MELAYU

PANDUAN

Instrumen ini disediakan bagi membantu penyelidik menjalankan sesi temu bual bersemuka dengan para responden terpilih yang terdiri daripada pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Selamat pagi/petang.

1. Apa khabar?

2. Saya Karen Anak Guob dari Universiti Pendidikan Sultan Idris ingin menemu bual anda untuk kajian aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Semua maklumat yang saya peroleh dari anda adalah sulit dan bertujuan semata-mata untuk kajian ini. Maklumat yang anda berikan penting untuk menambah baik pengajaran dan pemudahcaraan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah.

3. Bolehkah saya merakamkan perbualan ini?

4. Berdasarkan PdPc yang telah dijalankan, adakah pembelajaran menggunakan komik Toondoo menarik minat anda untuk belajar gaya bahasa dalam puisi moden ? Jika ya, Apakah ciri-ciri pada komik Toondoo yang menarik minat anda untuk belajar?

5. Adakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa berbantukan komik Toondoo yang dijalankan secara berkumpulan menyeronokkan? Nyatakan alasan anda.

6. Pada pandangan anda, adakah komik Toondoo wajar digunakan oleh guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk menarik minat murid belajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden ? Nyatakan alasan anda.

7. Pada pandangan anda, adakah aktiviti yang disediakan guru menggunakan komik Toondoo memberi ruang untuk meningkatkan kreativiti anda dalam mendapatkan idea mencipta gaya bahasa dalam puisi Melayu moden? Nyatakan alasan anda.

8. Pada pendapat anda, adakah aktiviti penilaian berasaskan komik Toondoo yang diberikan guru turut meningkatkan pemahaman anda berkaitan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden? Jelaskan.

9. Terima kasih di atas kerjasama yang anda berikan. Segala maklumat yang telah diberikan sangat berguna untuk kajian ini.

Rajah 3.4. Protokol temu bual bersama pelajar Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4.2 Senarai Semak Aplikasi Teori, Pendekatan dan Komik Toondoo dalam Rancangan Mengajar

Instrumen senarai semak disediakan untuk menjawab objektif kedua kajian. Objektif kedua kajian adalah untuk membina rancangan mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden berbantukan komik Toondoo. Oleh itu, senarai semak dibina sebagai panduan untuk membina rancangan mengajar yang lengkap dengan mengaplikasikan teori konstruktivisme, pendekatan kolaboratif dan komik Toondoo.

Jadual 3.4

Senarai Semak Aplikasi Teori, Pendekatan dan Komik Toondoo dalam Rancangan Mengajar

Aplikasi	**Bahagian**	**Aktiviti**
Teori Konstruktivisme	Langkah 1	Soalan terbuka
	Langkah 2 dan 3	Penilaian Aktiviti berkumpulan
	Penutup	Memberikan penghargaan
Pendekatan Kolaboratif	Langkah 1 Langkah 2	Aktiviti berkumpulan - Table talkers - Brainstorming Interaksi - Shout Out Kreativiti - Peta I-Think
Komik Toondoo	Set induksi Langkah 1 Langkah 2 Langkah 3	Komik gaya bahasa Lembaran latihan Kad perbincangan Tayangan slaid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Prosedur Pengumpulan Data

Dalam menjalankan sesuatu kajian, prosedur pengumpulan data amat penting. Prosedur pengumpulan data merupakan langkah-langkah yang sistematik agar data yang dikumpul tidak bercampur aduk antara satu sama lain. Pengkaji melakukan beberapa prosedur untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Berikut merupakan prosedur yang digunakan untuk memperoleh data bagi kajian ini:

3.5.1 Langkah 1

Pengkaji telah melakukan proses pengumpulan data menggunakan kaedah temu bual. Berikut merupakan protokol temu bual yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Tajuk
- Arahan kepada penemu bual (kenyataan pembuka kata)
- Soalan-soalan kajian utama yang akan ditanya
- Soalan-soalan kecil yang mengikuti soalan utama
- Ruang untuk merekod mesej yang akan disampaikan oleh informan
- Ruang untuk merekod komen penemu bual
- Ruang untuk merekod nota reflektif

Penyelidik merekodkan maklumat temu bual dengan menggunakan pita rakaman. Nota juga diambil sebagai langkah keselamatan sekiranya berlaku masalah berkaitan pita rakaman. Temu bual dijalankan di sekolah terpilih di kawasan Kuching Sarawak yang menawarkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Temu bual bersama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dijalankan di sekolah pada waktu yang dipersetujui bersama antara pengkaji dan guru.

Pengkaji seterusnya membuat transkripsi rakaman temu bual. Dapatan temu bual dianalisis menggunakan perisian Nvivo 10. Setelah transkripsi dibaca dan tema-tema dikenal pasti kemudian dikodkan. Proses pengekodan dijalankan sehingga tamat transkripsi temu bual seseorang peserta. Hasil analisis temu bual akan dipersembahkan dalam bentuk memerihalkan semula hasil transkripsi temu bual berdasarkan tema permasalahan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) gaya bahasa dalam puisi Melayu moden dan tema maklum balas pelajar terhadap PdPc puisi Melayu moden berbantukan komik Toondoo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Langkah 2

Prosedur yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan data seterusnya adalah menggunakan kaedah analisis dokumen. Dalam proses ini data kajian dikumpul melalui penyelidikan, penyiasatan, pemeriksaan, pencerakinan dan penganalisisan terperinci terhadap bahan bertulis. Menurut Othman (2017: sumber data boleh diperoleh secara on line (dalam talian). Dokumen yang dianalisis oleh pengkaji terdiri daripada jurnal dan bahan bacaan dari internet yang berkaitan dengan ciri-ciri komik pengajaran dan pembelajaran, komik Toondoo, dan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi moden. Berikut merupakan senarai semak untuk tujuan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual : 3.5

Senarai Semak Rancangan Mengajar Berasaskan Komik Toondoo

Rancangan mengajar	**Komik Toondoo**	**Aktiviti**
Set induksi	Menjelaskan konsep gaya bahasa dan setiap jenis gaya bahasa.	Membaca lembaran komik gaya bahasa Toondoo. Soal jawab
Aktiviti perkembangan dan pengayaan	Mewujudkan dan membentangkan hasil idea dan ciptaan mereka sendiri yang unik.	Shout out
	Usaha untuk memilih latar belakang, item, watak, dialog.	Brainstorming
	Para pelajar membina visualisasi watak mereka dalam sajak dan mereka boleh memasukkannya ke lembaran komik Toondoo yang telah disediakan.	Chunking Table Talkers
Penilaian	Mewujudkan dan membentangkan hasil idea dan ciptaan mereka sendiri yang unik.	Arrested development
	Para pelajar membina visualisasi watak mereka dalam sajak dan mereka boleh memasukkannya ke toondoo yang mereka telah buat.	Word Search
	Usaha untuk memilih latar belakang, item, watak, dialog.	Artsscape
Penutup	Membuat rumusan	
	Mengulang semula apa yang telah dipelajari	
	Membina pemahaman	

Diadaptasikan dari McGrath, N., Gregory, S., Farley, H., & Roberts, P. (2014) dan https://toondooguide.wordpress.com/ toondoo what is and why to use it.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.3 Langkah 3

Prosedur mendapatkan data seterusnya adalah temu bual. Temu bual dibuat setelah rancangan pengajaran yang lengkap untuk dua sesi pengajaran gaya bahasa puisi Melayu moden menggunakan Toondoo sebagai bahan bantu mengajar siap dibina. Aktiviti yang dirancang dalam pelan mengajar tersebut disesuaikan dengan teori konstruktivisme. Pendekatan kolaboratif digunakan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik sebagai instrumen masuk ke kelas untuk melaksanakan sendiri pengajaran dan pembelajaran menggunakan rancangan mengajar yang telah dibina. Selesai dua sesi pengajaran, pengkaji memilih dan melakukan temu bual bersama 10 orang pelajar di akhir sesi pengajaran. Melalui temu bual tersebut data mengenai maklum balas pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran berbantukan komik Toondoo dikumpul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Kaedah Penganalisisan Data

Dalam menganalisis data kualitatif, suatu proses berterusan diperlukan iaitu bermula sebaik sahaja kutipan data pertama dimulakan. Dalam kajian ini, pengkaji melakukan perancangan dan pengurusan proses analisis data melalui tiga langkah iaitu mengurus data, memahami data dan menganalisis data. Dalam kajian ini penganalisisan data merangkumi tiga aspek iaitu yang pertama penganalisis data melalui temu bual yang dilaksanakan bersama guru. Kedua penganalisisan data hasil analisis kandungan dokumen dan ketiga penganalisisan data dari hasil temu bual yang dilakukan bersama pelajar Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Analisis Data Temu Bual

Analisis data temu bual dibuat sebaik sahaja proses temu bual dijalankan. Bagi menjalankan temu bual dengan responden, pengkaji mengadakan pertemuan secara bersemuka dengan semua lima orang guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Setiap temu bual dirakam. Data yang diperoleh daripada rakaman audio ditranskrip dalam bentuk verbatim. Hal ini memudahkan pengkaji membuat analisis selanjutnya. Proses yang sama turut dilakukan sewaktu temu bual bersama pelajar.

Transkripsi data temu bual yang telah siap dihantar kepada responden untuk dibuat semakan. Hal ini bagi memastikan tahap kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperoleh. Oleh itu pengkaji menghantar setiap transkripsi kepada responden untuk tujuan semakan, pembetulan dan pengesahan. transkripsi tersebut dihantar melalui e-mel. Selepas diterima oleh responden, transkripsi disemak semula dan dibetulkan mana-mana bahagian yang kurang tepat dan kemudian responden menghantar semula kepada pengkaji. Selain melalui e-mel, responden juga dihubungi melalui telefon bagi mengesahkan perkara-perkara tertentu yang boleh disahkan melalui perbualan.

Hasil analisis temu bual dipersembahkan dalam bentuk memerihalkan semula hasil transkripsi temu bual.Kesemua proses analisis temu bual dan koding dilakukan menggunakan perisian Nvivo 10. Hasil akhir analisis dipersembahkan dalam bentuk rajah graf. Berikut adalah proses analisis data yang digunakan oleh pengkaji.



Rajah 3.5. Proses analisis dapatan data temu bual menggunakan perisian Nvivo 10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan ialah satu keperluan untuk memastikan keberkesanan kajian kualitatif. Data-data yang dikumpul oleh pengkaji melalui proses kesahan muka dan kesahan luaran. Kesahan muka bertujuan mengetahui sejauh mana pengukuran yang dibuat dapat mengukur nilai sebenar yang ingin diukur. Kesahan luaran pula bertujuan untuk melihat sejauh mana hasil kajian dapat diaplikasikan kepada kumpulan-kumpulan lain dengan berkesan dalam dunia sebenar. Untuk tujuan tersebut, pengkaji menyediakan borang kesahan pakar untuk soalan temu bual yang dibina.

Menurut Chua (2014), kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif boleh diperoleh menggunakan kaedah triangulasi. Terdapat juga pendapat mengatakan kebolehpercayaan kajian kualitatif juga dibuat melalui kecaknaan terhadap isu bias pengkaji. Pengkaji turut mendapatkan jejak audit di akhir kajian untuk mendapatkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi agar hasil kajian boleh diulang semula.


3.6.2.1 Triangulasi

Triangulasi adalah teknik kajian yang menggunakan data atau lebih kaedah dalam kutipan data untuk mengkaji tingkah laku manusia. Proses ini melibatkan sokongan bukti daripada sumber berbeza dalam usaha memahami lebih lanjut satu-satu tema atau perspektif (Cresswell,1998). Triangulasi juga menjadi prosedur pengesahan data yang penting dalam metodologi kualitatif untuk membentuk kebolehsandaran, kebolehpindaan, dan kredibiliti dapatan kajian (Cummins, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Denzin dan Lincoln (1994) telah mengenal pasti tiga langkah dalam triangulasi iaitu (1) Kepelbagaian sumber data, (2) perbandingan hasil daripada pelbagai sumber data dan (3) perbandingan pelbagai metod dalam analisis data. Oleh itu, dalam mengumpul data bagi kajian ini pengkaji telah menggunakan triangulasi iaitu empat kaedah dalam mengumpul data. Antara instrumen yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah kajian kepustakaan, analisis kandungan, temu bual dan analisis deskriptif. Penggunaan empat kaedah kutipan data yang berbeza telah mengukuhkan lagi data yang diperoleh.



Rajah 3.6. Kaedah pengumpulan data dalam kajian

Pengkaji juga menggunakan beberapa alat pencatat sebagai bukti seperti borang temu bual, perakam audio untuk mencatat hasil sesi temu bual. Triangulasi dalam kajian ini dikukuhkan melalui penerapan teori dalam rancangan pengajaran yang disediakan, mendapatkan kesahan pakar untuk instrumen temu bual, senarai semak untuk rancangan mengajar. Kesahan juga dibuat melalui alat ukur data kualitatif iaitu perisian komputer Nvivo 10. Hasil data yang terdiri daripada transkrip temu bual, audio dan nota diurus dengan sistematik menggunakan perisian tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Rumusan

Bab ini membincangkan tentang metodologi yang digunakan semasa menjalankan penyelidikan. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan secara kualitatif iaitu dengan kaedah deskriptif dan kajian pendidikan. Data dalam kajian ini diambil dari pelbagai jurnal dan kajian yang berkaitan komik sebagai bahan pengajaran, komik Toondoo, kaedah pengajaran dan pembelajaran, teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif. Kaedah temu bual telah digunakan untuk mendapatkan objektif kajian. Penerangan setiap elemen bab ini dimulakan dengan pendekatan serta reka bentuk kajian sehingga analisis kajian. Kesimpulannya, metodologi kajian ini adalah perancangan awal pengkaji untuk melihat arah tuju kajian yang dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan dapatan kajian berkaitan aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) gaya bahasa puisi Melayu moden. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti masalah yang wujud dalam PdPc gaya bahasa pusi Melayu moden. Berdasarkan masalah yang dihadapi, pengkaji seterusnya membina rancangan mengajar berasaskan komik Toondoo. Akhirnya kajian ini akan menilai maklum balas pelajar terhadap penggunaan komik Toondoo dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden.

Untuk mencapai objektif tersebut, beberapa kaedah telah digunakan. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kajian lapangan, kajian kepustakaan dan temu bual. Responden yang digunakan untuk temu bual terdiri daripada guru dan pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Sementara itu, kajian ini turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bersandarkan kepada teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif. Teori dan pendekatan ini menjadi panduan dalam pembinaan rancangan mengajar berbantukan komik Toondoo.

Data temu bual yang terkumpul dianalisis menggunakan perisian Nvivo 10. Nvivo ialah pakej perisian analisis data kualitatif yang dihasilkan oleh *QSR International*. Nvivo telah direka untuk penyelidik kualitatif yang bekerja dengan maklumat berasaskan teks pada tahap analisis dalam jumlah kecil atau besar. Hasil analisis oleh Nvivo dipersembahkan dalam bentuk rajah dan digunakan untuk menjelaskan dapatan kajian ini.

Penerangan dalam bab ini merangkumi hasil dapatan dan perbincangan mengenai i) Masalah PdPc gaya bahasa puisi Melayu Moden ii) Rancangan mengajar gaya bahasa puisi Melayu moden berbantukan komik Toondoo dan iii) Maklum balas pelajar terhadap PdPc gaya bahasa puisi Melayu Moden berbantukan komik Toondoo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Permasalahan PdPc Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden

Bahagian ini memaparkan hasil kajian melalui temu bual berkaitan masalah yang dihadapi oleh guru-guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dalam PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu Moden. Tujuan temu bual adalah untuk menjawab objektif 1, iaitu mengenal pasti dulu permasalahan sebelum kajian yang lebih mendalam dilakukan. Kajian ini perlu sebelum mencadangkan kaedah dan pendekatan lain untuk PdPc yang dirasakan lebih berkesan iaitu penggunaan komik Toondoo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam hal ini, pengkaji telah menemu bual lima orang guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah-sekolah menengah sekitar Kuching, Sarawak. Soalan temu bual merangkumi masalah, punca masalah dan cadangan untuk mengatasi masalah dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji telah menemukan beberapa masalah yang dihadapi dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Antara masalah tersebut adalah pelajar sukar mengingat konsep dan menyatakan contoh gaya bahasa kerana aras pelajar yang rendah. Perbincangan lebih lanjut mengenai perkara ini akan dibincangkan dalam sub topik seterusnya.

4.2.1 Masalah Yang Dihadapi Guru Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru dan pelajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu menghadapi masalah dalam Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) gaya bahasa puisi Melayu moden. Masalah ini berpunca daripada kepelbagaian jenis gaya bahasa yang menyukarkan pelajar memahami tajuk. Demikian juga dengan skop kajian gaya bahasa yang luas telah menjadi cabaran kepada para guru menjayakan PdPc berkaitan gaya bahasa. Kajian gaya bahasa puisi dalam huraian sukatan pelajaran Kesusasteraan Melayu 2003 merangkumi aspek bahasa diksi, dialek, bahasa asing, bahasa istana, bahasa arkaik, peribahasa, gaya bahasa pertentangan, gaya bahasa penyirnaan dan gaya bahasa perulangan serta unsur bunyi. Skop yang luas ini memberi masalah dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden.

Bagi menyelidiki dengan lebih mendalam masalah tersebut, kajian telah dijalankan di lima buah sekolah yang menawarkan mata pelajaran Kesusasteraan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu. Seorang guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ditemu bual dari setiap sekolah. Tujuan temu bual dijalankan adalah untuk mengenal pasti jenis masalah yang sering dihadapi oleh guru ketika mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden.Setelah selesai temu bual, transkripsi hasil temu bual dibina. Data dari transkripsi seterusnya digunakan untuk membina koding berdasarkan tema masalah yang diutarakan. Guru-guru yang terlibat pula dikod dengan nama guru A hingga guru E dalam proses transkripsi temu bual. Proses analisis data dilakukan menggunakan perisian Nvivo 10.

Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati terdapat empat masalah yang dinyatakan oleh guru. Masalah tersebut adalah masalah pelajar sukar menyatakan contoh gaya bahasa, pelajar tidak faham konsep gaya bahasa, pelajar sukar ingat konsep gaya bahasa dan juga aras pelajar yang rendah. Masalah tersebut dijelaskan dalam rajah berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1 Masalah yang dihadapi guru ketika mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden

Berdasarkan rajah yang ditunjukkan didapati tiga daripada lima orang guru menyatakan masalah utama yang dihadapi oleh guru Kesusasteraan Melayu ketika mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden adalah murid sukar memberikan contoh yang tepat bagi setiap gaya bahasa yang dipelajari. Sementara itu, dua daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lima orang guru yang di temu bual pula masing-masing mengatakan terdapat masalah murid tidak memahami konsep gaya bahasa dan masalah murid yang sukar mengingat konsep atau tidak menghafal maksud sesuatu gaya bahasa. Daripada rajah hanya seorang guru menghadapi masalah berdepan dengan murid Kesusasteraan Melayu yang mempunyai aras pemahaman yang rendah.

Dapatan kajian tersebut menunjukkan masalah sebenar yang berlaku semasa proses PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden di Kuching, Sarawak. Masalah tersebut terdiri daripada masalah pemahaman tentang konsep gaya bahasa dan masalah aras pelajar yang rendah.

4.2.1.1 Masalah Berkaitan Konsep Gaya Bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah berkaitan konsep gaya bahasa merupakan cabaran kepada pendidik mata pelajaran Kesusasteraan Melayu ketika mengajar sub topik gaya bahasa. Memberi konsep gaya bahasa penting untuk pemahaman pelajar. Namun demikian pelajar didapati sukar memahami konsep apatah lagi untuk menghafal maksud sesebuah gaya bahasa. Menurut guru B " *Masalah yang saya dapat kesan ketika mengajar gaya bahasa untuk puisi moden ini adalah tentang konsep gaya bahasa itu sendiri. Pelajar saya kalau tidak dapat memahami konsep gaya bahasa maka mereka tidak dapat menjawab dengan baik*" Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat masalah dalam memahami konsep atau maksud gaya bahasa yang dipelajari. Perkara tersebut akhirnya membawa kesan tidak baik kepada prestasi mereka dalam peperiksaan.

Masalah ini berlaku kerana kepelbagaian jenis gaya bahasa yang perlu diajar menyukarkan pemahaman para pelajar. Kesannya mereka sukar mengingat konsep

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

setiap gaya bahasa yang dipelajari seterusnya gagal memberikan contoh gaya bahasa yang tepat dalam aktiviti penilaian dan peperiksaan. Marilee (2018) menyarankan tujuh langkah pembelajaran untuk memperkukuhkan pemahaman tentang konsep iaitu motivasi untuk belajar, mengaitkan dengan kehidupan seharian, menyusun maklumat mengikut aras pemahaman, memperkukuhkan pemahaman, berlatih, mengulang kaji dan menggunakan semula.

Saranan Marilee (2018) boleh diaplikasikan oleh guru Kesusasteraan Melayu dalam usaha membantu pemahaman murid terhadap konsep gaya bahasa yang dipelajari. Bermula dengan langkah menyediakan PdPc yang mampu menarik perhatian pelajar untuk belajar dengan menggunakan bahan bantu mengajar berbentuk visual seperti komik Toondo. Penggunaan komik Toondo meningkatkan penglibatan pelajar dalam PdPc seterusnya mewujudkan motivasi untuk terus belajar. Dengan demikian guru boleh membantu mengatasi masalah tidak faham konsep gaya bahasa sastera dengan mengaitkan PdPc dengan kehidupan seharian pelajar melalui visual komik Toondoo.

Walaupun pelajar yang ditemui di sekolah responden kebanyakannya menggunakan bahasa ibunda masing-masing ketika berbual sesama sendiri namun guru masih boleh memperkukuhkan pemahaman mereka mengenai konsep gaya bahasa sastera dengan latihan di samping menggunakan semula gaya bahasa atau diselitkan pada masa pembelajaran tajuk lain.

Masalah berkaitan konsep gaya bahasa memberi impak kepada pemahaman gaya bahasa keseluruhannya. Pelajar yang menghadapi masalah tidak faham konsep akhirnya tidak dapat menyatakan contoh yang sesuai kepada gaya bahasa yang dipelajari. Kegagalan menyatakan contoh gaya bahasa mengakibatkan mereka tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjawab dengan baik dalam peperiksaan. Kajian yang dijalankan oleh Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) mendapati faktor peranan tenaga pengajar menjadi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, guru Kesusasteraan Melayu perlulah mengambil langkah bijak melalui pelaksanaan PdPc yang mampu memberi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari gaya bahasa dengan lebih lanjut.

Siti Zubaidah (2016) mendapati setiap pelajar belajar dengan cara yang berbeza oleh itu guru perlu mencari cara untuk membantu semua pelajar belajar dengan berkesan. Kesimpulannya, peranan guru Kesusasteraan Melayu pada abad ke-21 adalah mencari cara untuk membantu pelajar belajar konsep gaya bahasa dengan berkesan. Penggunaan komik Toondo dapat membantu pelajar untuk belajar dengan lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.1.2 Masalah Aras Pelajar Rendah

Aras pelajar yang rendah juga menjadi permasalahan utama yang dihadapi oleh guru. Isu mata pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk pelajar kelas belakang memang tidak dipertikaikan. Menurut kesemua responden yang ditemui mengakui ramai pelajar kelas Kesusasteraan Melayu mempunyai masalah penguasaan Bahasa Melayu. Golongan pelajar tersebut juga didapati gagal menguasai aspek gaya bahasa sastera yang dipelajari dalam komponen sastera (KOMSAS). Pelajar ini merupakan pelajar yang lemah, tidak suka belajar dan tidak mempunyai batasan untuk belajar.

Pelajar yang aras rendah sangat sensitif dan sedar kelemahan mereka berbanding pelajar lain. Hal ini menyebabkan guru mengambil jalan pintas seolah putus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

asa mengajar mereka. Menurut seorang responden iaitu guru D, beliau menyatakan bahawa "*Aras pelajar saya sangat rendah, jadi saya hanya fokus mengajar kepada gaya bahasa perulangan dan perbandingan sahaja*". Dapatan ini menunjukkan masalah aras pelajar yang sangat lemah meletakkan guru dalam situasi yang sukar. Guru tersebut terpaksa mengambil tindakan mengajar dengan hanya memfokuskan kepada gaya bahasa perulangan dan perbandingan sahaja yang didapati sering diuji dalam peperiksaan SPM demi membantu pelajar mereka yang sangat lemah.

PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi pelajar aras rendah tidak patut diabaikan. Guru terlebih dahulu perlu memahami pelajar mereka sebelum mengambil langkah selanjutnya. Kajian oleh Rashmi Rekha (2013) menyenaraikan beberapa ciri pelajar aras rendah berikut. Pertama, pelajar tidak matang dalam hubungan mereka dengan orang lain dan berkelakuan kurang baik di sekolah. Kedua, mereka tidak boleh melakukan pelbagai masalah yang kompleks dan bekerja dengan sangat perlahan-lahan. Ketiga, mereka tidak dapat menyampaikan apa yang mereka pelajari dari satu tugas kepada yang lain dengan baik. Keempat, mereka tidak mudah menguasai kemahiran yang bersifat akademik, seperti jadual atau peraturan ejaan. Kelima, ketidakupayaan mereka untuk mempunyai matlamat jangka panjang dan akhir sekali mereka mempunyai tempoh perhatian yang singkat sewaktu belajar.

Oleh itu, cabaran untuk guru Kesusasteraan Melayu adalah memahami minat pelajar mereka dan membangunkan rancangan mengajar yang sesuai dengan masa yang diberikan. Rancangan mengajar gaya bahasa puisi Melayu moden seharusnya mudah dan bersifat menyeronokkan pelajar. Kajian Masoumeh Pourrajab (2011) mendapati suasana pembelajaran yang seronok dalam bilik darjah dapat mewujudkan kesan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

positif terhadap PdPc. Dengan demikian masalah pelajar aras rendah dapat dikurangkan.

Selain itu, guru Kesusasteraan Melayu bertanggungjawab membina keyakinan pelajar mereka agar mereka percaya bahawa mereka tidak kurang daripada pelajar lain. Guru juga perlu berinteraksi lebih kerap dengan pelajar mereka. Guru Kesusasteraan Melayu juga boleh mengambil perhatian yang lebih kepada mereka sebagai contoh mereka diberikan kelas tambahan. Menyedari cara kerja pelajar aras rendah berbeza dengan pelajar yang lain maka aktiviti pemahaman gaya bahasa yang disediakan perlulah disesuaikan mengikut aras pelajar. Kesimpulannya, masalah aras pelajar yang rendah boleh diatasi oleh guru Kesusasteraan Melayu melalui pemahaman tentang pelajar mereka di samping usaha yang berterusan melalui pendekatan yang sesuai seperti menggunakan kaedha komik Toondoo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.2.2 Punca Masalah

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan punca masalah yang dialami oleh guru dalam PdPc puisi Melayu moden. Temu bual bertujuan untuk mengetahui pandangan guru Kesusasteraan Melayu berkenaan punca wujudnya masalah dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati terdapat sembilan punca yang dinyatakan oleh guru. Antara punca atau faktor wujudnya masalah dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden adalah tidak memahami maksud gaya bahasa, sikap negatif pelajar (malas,kurang membaca, kurang semangat belajar,anggapan gaya bahasa susah), lemah penguasaan bahasa Melayu, bahan rujukan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhad dan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bukan subjek pilihan. Punca masalah tersebut dijelaskan dalam rajah berikut.



Rajah 4.2 Punca masalah pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden

Berdasarkan rajah yang ditunjukkan didapati tiga daripada lima orang guru menyatakan punca masalah yang dialami dalam pengajaran dan pembelajaran (PdPc) gaya bahasa dalam puisi Melayu moden adalah pelajar tidak memahami maksud gaya bahasa. Sementara itu, terdapat dua orang guru yang ditemu bual menyatakan masalah tersebut juga berpunca daripada masalah penguasaan bahasa Melayu dikalangan pelajar. Selain itu masalah pengajaran gaya bahasa dalam puisi moden juga berpunca daripada sikap murid itu sendiri. Antara sikap negatif murid yang dinyatakan oleh para responden adalah anggapan mereka bahawa gaya bahasa sukar untuk dipelajari, malas dan kurang membaca serta mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bukan pilihan. Terdapat juga guru yang menyatakan bahan rujukan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang terhad juga merupakan punca wujudnya masalah dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Punca-punca masalah yang dinyatakan oleh guru adalah sikap negatif pelajar, penguasaan bahasa Melayu rendah dan bahan rujukan terhad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.1 Sikap Negatif Pelajar

Responden yang ditemui menyatakan sikap negatif pelajar sebagai punca masalah dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Sikap negatif tersebut merangkumi anggapan pelajar bahawa gaya bahasa sukar untuk dipelajari. Akibatnya murid mereka patah semangat untuk belajar. Oleh itu, guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berperanan mengubah pandangan negatif tersebut di samping memberi motivasi untuk meneruskan usaha belajar. Usaha tersebut boleh dilakukan dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kajian Dexter Sigan (2018), mendapati penggunaan bahan visual dalam PdPc sastera dapat meningkatkan motivasi belajar di kalangan pelajar. Bahan berasaskan Toondoo visual yang patut digunakan sebagai bahan bantu mengajar yang membantu PdPc puisi Melayu moden.

Sebilangan responden yang ditemui juga kesal dengan sikap malas dan kurang membaca dalam kalangan pelajar mereka. Responden yang ditemu bual membuat tanggapan bahawa sebahagian pelajar mereka bersifat demikian kerana mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bukan pilihan mereka dan tidak sesuai dengan aras pelajar yang rendah. Menurut Nordiana Abdul Jabar (2016), sastera merupakan medium pendidikan yang berkesan dalam pembentukan perwatakan pelajar. Oleh itu, guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu memainkan peranan menjayakan sastera sebagai bahan untuk mengubah sikap negatif pelajar kepada lebih positif terhadap belajar dan mata pelajaran sastera amnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.2.2 Penguasaan Bahasa Melayu Rendah

Punca masalah dalam PdPc topik gaya bahasa dalam puisi Melayu moden adalah penguasaan gaya bahasa yang rendah dalam kalangan pelajar melalui pengajaran Komponen sastera dalam subjek bahasa Melayu (KOMSAS). Guru B dan Guru E yang telah ditemu bual berpendapat penekanan gaya bahasa dalam KOMSAS sejak pelajar tingkatan 1 masih tidak mencukupi untuk memahami gaya bahasa tambahan pula penguasaan bahasa Melayu yang lemah dikalangan murid turut menjadi punca wujudnya masalah tersebut. Walaupun kajian oleh Shamsudin (2014) mendapati pelajar menunjukkan persepsi yang positif tentang pembelajaran gaya bahsa sastera dalam pengajaran Bahasa Melayu namun persepsi tersebut kurang membantu dari aspek pencapaian mereka. Aspek penguasaan pelajar yang lemah dalam mempelajari gaya bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu secara tidak lansung memberi kesan kepada pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Dalam temu bual yang diadakan Guru B mendakwa sesetengah pelajar beliau yang terdiri daripada masyarakat bukan Melayu mengalami kekangan memahami dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik. Menurut beliau lagi masalah tersebut wujud kerana pelajar lebih banyak berinteraksi sesama sendiri dan di rumah menggunakan bahasa kaum masing-masing. Penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pertuturan seharian sememangnya mempunyai kesan terhadap pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali dan Mohd Hasani Dali (2011) yang mendapati faktor yang menjadi masalah kepada kelemahan penguasaan bahasa Melayu dikalangan pelajar orang asli berpunca daripada penggunaan bahasa ibunda iaitu bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semai dalam pertuturan harian murid. Murid-murid hanya menggunakan bahasa ibunda mereka ketika berinteraksi dengan ahli keluarga di rumah malah mereka turut menggunakan untuk bertutur semasa berada di dalam kelas dan juga di persekitaran sekolah seperti kantin.

4.2.2.3 Bahan Rujukan Terhad

Kekurangan buku rujukan untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu merupakan punca masalah dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Responden yang ditemui menyatakan jumlah buku rujukan yang sangat terhad di pasaran menyukarkan usaha menambah pemahaman tentang gaya bahasa di kalangan pelajar. Penggunaan buku rujukan dan buku latih tubi adalah penting untuk membantu pemahaman pelajar. Selain itu, responden yang ditemui menyatakan penggunaan buku selain buku teks Kesusasteraan Melayu penting kepada guru sebagai bahan sokongan, bahan bantu mengajar dan sumber rujukan.

Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Faeez Ilias, Kalthom Husain, Muhammad Syakir Sulaiman dan Murihah Abdullah (2016) berkaitan penggunaan bahan bantu mengajar. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa salah satu sumber penting pengetahuan guru semasa penggunaan BBM adalah buku. Buku memainkan peranan penting bukan sahaja kepada guru malahan pelajar. Selain sebagai bahan rujukan penggunaan buku juga adalah sebagai bahan latihan.

Penggunaan buku rujukan dan latihan penting selain buku teks. Buku-buku tersebut dapat menambahkan pengetahuan pelajar berkenaan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden di samping sebagai bahan rujukan ketika menyiapkan tugasan yang


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan. Responden yang ditemui mendakwa hanya satu sahaja penerbit yang menerbitkan buku rujukan untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di pasaran. Buku rujukan bagi mata pelajaran elektif seperti Kesusasteraan Melayu sangat membantu guru dalam menjalankan PdPc khasnya sewaktu pengajaran tajuk yang memerlukan pemahaman konsep seperti gaya bahasa.

4.2.3 Cara Mengatasi Masalah

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkenaan cara mengatasi masalah yang wujud dalam proses PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Temu bual dijalankan bertujuan untuk mengetahui cadangan guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk mengatasi masalah tersebut. Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati terdapat lima cadangan yang diberikan responden. Antara cadangan yang dinyatakan adalah latihan dan nota, PdPc secara kreatif, melakukan inovasi dalam PdPc,penggunaan media elektronik dan penggunaan bahan dari internet. Cadangan responden dijelaskan dalam rajah berikut:



Rajah 4.3 Cadangan guru untuk mengatasi masalah pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil temu bual yang ditunjukkan dalam graf mendapati tiga orang guru iaitu guru A, B dan E mencadangkan agar PdPc bagi tajuk gaya bahasa puisi Melayu moden Kesusasteraan Melayu perlu lebih kreatif. Graf juga menunjukkan tiga orang responden iaitu guru B, D dan E sama-sama mencadangkan agar latihan dan nota diperbanyakkan. Dua orang responden yang ditemui iaitu guru guru A dan guru E pula mencadangkan agar guru yang mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden perlu berinovasi dalam PdPc dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran. Akhir sekali, responden guru B dan C yang ditemui masing-masing mencadangkan penggunaan media elektronik dan bahan daripada Internet sebagai bahan bantu dalam proses PdPc puisi Melayu moden dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Dapatan temu bual mendapati antara cadangan yang diutarakan oleh guru termasuklah cadangan agar pdpc lebih kreatif dan berinovasi, pelbagaikan latihan pengukuhan, pembinaan nota konsep serta penggunaan media elektronik dan Internet yang akan dibincangkan mengikut sub topik berikut:

4.2.3.1 PdPc Yang Kreatif dan Berinovasi

Peralihan sistem pendidikan kepada Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), yang melibatkan pentaksiran secara menyeluruh bagi membolehkan setiap pelajar diajar mengikut kemampuan dan dinilai secara adil daripada semua aspek, memerlukan guru menjadi lebih kreatif dan inovatif untuk mencari dan meningkatkan potensi pelajar. Sehubungan itu, guru-guru perlu memikirkan cara terbaik bagi melakukan perubahan ke arah kreativiti dan inovasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru A yang ditemu bual mengatakan PdPc yang kreatif dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar. Bahan-bahan tersebut perlulah mampu menarik minat pelajar untuk belajar. Guru B turut berpandangan sama dengan guru A namun beliau menambah cara pengajaran yang kreatif juga perlu mengambil kira aspek meningkatkan pemahaman pelajar dengan mengenal pasti minat generasi kini dan trend pengajaran dan pemudahcaraan pada abad ke-21. Hal ini dilakukan dengan mempelbagaikan bahan bantu mengajar termasuklah cadangan penggunaan bahan daripada Internet.

Guru A berpendapat pengajaran yang berinovasi penting bagi menanam minat murid-murid untuk belajar gaya bahasa secara berfokus. Guru Kesusasteraan Melayu dapat melakukan inovasi pada kaedah, teknik dan bahan bantu mengajar gaya bahasa yang digunakan. Bahan inovasi seperti perisian pendidikan dapat membina kemahiran kognitif, pembelajaran kendiri, pembelajaran aktif dan menghiburkan dalam PdPc Kesusasteraan Melayu. Dapatan ini selaras dengan Ahmad Zamzuri (2018), perisian pendidikan mampu menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar dalam bentuk yang mudah difahami dan lebih menarik berbanding buku atau media lain di samping memenuhi keperluan strategi belajar yang bervariasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.2 Latihan Pengukuhan

Cadangan agar dipelbagaikan dan diperbanyakkan latihan pengukuhan telah dicadangkan oleh guru. Proses pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden adalah mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh sebab itu, guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memerlukan kaedah-kaedah tertentu untuk memastikan murid-murid mereka dapat menerima gaya bahasa yang di ajar oleh guru di dalam bilik darjah. Sebaik sahaja murid-murid dapat menguasai pembelajaran yang di ajar, guru hendaklah memberi latihan pengukuhan. Setelah dikukuhkan, barulah guru akan menyediakan aktiviti pengayaan agar murid dapat menggunakan atau mengaplikasi gaya bahasa yang dikuasai dalam peperiksaan.

Selain itu, pemahaman pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden dikukuhkan melalui latihan. Latihan perlu untuk menguji dan mengukuhkan pemahaman pelajar. Responden yang ditemui berpendapat latihan secara berterusan akan dapat mengatasi masalah dalam PdPc dengan membantu meningkatkan pemahaman dan daya ingatan pelajar. Menurut guru B, " Saya mencadangkan latihan yang disertai nota konsep berkaitan gaya bahasa".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun demikian, terdapat juga responden iaitu guru D yang mencadangkan agar guru-guru Kesusasteraan Melayu perlu hanya memfokuskan kepada latihan yang berasaskan kehendak soalan dalam peperiksaan SPM untuk menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden. Oleh itu gaya bahasa yang diajar hanya fokus kepada gaya bahasa yang kerap diuji dalam peperiksaan SPM.

4.2.3.3 Nota Konsep

Guru mata pelajaran Kesusasteraan Melayu memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat secara berkesan kepada pelajar agar pelajar dapat memahami dan seterusnya menyimpan maklumat tersebut untuk jangka masa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panjang. Hal ini penting bagi memastikan maklumat tersebut boleh digunakan sekiranya pelajar menghadapi masalah yang memerlukan penyelesaian. Oleh itu, pembelajaran berbentuk pemahaman konsep yang berkesan dapat meningkatkan daya ingatan seseorang pelajar. Guru A, B dan E yang ditemui turut mencadangkan nota berkaitan gaya bahasa perlu disediakan kepada pelajar agar dapat membantu dalam proses memahami tajuk gaya bahasa, mempelbagaikan dan memperbanyakkan nota konsep gaya bahasa.

Pelbagai bentuk persoalan timbul berhubung PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden pada masa kini. Antaranya, mengapakah pelajar kurang berminat dan mengapa pelajar kurang memberi perhatian terhadap pembelajaran Kesusasteraan Melayu?. Sekiranya pembelajaran Kesusasteraan Melayu menekankan penghafalan dan latihan yang tidak difahami oleh pelajar, hal ini akan membuatkan mereka tercicir dalam pembelajaran. Perkara tersebut akan membuatkan minat untuk terus belajar semakin kabur. Dengan ungkapan yang lain, keadaan tersebut bermaksud pembentukan konsep yang berlaku di dalam fikiran mereka adalah berbeza dengan hasrat yang ingin dicapai oleh pendidik. Oleh itu, nota konsep memainkan peranan dalam membantu menangani masalah pemahaman murid dalam PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden.

Menurut Gagne (1978), amat sukar untuk membentuk konsep pada minda pelajar sebaliknya akan mudah sekiranya konsep setelah pembelajaran dilakukan pembelajaran itu dilakukan. Beliau juga menyatakan bahwa pembentukan konsep dalam pemikiran pelajar merupakan suatu proses yang memakan masa dan kompleks. Kebiasaannya sesuatu konsep itu pada awalnya agak kabur dan akan beransur cerah dan jelas setelah difahami. Perkara ini amat bergantung kepada pengalaman yang dialami oleh seseorang pelajar serta tahap kematangannya dalam berfikir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakannya pelajar yang mengalami masalah terdiri daripada golongan yang mempunyai kurang pengalaman hidup ataupun belum mencapai tahap kematangan yang diperlukan dan hal ini membawa kepada pelbagai bentuk persepsi serta andaian yang salah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Ahli-ahli psikologi mendapati pelajar mudah mempelajari isi kandungan yang baru sekiranya dikaitkan dengan konsep-konsep yang telah mereka fahami. Prinsip-prinsip ini amat jelas dalam pengajaran. Kaedah tradisi dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu iaitu memaksa pelajar menghafal segala konsep gaya bahasa terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran akan membawa kesan negatif kepada pelajar. Pelajar-pelajar yang mampu menghafal segala konsep mampu menghasilkan satu keputusan yang memuaskan sedangkan berlaku sebaliknya kepada pelajar yang lebih berfikiran praktikal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2.3.4 Penggunaan Media Elektronik dan Internet

Pendidikan pada Abad ke 21 kini menuntut guru Kesusasteraan Melayu mengguna dan mengeksploitasi multimedia, teknologi dan komunikasi dalam dalam PdPc supaya selaras dengan perkembangan semasa. Bahan elektronik yang biasa digunakan dalam proses PdPc termasuklah Internet dan komputer. Keberkesanan penggunaan media elektronik telah dibuktikan oleh banyak sarjana. Antaranya kajian oleh Abdul Halim Bin Masnan (2014) mendapati amalan pelaksanaan pengajaran yang cemerlang adalah pengajaran yang menarik berbantukan komputer riba.

Penggunaan media elektronik dalam PdPc Kesusasteraan Melayu penting untuk menarik minat belajar. Menurut guru B yang ditemu bual mencadangkan penggunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan media elektronik seperti video ringkas. Beliau merakam video dari sekolah lain dan ditontonkan kepada pelajar. Tujuan beliau berbuat demikian adalah sebagai salah satu usaha mempelbagaikan teknik mengajar memberi pemahaman berkaitan gaya bahasa di samping menarik minat pelajar untuk belajar.

Kemudahan Internet semakin meluas dalam bidang pendidikan. Guru C mencadangkan agar Internet menjadi sumber rujukan guru untuk mendapatkan bahan mengajar yang baik. Internet menjadi sumber mendapatkan ilmu pengetahuan, bahan nota, latihan dan juga abm yang lain seperti video dan rakaman multi media secara mudah. Kajian oleh Mariana Kristiyanti (2016) yang mendapati Internet membolehkan pelajar untuk mengakses bahan pembelajaran yang diperlukan dengan cepat dan menjadikan proses pdp dilaksanakan dengan lebih mudah. Manakala itu, kajian Kavitha A/P Ratnam (2017) menunjukkan Internet banyak membantu murid dalam peningkatan pencapaian dan kualiti dalam pembelajaran karangan fakta. Oleh itu, pengajaran puisi Melayu moden tidak dikecualikan daripada menggunakan Internet. Dalam hal ini aplikasi komik Toondoo menyokong penggunaan bahan Internet dalam PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden.


4.2.4 Impak Kekurangan Bahan Bantu Mengajar Kepada Pdpc Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan impak kekurangan bahan bantu mengajar (bbm) kepada PdPc tajuk gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Temu bual bertujuan untuk mengetahui pandangan guru Kesusasteraan Melayu berkaitan impak kekurangan bbm yang menyumbang kepada wujudnya masalah dalam PdPc gaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hasil daripada temu bual yang dijalankan mendapati terdapat lima aspek yang dinyatakan oleh guru. Aspek berkaitan tersebut adalah kekurangan buku rujukan dan buku latih tubi bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di pasaran, masa mengajar yang singkat, kemudahan di sekolah terhad dan kelemahan teknik pengajaran guru. Hasil temu bual tersebut dijelaskan dalam rajah berikut.



Rajah 4.4 Kekurangan bahan bantu mengajar menyumbang kepada masalah pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden

Berdasarkan temu bual didapati tiga orang guru iaitu Guru A, Guru B dan Guru C menyatakan kekurangan buku rujukan Kesusasteraan Melayu di pasaran menyumbang kepada masalah pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Daripada rajah juga didapati tiga orang guru iaitu Guru B, Guru C dan Guru D menyatakan masa mengajar yang singkat turut menyumbang kepada masalah dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden.

Dua orang guru iaitu Guru B dan Guru D menyatakan kemudahan yang disediakan di sekolah mereka terhad. Guru D ketika ditemu bual menjelaskan kekurangan kemudahan termasuk bahan bantu mengajar menyukarkan PdPc gaya bahasa dilaksanakan dengan lebih berkesan. Didapati seorang guru iaitu Guru E

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpendapat selain masalah kekurangan bahan bantu mengajar, aspek teknik pengajaran guru juga menyumbang kepada permasalahan dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Begitu juga dengan Guru A, yang berpendapat ketiadaan buku latih tubi Kesusasteraan Melayu di pasaran menyumbang kepada permasalahan dalam PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Dapatan temu bual bolehlah dibincangkan mengikut sub topik berikut:

4.2.4.1 Kekurangan Bahan Bantu dan Kemudahan Mengajar

Hasil analisis transkrip mendapati semua responden bersetuju bahawa kekurangan bahan bantu mengajar menyumbang kepada masalah pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Persetujuan mereka adalah berdasarkan beberapa sebab. Sebab utama yang paling banyak dinyatakan adalah kekurangan buku rujukan bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di pasaran. Selain buku rujukan, buku latihan untuk tujuan pemahaman juga sukar diperoleh di pasaran. Kesannya murid terpaksa bergantung sepenuhnya kepada guru untuk memahami gaya bahasa. Menurut guru A, " *Buku latihan dan buku nota di pasaran adalah sangat terhad dan sukar diperolehi. Tidak seperti mata pelajaran lain buku kerja dan buku nota mudah diperoleh di pasaran*". Kesannya pelajar beliau bergantung sepenuhnya kepada nota dan latihan daripada guru kerana pelajar tiada rujukan lain yang lebih mudah dan meluas untuk menambah pengetahuan murid. Guru bukan opsyen Kesusasteraan Melayu berdepan masalah mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden

Sementara itu, menurut guru E yang ditemu bual pula menyatakan," *Kemudahan di sekolah saya adalah terhad, saya guna saja apa yang ada*". Masalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekurangan kemudahan mengajar di sekolah merujuk kepada kemudahan yang menyokong penggunaan bahan bantu mengajar abad ke 21. Kemudahan tersebut termasuklah kemudahan untuk melayari Internet di sekolah bagi tujuan PdPc. Pengajaran dan pemudahcaraan menjadi lebih menarik dengan adanya kemudahan yang menyediakan bahan bantu mengajar yang dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Masalah ini perlu diambil perhatian memandangkan kajian terdahulu oleh Paul Mupa dan Tendeukai Isaac (2015) telah mendapati bahawa kekurangan buku teks, buku rujukan dan buku ulangkaji untuk meningkatkan pengetahuan murid menjadi fakor pendidikan menjadi kurang berkesan.

4.2.4.2 Masa Mengajar Singkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Masa mengajar yang singkat iaitu selama 30 minit bagi satu waktu untuk mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tidak cukup untuk melaksanakan PdPc dan mencapai objektif. Sebanyak 4-6 waktu diperuntukkan dalam seminggu bagi satu-satu sesi PdPc Kesusasteraan Melayu. Guru B dalam sesi temu bual menyatakan beliau berdepan masalah masa mengajar yang singkat. Lantaran itu, buku rujukan yang ada dapat menolong beliau menguruskan pdp tanpa melengahkan masa. Menurut beliau lagi buku rujukan dapat membantu pemahaman pelajar dan juga guru terutamanya guru yang bukan opsyen tapi diarahkan mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Dapatan ini selaras dengan kajian Shamsudin Othman dan Ghazali Lateh (2014) yang mendapati guru menghadapi kesukaran mengaplikasikan gaya bahasa kerana kekangan masa dalam pengajaran KOMSAS membuatkan mereka tidak dapat melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh. Demikian juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan kekangan masa yang dialami guru Kesusasteraan Melayu memberi kesan dalam pdp gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

4.2.4.3 Teknik Pengajaran dan Pemudahcaraan

Teknik pengajaran dan pemudahcaraan menjadi kurang menarik apabila tidak disokong bahan bantu mengajar (bbm) yang cukup. Dalam proses PdPc tajuk gaya bahasa dalam puisi Melayu moden, teknik yang pelbagai dan menarik penting untuk diaplikasikan. Menurut guru E yang ditemu bual beliau menyatakan bahawa, "*Teknik pengajaran guru dalam proses PdPc perlu menarik untuk menarik minat belajar dan seterusnya membantu pemahaman pelajar*".

Dapatan kajian ini menyokong kajian Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Sufiza Ishak (2013) yang mendapati bahawa penggunaan strategi, kaedah, teknik dan pendekatan yang sesuai dapat membentuk interaksi lisan yang baik antara guru dan murid di dalam bilik darjah. Oleh itu, penggunaan strategi, kaedah dan teknik yang sesuai dan menarik dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden membantu guru dan murid menjadikan PdPc lebih berkesan.

Kajian ini turut selaras dengan kajian oleh Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) yang mendapati faktor yang memotivasikan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu adalah peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar. Teknik penyampaian dan strategi yang digunakan oleh tenaga pengajar mampu menarik minat mereka untuk terus mengikuti pembelajaran. Oleh yang demikian tenaga pengajar bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu moden memainkan peranan penting untuk memotivasikan pelajar belajar gaya bahasa dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

puisi Melayu moden dengan mengaplikasikan teknik penyampaian yang sesuai dan menarik.

4.3 Rancangan Mengajar Gaya Bahasa Dalam Puisi Melayu Moden Berdasarkan Ciri-ciri Komik Toondoo

Bahagian ini memaparkan dua rancangan mengajar yang dibangunkan berdasarkan senarai semak rancangan mengajar berasaskan komik Toondoo. Tujuan rancangan mengajar ini dibangunkan adalah untuk menjawab objektif kedua kajian iaitu menghasilkan rancangan mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berasaskan komik Toondoo. Kajian ini perlu sebagai panduan pengkaji, guru dan pihak berkaitan untuk mengetahui penggunaan Toondoo dalam sesi pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah merujuk senarai semak yang telah dibuat terlebih dahulu pada Bab 3. Terdapat dua senarai semak yang disediakan iaitu senarai semak rancangan mengajar berasaskan komik Toondoo dan senarai semak pembinaan rancangan mengajar berdasarkan teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif. Prinsip konstruktivisme yang digunakan adalah berfokus kepada aktiviti yang membantu perkembangan kognitif murid seperti aktiviti berfikir, menaakul, membentuk konsep dan menyelesaikan masalah. Oleh itu, rancangan mengajar yang dibina mengandungi soalan terbuka dan dialog yang meluas bertujuan menggalakkan pelajar tafsir maklumat yang dipelajari. Dengan itu, murid dapat membina pengetahuan baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, prinsip pendekatan kolaboratif yang digunakan dalam pembinaan rancangan mengajar ini adalah aktiviti pelajar belajar dalam kelompok kumpulan kecil. Mereka diberi tugasan yang mengkehendaki mereka bekerjasasama secara berkumpulan untuk menyelesaikan tugas yang diberi oleh guru.

Berdasarkan rancangan mengajar yang telah dibina, pengkaji menemukan beberapa strategi penggunaan komik Toondoo dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Strategi penggunaan Komik Toondoo bertujuan untuk menarik perhatian dan minat belajar gaya bahasa dikalangan murid. Selain itu turut mengukuhkan pemahaman murid berkaitan gaya bahsa dalam puisi Melayu moden. Pada bahagian awal, rancangan mengajar 1 dan rancangan mengajar 2 ditunjukkan. Seterusnya, perbincangan mengenai rancangan mengajar yang dibina dibincang dengan lebih lanjut dari aspek aplikasi teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif. Selain itu, penggunaan komik Toondoo pada bahagian set induksi, pengembangan, pengukuhan dan penilaian serta penutup turut dibincangkan. Rancangan mengajar 1 dan rancangan mengajar 2 dapat dilihat menerusi lampiran 1 dan lampiran 2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Aplikasi Teori Konstruktivisme

Rancangan mengajar berasaskan komik Tondoo ini dibangunkan dengan mengaplikasikan teori konstruktivisme, aspek-aspek pembelajaran konstruktivis seperti soalan-soalan terbuka dan dialog yang meluas serta menggalakkan pelajar menganalisis, mentafsir dan meramal maklumat yang diterima dimasukkan dalam perancangan pengajaran yang disediakan. Pada rancangan mengajar 1 soalan terbuka diberikan pada langkah 1 bertujuan untuk membina pengetahuan baru berkenan gaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa. soalan terbuka juga diberikan pada rancangan mengajar 2 melalui aktiviti *chunking* guru bersoal jawab dengan pelajar berkenaan gaya bahasa untuk menggunakan pengetahuan sedia ada murid digabungkan dengan pembelajaran baru untuk mempertingkatkan pemahaman mereka.

Menurut Bada dan Steve Olusegun (2015), guru konstruktivisme perlu menggalakkan pelajar sentiasa menilai bagaimana aktiviti itu membantu mereka mendapat pemahaman. Oleh itu, aplikasi konstruktivisme pada rancangan mengajar 1 berperanan untuk mendapatkan pelajar yang berupaya membina pengetahuan baru melalui aktiviti lembaran komik Toondoo, aktiviti shout out dan aktiviti arrested development. Aplikasi teori konstruktivisme pada rancangan mengajar 2 pula terdapat pada aktiviti *brainstorming, artscape* dan latihan. Pada bahagian penutup kedua-dua pelan ini memberikan penghargaan kepada pelajar atas pencapaian mereka pada hari tersebut. Semua ini merupakan elemen penting dalam teori konstruktivisme. Teori konstruktivisme menyokong penggunaan komik Toondoo sebagai salah satu bahan bantu mengajar yang kreatif dan mampu menarik perhatian pelajar untuk belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Aplikasi Pendekatan Kolaboratif

Pembinaan rancangan mengajar ini dilengkapkan dengan mengaplikasikan pendekatan kolaboratif. Menurut Ava Clare (2017), pembelajaran menggunakan komik Toondoo mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi pelajar dan menggalakkan pembelajaran secara kolaboratif. Oleh itu, pembinaan rancangan mengajar ini diyakini mampu membantu pemahaman pelajar berkenaan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden melalui aktiviti berkumpulan yang dirancang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rancangan mengajar ini juga dibina untuk memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar gaya bahasa dengan lebih baik. Kajian oleh Nuning Catur (2015) mendapati pelajar menunjukkan sikap positif yang ketara dengan tekun menyiapkan tugasan pada komik Toondoo yang disediakan. Oleh itu, aktiviti yang dicadangkan dalam rancangan mengajar yang dibina menyarankan penggunaan komik Toondoo dalam tugasan berbentuk kolaboratif.

Rancangan mengajar yang dibangunkan untuk pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden ini menampilkan pendekatan kolaboratif pada setiap aktiviti yang dilaksanakan. Guru dicadangkan membahagi pelajar kepada beberapa kumpulan, berbincang dan menyelesaikan tugasan bersama-sama. Dalam rancangan mengajar 1 dan 2, pelajar belajar dalam kumpulan belajar yang berbantukan komik Toondoo melalui aktiviti *shout out* dan *brainstorming*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, pendekatan kolaboratif pula dilaksanakan dalam rancangan mengajar melalui aktiviti berkumpulan, iaitu dalam langkah 3. Dalam langkah 3, aktiviti kolaboratif seperti "*Shout Out*" dan "*Artscape*" turut diserapkan dalam pembinaan rancangan mengajar 1 dan 2. Aktiviti yang disediakan dibuat dalam bentuk berkumpulan agar dapat diselesaikan dengan lebih mudah oleh pelajar. Hal ini kerana melalui aktiviti berkumpulan pelajar boleh berbincang bersama untuk menyelesaikan tugasan yang diberi. Dengan cara itu pemahaman mengenai gaya bahasa menjadi lebih mudah dan dapat ditingkatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Aplikasi Komik Toondoo

Kajian ini menekankan aplikasi komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Menurut NurAfifah (2018) penggunaan bahan pengajaran yang sesuai mempunyai kesan positif terhadap kemampuan pelajar menganalisis gaya bahasa metafora. Komik Toondoo merupakan bahan pengajaran yang telah diakui mempunyai kesan positif terhadap pemahaman dan minat belajar dikalangan pelajar. Oleh itu, aplikasi komik Toondoo dalam rancangan mengajar dibincangkan mengikut pembahagian bahagian dalam rancangan mengajar yang terdiri daripada set induksi, pengembangan dan perbincangan serta bahagian pengukuhan dan penilaian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3.1 Set Induksi

Set induksi merupakan satu set pembelajaran untuk memulakan sesuatu PdPc yang melibatkan aktiviti dan sumber yang menarik perhatian murid supaya mereka bersedia untuk belajar. Menurut Madeline Hunter (2017) set induksi berperanan mendapatkan pelajar bersedia dan teruja untuk menerima arahan seterusnya. Set induksi dalam rancangan mengajar yang disediakan menggunakan komik yang dibina menggunakan laman web Toondoo. Komik tersebut mengandungi maklumat dan ilustrasi berkaitan gaya bahasa dari aspek konsep dan cara penggunaannya.

Penggunaan komik Toondoo pada bahagian set induksi bertujuan menarik minat belajar dan penglibatan pelajar dalam bilik darjah. Dalam rancangan mengajar yang dibina komik Tondoo digunakan pada bahagian set induksi dalam kedua-dua buah rancangan mengajar yang dibangunkan. Dapatan Acep Juandi dan Uep Tatang Sontani

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2017) kemahiran mengajar dan kreativiti guru mempunyai korelasi yang kuat dengan pencapaian pelajar secara menyeluruh. Oleh itu set induksi yang kreatif dengan penggunaan komik Toondoo pastinya membantu pencapaian pelajar dalam mempelajari gaya bahasa puisi Melayu moden.

4.3.3.2 Pengembangan dan Perbincangan

Pada bahagian pengembangan iaitu langkah 1 dan langkah 2 pada rancangan mengajar, komik Toondoo berfungsi sebagai bahan bantu mengajar yang menjadi alat interaksi sosial. Interaksi sosial berlaku dalam aktiviti yang bersifat pembelajaran kolaboratif seperti aktiviti *brainstorming* dan aktiviti *shout out*. Aktiviti perkembangan dan pengayaan tersebut dilaksanakan secara berkumpulan. Dengan demikian, pelajar dapat berinteraksi sesama sendiri untuk menyelesaikan tugasan yang diberi disamping menambah pemahaman sedia ada berkaitan gaya bahasa.

Aplikasi komik Toondoo pada bahagian pengembangan membantu mengintepretasikan konsep gaya bahasa dari bentuk teks dan verbal kepada visual menggunakan Toondoo. Menurut Nimer Abuzahra etl (2016) pendekatan konstruktivisme mampu membina pengetahuan kerana ianya membenarkan pelajar memperoleh pengetahuan secara individu. Tambahnya lagi, pelajar seterusnya mampu membina idea yang lengkap dalam aktiviti kerja kumpulan secara kolaboratif. Oleh itu, aplikasi komik Toondoo pada bahagian pengembangan membantu pelajar mengembangkan idea berkenaan gaya bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3.3 Pengukuhan dan Penilaian

Komik Toondoo turut digunakan pada bahagian pengukuhan dan penilaian. Pada rancangan mengajar 1, aktiviti penilaian yang dilakukan adalah aktiviti *arrested development* dan *word search*. Dalam aktiviti tersebut lembaran latihan disediakan menggunakan komik Toondoo. Tugasan yang disediakan ini bertujuan untuk menilai pemahaman pelajar dengan mewujudkan latihan yang mencabar berbantukan komik Toondoo.

Nuray Parlak Yilmaz (2017) yang mendapati penggunaan Toondoo sebagai tugasan yang dibuat secara berkumpulan dapat menarik perhatian dan fokus pelajar. Oleh itu tugasan untuk tujuan pengukuhan dan penilaian pada langkah 3 rancangan mengajar diwujudkan dalam bentuk visual berbantukan komik Toondoo agar dapat menarik perhatian dan fokus pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Maklum Balas Murid Terhadap Pdpc Berbantukan Komik Toondoo

Bahagian ini memaparkan hasil kajian melalui temu bual berkaitan maklum balas murid kesusasteraan Melayu terhadap penggunaan komik Toondoo dalam puisi Melayu Moden. Tujuan temu bual adalah untuk menjawab objektif 3 kajian iaitu menilai maklum balas murid terhadap pdpc gaya bahasa puisi Melayu moden berbantukan komik Toondoo. Kajian ini perlu untuk mendapat persepsi awal murid terhadap penggunaan komik Toondoo dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu. Persepsi murid penting untuk melihat penerimaan mereka terhadap penggunaan komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar. Penerimaan mereka seterusnya akan membantu dalam proses pemahaman gaya bahasa puisi Melayu moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam hal ini, pengkaji telah menemu bual sepuluh orang responden yang merupakan murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran kesusasteraan Melayu di SMK Padawan, Kuching, Sarawak. Soalan temu bual merangkumi maklum balas murid terhadap ciri-ciri komik yang menarik murid untuk belajar, kesesuaian komik Toondoo untuk aktiviti berkumpulan, kewajaran komik Toondoo sebagai bahan PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden dan keupayaan komik Toondoo untuk meningkatkan kreativiti murid. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengkaji telah menemukan pelbagai maklum balas daripada murid. Perbincangan lebih lanjut mengenai perkara ini akan dibincangkan dalam sub topik berikutnya.

4.4.1 Ciri-ciri Komik Toondoo

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan maklum balas murid berkaitan ciri-ciri pada komik Toondoo yang dihasilkan untuk PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Temu bual dijalankan bertujuan untuk mengetahui pandangan murid kesusasteraan Melayu berkenaan ciri-ciri komik Toondoo tersebut yang menarik minat mereka dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati terdapat lima ciri menarik Toondoo dalam PdPc yang dinyatakan oleh murid. Antara ciri-ciri komik Toondoo yang dinyatakan dalam maklum balas murid adalah bergambar, berwarna, isi kandungan yang menarik, tulisan dan dialog. Maklum balas murid dijelaskan dalam rajah berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.5 Maklum balas terhadap ciri-ciri komik Toondoo yang menarik minat belajar gaya bahasa.

Berdasarkan rajah didapati semua responden bersetuju bahawa komik Toondoo mampu menarik minat mereka untuk belajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Sembilan daripada responden yang ditemu bual mengatakan tarikan utama pada komik Toondoo adalah kerana bergambar. Selain itu, lapan orang murid pula masing-masing menyatakan ciri-ciri komik yang berwarna dan isi kandungan komik yang menarik menjadi ciri komik Toondoo yang disukai. Tiga orang murid menyatakan tulisan pada komik juga merupakan ciri komik Toondoo yang menarik minat mereka. Penggunaan dialog pada bahan komik Toondoo turut dinyatakan oleh murid sebagai ciri yang telah menarik perhatian dan rasa ingin tahu mereka dalam PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden.

Dapatan kajian menunjukkan maklum balas murid terhadap ciri-ciri komik yang menarik minat mereka untuk belajar. Ciri-ciri tersebut bolehlah dibincangkan mengikut sub topik ciri-ciri bergambar dan berwarna dan ciri-ciri tulisan dan isi kandungan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1.1 Bergambar dan Berwarna

Komik Toondoo yang dihasilkan untuk tujuan PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden mempunyai warna yang pelbagai. Selain itu, komik juga terhasil daripada bentuk gambar karakter yang comel dan pelbagai. Gambar dan teks tersebut berfungsi menceritakan makna sesuatu gaya bahasa dalam bentuk dialog antara karakter. Dalam proses dialog ini wujud interaksi komik visual. Menurut Versaci (2001), interaksi ini berlaku apabila terdapat wajah manusia pada subjek tertentu dalam komik Toondoo menyebabkan hubungan emosi antara pelajar dan watak-watak dalam cerita komik lahir. Murid yang ditemubal rata-rata menyatakan ciri-ciri pada komik Toondoo yang menarik adalah gambar menarik dan berwarna. Mereka berpendapat gambar yang cantik menarik minat mereka untuk belajar dan secara tidak lansung memudahkan pemahaman mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Komik Toondoo gaya bahasa puisi Melayu moden mempunyai gambar visual yang kekal pada ingatan pembaca. Oleh itu komik Toondoo boleh menjadi bahan pembelajaran yang membantu murid memahami konsep dan jenis gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Menurut Yang Gen (2003) kekuatan komik dalam pendidikan adalah cirinya yang terdiri daripada gambar yang dapat menangkap dan mengekalkan minat pelajar. Gambar dalam komik Toondoo ini mampu menyampaikan informasi berkenaan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden sehingga mampu memberikan respon kepada pembacanya iaitu para murid. Responden murid D yang ditemu bual menyatakan ciri-ciri komik Toondoo gaya bahasa puisi Melayu moden yang paling disukai adalah gambar-gambar kartun yang berwarna yang membantu memudahkan pemahamannya. Dapatan ini membuktikan gambar dan warna pada komik gaya bahasa Toondoo mampu menarik minat murid belajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gambar dalam komik Toondoo gaya bahasa disajikan dengan sistematik. Setiap gambar dipilih dan disesuaikan dengan dialog yang sesuai. Dengan demikian, komik Toondoo yang dihasilkan mudah difahami oleh murid. Responden murid E yang ditemu bual menyatakan komik Toondoo yang digunakan sewaktu PdPc mudah difahami olehnya kerana gambar yang cantik dan warna yang menarik minatnya. Dapatan ini membuktikan komik Toondoo mempunyai ciri-ciri yang mampu menarik minat belajar di kalangan murid. Dapatan ini juga membuktikan bahawa penggunaan buku teks sahaja sebagai media dalam pendidikan kurang membantu pemahaman pelajar kerana tidak bergambar. Oleh itu penggunaan komik Toondoo sesuai sebagai media melengkapkan PdPc kerana ciri-cirinya yang berwarna dan bergambar dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1.2 Tulisan dan Isi Kandungan

Terdapat juga murid yang berpendapat ciri komik yang disukai adalah kerana mempunyai isi kandungan yang ringkas, jelas dan padat. Isi kandungan komik Toondoo gaya bahasa puisi Melayu moden, yang disediakan untuk tujuan PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden disusun dengan jelas untuk menerangkan konsep gaya bahasa kepada murid. Responden yang ditemui mengatakan komik ini menarik minat mereka untuk belajar kerana ilustrasi yang menarik dengan persembahan isi kandungan yang santai dapat menghiburkan pembaca. Dapatan ini menyokong dapatan kajian oleh Ummuhan Avci Yucel (2016), Toondoo dapat meningkatkan minat kerana berbentuk hiburan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara itu, aras bahasa yang digunakan dalam komik Toondoo gaya bahasa tersebut juga senang difahami. Responden yang ditemu bual menyatakan isi kandungan yang mudah difahami merupakan ciri-ciri komik yang disukai oleh murid. Tulisan daripada jenis calibri dengan size 8 digunakan dalam pembuatan komik gaya bahasa puisi Melayu moden. Tulisan ini terbukti senang dibaca dan membantu pemahaman murid tentang konsep gaya bahasa. Menurut responden murid G yang ditemu bual *"Antara ciri komik Toondoo gaya bahasa yang saya suka adalah tulisan yang digunakan mudah dibaca dan difahami"*.


4.4.2 Kesesuaian Komik Toondoo Untuk Aktiviti Berkumpulan

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan maklum balas murid berkaitan kesesuaian komik Toondoo yang dihasilkan untuk aktiviti berkumpulan dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Temu bual dijalankan bertujuan untuk mengetahui pandangan murid kesusasteraan Melayu berkenaan kesesuaian komik Toondoo dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden.

Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati terdapat enam sebab komik Toondoo sesuai digunakan untuk aktiviti berkumpulan dalam PdPc yang diberikan oleh murid. Antara sebab-sebab tersebut adalah membolehkan mereka berkongsi pendapat, peluang untuk berinteraksi, aktiviti yang menarik, di samping mendapat dan menyumbang idea serta mudah difahami. Maklum balas murid dijelaskan dalam rajah berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.6 Maklum balas murid terhadap kesesuaian komik Toondoo untuk aktiviti berkumpulan

Berdasarkan rajah di atas, didapati lima orang murid yang ditemu bual menyatakan komik Toondoo sesuai digunakan dalam aktiviti berkumpulan kerana mereka boleh berkongsi pendapat dalam suasana yang menyeronokkan. Dua orang murid menyatakan sebab utama pembelajaran ini menyeronokkan adalah kerana mereka dapat berinteraksi dengan rakan-rakan sekumpulan. Dua orang murid lain yang ditemu bual pula menyatakan komik Toondoo yang disediakan menyediakan aktiviti yang menarik untuk aktiviti berkumpulan. Selebihnya setiap satu murid menyatakankomik Toondoo yang digunakan untuk aktiviti berkumpulan membolehkan mereka mendapat idea, menyumbang idea dan juga mudah difahami.

Dapatan kajian menunjukkan maklum balas murid terhadap kesesuaian komik Toondoo untuk aktiviti berkumpulan. Ciri-ciri tersebut bolehlah dibincangkan mengikut sub topik berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2.1 Berkongsi Pendapat

Komik Toondoo sememangnya menyokong pembelajaran kolaboratif. Pembelajaran kolaboratif dilaksanakan melalui aktiviti perkembangan dan pengayaan yang disediakan. Selain itu, aktiviti berupa tugasan berkumpulan berasaskan komik Toondoo turut disediakan. Hasil kerja murid diperoleh bersama melalui aktiviti perbincangan berkumpulan. Setelah dilaksanakan PdPc berbantukan komik Toondoo tersebut didapati maklum balas murid terhadap kesesuaian komik Toondoo untuk aktiviti berkumpulan adalah menyeronokkan kerana mereka dapat berkongsi pendapat. Menurut responden murid B, komik Toondoo sesuai digunakan untuk aktiviti berkumpulan kerana boleh berkongsi pendapat dan menyumbangkan banyak idea. Dapatan ini membuktikan komik Toondoo merupakan bahan PdPc yang sesuai untuk aktiviti berkumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Ava Clare (2017) bahawa penggunaan komik Toondoo mempunyai kesan yang signifikan terhadap sikap belajar secara kolaboratif. Responden yang ditemu bual menunjukkan penggunaan komik Toondoo dalam PdPc puisi Melayu moden mempengaruhi sikap dan minat mereka belajar secara kolaboratif. Melalui temu bual yang dijalankan, maklum balas yang diberikan oleh murid I adalah komik ini sangat menyeronokkan kerana dia dapat berkongsi pendapat, bertukar fikiran dan idea menyebabkan dia mudah memahami kehendak soalan dan konsep gaya bahasa. Dapatan ini dapat dikembangkan dalam pengajaran dan pemudahcaraan matapelajaran Kesusasteraan Melayu untuk menjalankan aktiviti berkumpulan bagi meningkatkan minat belajar dan pemahaman murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2.2 Aktiviti Menarik

Komik Toondoo sesuai digunakan untuk aktiviti berkumpulan atau secara koaboratif. Dapatan kajian mendapati responden yang ditemu bual mengatakan komik Toondoo yang disediakan untuk aktiviti berkumpulan adalah menarik. Penggunaan komik Toondoo untuk aktiviti berkumpulan dapat menarik minat murid belajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Responden yang ditemu bual mengakui komik Toondoo sangat sesuai untuk aktiviti berkumpulan kerana aktiviti yang disediakan menarik. Responden murid F yang ditemu bual mengatakan bahawa dia menyukai aktiviti berkumpulan yang disediakan dalam PdPc gaya bahasa kerana aktiviti jadi lebih menarik dengan bahan perbincangan dibina berasaskan komik Toondoo. Dapatan ini menyokong kajian oleh Shamini Krishnan dan Kamisah Othman (2016), yang mendapati komik adalah bahan bantu mengajar yang efektif untuk mengembangkan proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti berkumpulan dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden dapat dikembangkan dengan adanya bahan berasaskan komik Toondoo.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2.3 Peluang Berinteraksi

Dapatan kajian menunjukkan aktiviti berkumpulan yang dibina mendukung teori konstruktivisme. Aktiviti yang diberikan kepada mereka dapat membentuk kemahiran sosial dan komunikasi dengan pembentukan suasana kelas yang dilaksanakan secara kolaboratif dan pertukaran idea. Responden yang ditemui mengakui berkomunikasi, berkongsi idea dan bekerjasama dalam menyiapkan tugasan yang diberikan. Responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid C yang ditemu bual mengatakan bahawa dia mendapat peluang berinteraksi dengan kawan sebab boleh berbincang dengan kawan-kawan.

Menurut Arniza Mokhtar dan Zamri Mahamod (2018) guru perlu merancang kaedah PdPc yang dapat menarik minat pelajar dan memahami cara pelajar membina konsep atau pengetahuan. Oleh itu, komik Toondoo sangat sesuai untuk guru mata pelajaran kesusasteraan Melayu merancang PdPc yang mengandungi aktiviti berkumpulan kerana aktiviti yang disediakan memberi peluang murid berinteraksi.

Pembelajaran menggunakan komik Toondoo membangunkan pemikiran kritikal, melalui peningkatan komunikasi sesama murid. Aktiviti dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu yang berbantukan komik Toondoo dirancang dan disesuaikan untuk aktiviti yang membolehkan murid berbincang. Melalui aktiviti sebegini, kebiasaan penggunaan kertas dan pen digantikan dengan reka bentuk komik digital komik Toondoo yang konsisten dengan pendidikan abad ke-21 dan generasi pada hari ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.2.4 Pembinaan Idea

Kajian ini menunjukkan komik Toondoo sesuai untuk aktiviti berkumpulan kerana membantu dalam pembinaan idea. Pembinaan idea berlaku apabila mereka saling berkongsi pendapat. Melalui aktiviti tersebut mereka mudah mendapat idea baru. Aktiviti berkumpulan yang disediakan guru dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden mudah difahami responden dengan adanya penggunaan komik Toondoo.

Melalui penggunaan komik Toondoo juga guru dapat melahirkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan di dalam kelas. Menurut responden murid A yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ditemu bual aktiviti berkumpulan yang disediakan berasaskan laman web komik Toondoo menyeronokkan kerana berpeluang bercakap dengan kawan-kawan dan mampu mencari dan mendapat idea baharu.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian oleh Mona Tahsaldar dan Charbel Semaan (2015), Toondoo dapat menarik minat dan motivasi murid untuk belajar. Bahan yang disediakan untuk aktiviti berkumpulan dapat menggalakkan murid untuk berusaha lebih dalam menyiapkan tugasan yang diberi. Kesannya, bahan bantu mengajar komik Toondoo berkesan untuk mengembangkan kreativiti murid di samping meningkatkan motivasi belajar mereka.Pada akhirnya, murid menjadi lebih mudah untuk memahami gaya bahasa dalam puisi Melayu moden yang dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3 Kewajaran Komik Toondoo Sebagai Bahan PdPc


Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan maklum balas murid berkenaan kewajaran komik Toondoo sebagai bahan bantu dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Temu bual dijalankan bertujuan untuk mengetahui pandangan murid kesusasteraan Melayu berkenaan kewajaran komik Toondoo digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam mata pelajaran kesusasteraan Melayu amnya dan gaya bahasa puisi Melayu moden khasnya.

Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati semua responden berpendapat bahawa guru Kesusasteraan Melayu wajar menggunakan komik Toondoo untuk pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa dalam puisi moden. Terdapat empat sebab komik Toondoo wajar digunakan sebagai bahan PdPc yang dinyatakan oleh murid. Antara sebab kewajaran yang dinyatakan adalah komik Toondoo mampu menarik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

minat, meningkatkan pemahaman, bacaan ringan dan sesuai dengan minat murid yang suka membaca komik. Maklum balas murid dijelaskan dalam rajah berikut.



Rajah 4.7 Maklum balas murid terhadap kewajaran komik Toondoo digunakan sebagai bahan bantu mengajar

Berdasarkan rajah yang ditunjukkan tujuh orang murid yang ditemu bual menyatakan komik Toondoo wajar digunakan sebagai bahan PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden kerana komik ini mampu menarik minat mereka untuk belajar. Empat orang murid yang ditemui pula menyatakan komik Toondoo dapat meningkatkan pemahaman mereka. Dua murid yang lain pula menyatakan komik Toondoo wajar digunakan sebagai PdPc kerana merupakan bacaan ringan yang mudah difahami. Seorang murid menyatakan kerana komik Toondoo memang wajar digunakan kerana selaras dengan minat murid yang suka membaca komik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.1 Menarik Minat Belajar

Kajian oleh sarjana terdahulu membuktikan bahawa komik Toondoo memberi kesan positif dalam pembelajaran di sekolah dan universiti. Menurut mereka minat pelajar yang besar terhadap komik mesti dimanfaatkan dengan mengaplikasikan komik sebagai bahan akademik di dalam bilik darjah. Sudjana dan Rivai (2011) mendapati bahan mengajar berasaskan komik dapat menciptakan minat murid, menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran efektif, meningkatkan minat belajar dan menimbulkan minat apresiasinya. Sehubungan itu adalah amat wajar kewujudan laman web komik Toondoo digunakan sebaiknya oleh guru kesusasteraan Melayu sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran khasnya pengajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden.

Oleh yang demikian, bahan bantu mengajar komik Toondoo adalah komik yang di dalamnya terdapat maksud gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Penggunaan komik Toondoo dalam mata pelajaran kesusasteraan Melayu dapat menarik minat dan penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian mendapati komik Toondoo wajar digunakan sebagai bahan PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden kerana dapat menarik minat murid untuk belajar. Buktinya daripa 10 orang responden murid yang ditemu bual 70% murid menyatakan komik Toondoo memang wajar digunakan sebagai bahan PdPc kerana menarik minat mereka untuk belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.3.2 Meningkatkan Pemahaman

Penggunaan komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar telah membantu dalam meningkatkan pemahaman murid. Menurut Filia Nur Rachman (2018) media pembelajaran komik Toondoo sangat sesuai digunakan sebagai bahan bantu mengajar Matematik dan dapat dikembangkan oleh pendidik untuk mata pelajaran yang lainnya. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan komik Toondoo dapat membantu dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Empat daripada 10 responden yang ditemu bual menyatakan penggunaan komik Toondoo adalah sangat wajar kerana membantu mereka dari segi pemahaman. Murid B mengatakan penggunaan komik Toondoo telah membantunya untuk lebih memahami gaya bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran puisi Melayu moden. Pendapat yang serupa turut diberikan oleh murid H, I dan J. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan komik Toondoo sebagai bahan mengajar adalah wajar kerana dapat membantu pemahaman gaya bahasa. Murid yang ditemu bual menyatakan gaya bahasa lebih mudah difahami jika dipelajari menggunakan komik Toondoo berbanding sumber lain seperti buku rujukan.

4.4.3.3 Bacaan Ringan Yang Diminati Oleh Murid

Komik adalah bahan bacaan yang popular. Kajian terdahulu mendapati bahan bacaan komik popular dikalangan murid yang baru meningkat remaja. Oleh itu, komik Toondoo wajar digunakan sebagai bahan PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden kerana bahan bacaan ini diminati oleh murid. Tambahan pula terdapat segelintir responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mempunyai tabiat suka membaca komik. Menurut responden murid C yang ditemu bual " *Saya lebih faham kerana kebetulan saya minat baca komik*".

Komik Toondoo gaya bahasa puisi Melayu moden yang digunakan dalam PdPc Kesusasteraan Melayu merupakan bahan bacaan ringan yang bersifat lucu dan sesuai untuk murid-murid. Kajian terdahulu oleh Lisa Smith (2017) mendapati murid lebih seronok membaca buku berasaskan komik dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana lebih mudah difahami daripada membaca novel. Penggunaan komik Toondoo sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa komik Toondoo wajar digunakan sebagai bahan PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden kerana ianya merupakan bahan bacaan ringan yang disukai oleh murid. Hal ini membantu membangunkan kemahiran berfikir murid secara analitikal dan kritikal murid secara tidak lansung ketika membaca komik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlansung, bahan visual komik Toondoo membantu dalam menghuraikan maksud makna yang lebih mendalam. Responden yang ditemui berpendapat penggunaan komik Toondoo dapat menarik minat murid kerana mengandungi gambar-gambar dan aksi muka yang pelbagai. Sebagai contohnya Murid D menyatakan komik Toondoo yang disediakan mudah difahami olehnya dan mengaku tidak merasa bosan membacanya berulang kali.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.4 Keupayaan komik Toondoo Dalam Meningkatkan Kreativiti

Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan maklum balas murid berkaitan keupayaan komik Toondoo dalam meningkatkan kreativiti murid. Temu bual dijalankan bertujuan untuk mengetahui pandangan murid kesusasteraan Melayu berkenaan kemampuan komik Toondoo untuk meningkatkan kreativiti mereka dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden.

Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati terdapat tiga sebab komik Toondoo dapat meningkatkan kreativiti dalam PdPc yang dinyatakan oleh murid. Hasil analisis transkrip mendapati kesemua responden bersetuju bahawa aktiviti yang disediakan guru menggunakan komik Toondoo memberi ruang untuk meningkatkan kreativiti mereka dalam mendapatkan idea mencipta gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Antara sebab komik Toondoo mampu meningkatkan kreativiti yang dinyatakan dalam maklum balas murid adalah keupayaan komik Toondoo mencetus idea murid, mencipta dialog dan mencipta ayat. Maklum balas murid dijelaskan dalam rajah berikut.



Rajah 4.8 Maklum balas murid terhadap komik Toondoo untuk meningkatkan kreativiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan rajah yang ditunjukkan, didapati lapan responden yang ditemu bual menyatakan komik Toondoo dapat meningkatkan kreativiti mereka kerana mampu mencetus idea mereka. Tiga orang murid yang ditemui pula menyatakan komik Toondoo meningkatkan kreativiti mereka dalam mencipta dialog. Dua orang responden lain menyatakan komik Toondoo dapat meningkatkan kreativiti dalam mencipta ayat.

Dapatan kajian menunjukkan maklum balas murid terhadap keupayaan Toondoo dalam meningkatkan kreativiti murid. Sebab-sebab yang dinyatakan murid bolehlah dibincangkan mengikut sub topik berikut:

4.4.4.1 Mencetus Idea

Komik Toondoo adalah teknologi web 2.0 yang membolehkan pelajar menjadi pencipta komik kreatif. Bahan bantu mengajar berasaskan komik Toondoo memberi mereka peluang untuk meneroka ilustrasi dan mencipta perbualan dan dialog yang merupakan ciri utama yang diperlukan untuk membuat komik. Selain itu, laman komik Toondoo turut mengajar murid cara untuk membuat idea dan berfikir tentang papan cerita mereka sendiri. Menurut Hadi Akhbar Dahlan (2016), komik boleh dijadikan sebagai alat pencetus sifat inkuiri bagi pembaca. Oleh itu, komik Toondoo patut digunakan sebagai salah satu cara penyebaran ilmu gaya bahasa dalam PdPc puisi Melayu moden bagi mata pelajaran kesusasteraan Melayu.

Daripada kajian yang dilaksanakan, didapati sebab utama yang dinyatakan oleh responden murid yang ditemu bual adalah aktiviti yang disediakan membantu mereka mencetuskan idea mereka. Keupayaan Toondoo dalam meningkatkan kreativiti murid jelas apabila murid merasakan komik Toondoo yang disediakan membantu mereka

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan idea baru sewaktu menjalankan aktivti pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh Responden murid A yang ditemui mengatakan aktiviti berasaskan komik Toondoo yang disediakan meningkatkan kreativitinya kerana dengan merujuk komik tersebut dia mendapat idea yang baru.

4.4.4.2 Mencipta Dialog Dan Ayat

Kejayaan komik Toondoo dalam meningkatkan kreativiti murid dalam pembelajaran tidak dapat dipertikaikan. Pengkaji terdahulu seperti Stephanie Vie dan Brandy Dieterle (2016) mendapati komik berkesan sebagai bahan pembelajaran kemahiran pemikiran kritikal di bilik darjah. Kajian oleh Puspita Dwi Widyastuti, Rasiman dan Rina Dwi Setyowati (2016) pula mendapati siswa yang belajar menggunakan komik Toondoo dengan metode diskusi dan soal jawab lebih efektif daripada siswa yang belajar tanpa menggunakan komik Toondoo.

Sementara itu, Nimer Abuzahra, Mohammed Abdel Hakim Farrah dan Sarah Zalloum (2016) penggunaan kartun dalam pengajaran dan pembelajaran mendukung teori konstruktivisme yang mana murid mendapat banyak manfaat dari penggunaan teknologi kartun animasi. Biarpun komik Toondoo bukan sebuah animasi namun penggunaan komik Toondoo dalam PdPc gaya bahasa turut memaparkan kartun yang membantu perkembangan percambahan pemikiran murid. Pemikiran murid bercambah melalui aktiviti berkumpulan yang dirancang berbantukan komik Toondoo.

Dapatan temu bual mendapati aktiviti yang diberikan dapat meningkatkan kreativiti murid kerana membolehkan mereka mencipta dialog dan ayat. Murid C yang ditemu bual mengatakan aktiviti berasaskan komik Toondoo dapat meningkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kreativitinya dalam mencipta dialog apatah lagi dilaksanakan dalam kumpulan. Murid B pula mengakui boleh mencipta ayat dan dialog kerana ilustrasi komik Toondoo membantunya mendapatkan idea baharu.

4.4.5 Kesesuaian Komik Toondoo Sebagai Aktiviti Penilaian


Bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berkaitan maklum balas murid berkaitan kesesuaian komik Toondoo sebagai bahan dalam aktiviti penilaian dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Temu bual dijalankan bertujuan untuk mengetahui pandangan murid Kesusasteraan Melayu berkenaan sebab komik Toondoo sesuai digunakan pada bahagian penilaian sebagai aktiviti pengukuhan dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil dari temu bual yang dijalankan mendapati terdapat lima sebab yang dinyatakan oleh murid. Analisis transkrip mendapati semua responden yang ditemu bual bersetuju bahawa aktiviti penilaian yang berasaskan komik Toondoo yang diberikan guru mampu meningkatkan pemahaman mereka berkaitan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Antara sebab komik Toondoo sesuai untuk akiviti penilaian yang dinyatakan dalam maklum balas murid adalah kerana menguji pemahaman, mencabar, menarik, mudah difahami dan sesuai. Maklum balas murid dijelaskan dalam rajah berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.9 Maklum balas murid terhadap aktiviti penilaian dalam komik Toondoo

Berdasarkan rajah yang ditunjukkan didapati lapan orang responden yang ditemu bual berpendapat latihan yang disediakan sebagai aktiviti penilaian menggunakan komik Toondoo mampu menguji pemahaman mereka berkaitan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Selain itu terdapat tiga orang responden yang ditemu bual berpendapat bahawa aktiviti penilaian yang disediakan mencabar kemampuan mereka. Antara sebab lain yang dinyatakan oleh responden adalah aktiviti penilaian dalam komik Toondoo menarik, mudah difahami dan sesuai.

Dapatan kajian menunjukkan maklum balas murid terhadap sebab aktiviti penilaian dalam komik Toondoo mampu meningkatkan pemahaman mereka berkaitan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Sebab-sebab yang diberikan bolehlah dibincangkan dari aspek menguji pemahaman, mencabar, mudah difahami dan menarik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.5.1 Menguji Pemahaman

Aktiviti penilaian dibina berbantukan komik Toondoo. Laman web komik Toondoo memudahkan guru menyediakan bahan penilaian berbentuk latihan yang menarik. Menurut Mohd Syaubari Othman et al., (2016) inisiatif dan usaha kebanyakkan guru pendidikan Islam bersumberkan Internet kerana sumber ini senang diakses dan mudah diperoleh secara konsisten dan cepat kerana kekangan masa. Dalam kajian ini guru kesusasteraan Melayu boleh menggunakan internet, membina bahan penilaian menggunakan laman komik Toondoo kerana sumber internet ini senang diakses dan mudah diperoleh.

Aktiviti penilian berasaskan komik Toondoo ini mewujudkan peluang kepada murid untuk membentangkan hasil idea dan ciptaan mereka sendiri yang unik. Hasil perbincangan merupakan usaha murid untuk menambahkan pemahaman mereka berkenaan gaya bahasa. Antara aktiviti penilaian yang disediakan adalah meminta para murid membina gaya bahasa yang sesuai dan memasukkan dalam ilustrasi yang disediakan oleh guru berbantukan laman web Toondoo.

Murid yang ditemu bual mengatakan aktiviti penilaian dalam komik Toondoo mampu meningkatkan pemahaman mereka berkaitan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden kerana aktiviti tersebut dapat menguji tahap pemahaman mereka. Murid B, yang ditemu bual mengatakan latihan yang disediakan memberi ruang kepadanya untuk menguji pemahamannya berkaitan gaya bahasa yang dipelajari dalam puisi Melayu moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.5.2 Mencabar

Maklum balas yang diterima daripada responden menunjukkan aktiviti penilaian yang dibina berasaskan komik Toondoo adalah mencabar. Idea mereka tercetus melalui ransangan yang diberikan dalam bentuk imej dan mimik muka yang terdapat dalam latihan yang dibina berbantukan komik Toondoo. Oleh yang demikian aktiviti penilaian kelihatan mencabar dan menarik bagi sesetengah responden.

Asri Siti Fatimah (2017), Teknologi media Toondoo merupakan bahan instruksional yang membantu guru dalam pengajaran bahasa Inggeris. Dapatan kajian ini menunjukkan komik Toondoo turut merupakan bahan intruksional yang membantu dalam pengajaran gaya bahasa puisi Melayu moden untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Buktinya, maklum balas murid terhadap sebab aktiviti penilaian dalam komik Toondoo mampu meningkatkan pemahaman mereka berkaitan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden kerana aktiviti penilaian yang disediakan mencabar kemampuan dan menguji pemahaman mereka. Sebagai contoh, murid C mengatakan walaupun aktiviti penilaian yang disediakan agak susah padanya namun dia boleh buat dan selesaikan sebab dibuat secara perbincangan kumpulan dan dibantu oleh kawan-kawan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.5.3 Mudah Difahami

Komik Toondoo mempunyai ciri mesra pengguna. Apabila diaplikasikan dalam PdPc kesusasteraan Melayu selain mudah digunakan, arahan pada aktiviti penilaian juga mudah difahami. Menurut (Yahya Othman & Dayang Raini Pakar, 2011) mendapati penggunaan perisian cerita secara interaktif dalam pengajaran bacaan dan pemahan dapat meningkatkan prestasi kefahaman murid sederhana. Komik Toondoo sebagai bahan interaktif juga didapati dapat meningkatkan pemahaman pelajar kesusasteraan Melayu berkaitan gaya bahasa.

Buktinya, maklum balas murid terhadap sebab aktiviti penilaian dalam komik Toondoo mampu meningkatkan pemahaman mereka berkaitan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden adalah kerana aktiviti penilaian mudah difahami. Sebagai contoh, murid B mengatakan penggunaan komik Toondoo dalam aktiviti penilaian sangat sesuai kerana latihan mudah difahami. Komik Toondoo ternyata mampu menambah pemahaman pelajar kerana mudah difahami.

4.4.5.4 Menarik

Komik Toondoo menjadi tarikan kerana cirinya yang terdiri daripada gambar. Komik dapat menangkap dan mengekalkan minat pelajar. warna yang pelbagai, bentuk karakter yang comel serta mempunyai pelbagai pilihan mimik muka dan gaya, mampu memberi peluang kepada pengguna untuk menghasilkan komik yang menarik dan menyeronokkan. Tambahan pula Ilustrasi menarik dan santai. (Zulikha Jamaludin, 2015), mendapati penggunaan bahan berbentuk grafik visual sebagai bahan bantu mengajar yang menarik minat pelajar belajar novel. Dapatan kajian ini pula menjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan penilaian yang dibina berasaskan komik Toondoo, merupakan bahan bantu mengajar yang mengandungi unsur grafik mampu menarik minat pelajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan murid berasa seronok kerana aktiviti yang disediakan menggunakan komik Toondoo bersifat menarik. Sifat tersebut menggalakkan pembelajaran gaya bahasa di kalangan murid. Mereka dapat membaca komik gaya bahasa yang menarik sambil mempelajari sesuatu yang berunsur pendidikan. Menurut Murid D yang ditemu bual, latihan berasaskan komik Toondoo sangat menarik kerana gambar kartun dalam komik Toondoo membantu mencetuskan ideanya bagi menyelesaikan latihan yang diberikan.

4.5 Rumusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulan dapatlah dirumuskan bahawa wujud beberapa masalah dalam pengajaran dan pemudahcaraan puisi Melayu moden. Masalah tersebut dihadapi oleh guru ketika mengajar gaya bahasa bagi mata matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Namun demikian guru-guru yang ditemu bual telah mengusulkan beberapa pandangan dan cadangan untuk mengatasi masalah tersebut. Cadangan penggunaan komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden adalah satu cara kreatif dan inovatif untuk menarik minat murid belajar di samping membantu pemahaman mereka.

Rancangan mengajar dan pemudahcaraan PdPc yang dibina berbantukan komik Toondoo pula bolehlah dirumuskan sebagai satu reka bentuk cara baru dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Pendidik mata pelajaran kesusasteraan Melayu boleh menggunakan komik Toondoo untuk memperluaskan strategi pedagogi serta

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyampaikan satu set idea alternatif mengenai konsep gaya bahasa dalam bentuk visual kepada pelajar. Penggunaan komik Toondoo di dalam kelas untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dengan menjana perbincangan, meransang penyiasatan, dan menggalakkan penglibatan dan motivasi pelajar.

Komik Toondoo adalah alat yang berkuasa untuk PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Selain bahan bantu mengajar yang lain, komik Toondoo adalah satu lagi sumber yang boleh meningkatkan keyakinan dan minat pelajar dalam meneroka kebolehan mereka. Maklum balas dari murid menunjukkan komik Toondoo mampu meningkatkan kemampuan murid menyelesaikan masalah dalam pembelajaran seterusnya menjadi pelengkap bagi guru mata pelajaran kesusasteraan dalam proses PdPc gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Oleh itu, rancangan mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden yang dibuat berasaskan Komik Toondoo boleh dijadikan rujukan guru-guru kesusasteraan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir bagi kajian ini. Bab ini mengandungi rumusan keseluruhan berkaitan dapatan dan perbincangan kajian yang dibuat pada bab sebelumnya. Selain itu, bab ini turut membuat penilaian terhadap dapatan yang telah diperoleh dan mengemukakan cadangan yang lebih baik agar penggunaan aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) puisi Melayu moden khususnya dan mata pelajaran kesusasteraan Melayu amnya dapat diberi perhatian oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pihak terlibat seperti guru mata pelajaran kesusasteraan Melayu boleh meningkatkan PdPc yang lebih baik dan berkesan.

Rumusan kajian yang dilaksanakan ini adalah berdasarkan objektif kajian yang telah mencapai sasaran. Objektif pertama kajian adalah untuk mengenal pasti masalah yang wujud dalam PdPc gaya bahasa pusi Melayu moden. Objektif kedua pula adalah membina rancangan mengajar berasaskan komik Toondoo dan objektif ketiga menilai maklum balas pelajar terhadap penggunaan komik Toondoo dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden. Selain itu bab ini juga akan mengutarakan beberapa implikasi dan cadangan berkaitan penggunaan komik Toondoo dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Rumusan Kajian


Bahagian ini memaparkan rumusan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan bagi kajian ini serta hasil kajian yang telah dibincangkan dalam bab sebelumnya. Rumusan tersebut dibincangkan mengikut sub topik berdasarkan objektif kajian iaitu rumusan berkaitan masalah yang wujud dalam PdPc gaya bahasa pusi Melayu moden, rumusan berkaitan rancangan mengajar berasaskan komik Toondoo dan akhir sekali rumusan berkaitan maklum balas pelajar terhadap penggunaan komik Toondoo dalam PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1 Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Gaya Bahasa Puisi Melayu Moden

Secara keseluruhannya melalui dapatan kajian telah ditemukan beberapa permasalahan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah berikut:



Rajah 5.1 Model permasalahan pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden

Berdasarkan rajah 5.1 dapatlah dirumuskan bahawa terdapat empat permasalahan utama telah dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden. Masalah sukar mengingat konsep, tidak faham konsep, sukar memberikan contoh dan aras pelajar yang rendah. Permasalahan yang dinyatakan saling berkaitan antara satu sama lain. Permasalahan ini menjadi cabaran kepada pendidik mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dalam mengajar sub topik gaya bahasa. Hal ini kerana, kepelbagaian jenis gaya bahasa dalam puisi Melayu moden menyukarkan pemahaman para pelajar. Kesannya mereka sukar mengingat konsep setiap gaya bahasa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dipelajari seterusnya gagal memberikan contoh gaya bahasa yang tepat dalam aktiviti penilaian dan peperiksaan.

Aras pelajar yang rendah juga menjadi permasalahan utama yang dihadapi oleh guru. Isu mata pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk pelajar kelas belakang memang tidak dipertikaikan. Kesemua responden yang ditemui mengakui ramai pelajar kelas kesusasteraan Melayu mempunyai masalah penguasaan Bahasa Melayu. Golongan pelajar tersebut turut gagal menguasai aspek gaya bahasa sastera yang dipelajari dalam komponen sastera (KOMSAS). Aras pelajar yang rendah memaksa guru untuk memikirkan pelbagai pendekatan demi membantu pelajar tersebut khasnya daripada segi pemahaman.

Punca wujud masalah tersebut ialah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dilihat sebagai bukan pilihan pelajar. Selepas menduduki PT3, pelajar akan diagihkan secara automatik ke tingkatan 4 berdasarkan pencapaian PT3. Pelajar tidak mempunyai pilihan walaupun tidak menyukai subjek yang ditawarkan. Selain itu bahan rujukan bagi mata pelajaran kesusasteraan Melayu yang terhad turut menjadi punca wujud masalah dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden. Pelajar bergantung sepenuhnya kepada guru untuk aktiviti pengukuhan dan penilaian. Walaupun demikian kebergantungan guru kepada buku-buku ulangkaji menyebabkan mata pelajaran kesusasteraan Melayu tidak mendapat tempat di hati pelajar.

Sikap negatif pelajar itu sendiri juga dikenal pasti sebagai punca kepada wujudnya permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa. Antara sikap negatif pelajar yang dikenal pasti adalah seperti malas belajar, malas membaca, patah semangat belajar, dan menyalahkan guru. Oleh itu, menjadi peranan pendidik untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengubah sikap negatif tersebut demi meningkatkan prestasi sastera sebagai disiplin ilmu yang sangat penting.

Oleh itu cadangan kepada guru mata pelajaran kesusasteraan Melayu bagi mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden adalah menyediakan PdPc yang kreatif dan inovatif. Selain itu guru juga menyediakan latihan dan nota serta menggunakan bahan bantu media dan elektronik. Pendekatan yang menarik minat akan mewujudkan pembelajaran yang berkesan. Teknik lama seperti baca teks, bincang dan menjawab soalan sebagai penanda aras kefahaman pelajar tidak boleh menjadi rutin guru kerana akan memberikan impak yang tidak baik kepada subjek sastera itu sendiri. Penggunaan bahan bantu media elektronik dan bahan daripada internet penting untuk melahirkan suasana yang menyeronokkan dan tidak membosankan pelajar di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Rancangan Mengajar Gaya Bahasa Dalam Puisi Melayu Moden Berasaskan Komik Toondoo

Berdasarkan analisis temu bual keperluan yang telah dilakukan berkaitan PdPc gaya puisi Melayu moden, dua buah rancangan mengajar telah dibangunkan bagi mengatasai masalah atau isu yang timbul. Dalam hal ini dua buah rancangan mengajar telah dibangunkan menggunakan komik Toondoo yang masih belum digunakan secara meluas di negara kita. Komik Tondoo digunakan pada bahagian set induksi dalam kedua-dua buah rancangan mengajar yang dibangunkan. Selain itu, komik Tondoo digunakan sebagai bahan bantu mengajar dalam setiap aktiviti yang dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam hal ini rancangan mengajar berasaskan komik Tondoo tersebut dibangunkan dengan mengaplikasikan teori konstruktivisme, menggunakan pendekatan kolaboratif. Teori konstruktivisme diaplikasikan melalui aktiviti *Brainstorming* dan aktiviti *Arrested Developement* dalam kedua-dua rancangan mengajar yang dibangunkan, iaitu dalam langkah 2. Dalam kedua-dua aktiviti ini, pelajar dapat membina pengetahuan baharu, iaitu berkaitan gaya bahasa yang dipelajari. Contohnya, pengetahuan dari aspek definisi gaya bahasa, konsep bahasa asing, bahasa istana, dan peribahasa dalam puisi. Semua ini merupakan elemen penting dalam teori konstruktivisme. Teori konstruktivisme menyokong penggunaan komik Toondoo sebagai salah satu bahan bantu mengajar yang kreatif dan mampu menarik perhatian pelajar untuk belajar.


Sementara itu, pendekatan kolaboratif pula dilaksanakan dalam rancangan mengajar melalui aktiviti berkumpulan, iaitu dalam langkah 3. Dalam langkah 3, aktiviti kolaboratif seperti "Shout Out" dan "Artscape" turut diserapkan dalam pembinaan rancangan mengajar 1 dan 2. Aktiviti yang disediakan dibuat dalam bentuk berkumpulan agar dapat diselesaikan dengan lebih mudah oleh pelajar. Hal ini kerana melalui aktiviti berkumpulan pelajar boleh berbincang bersama untuk menyelesaikan tugasan yang diberi. Dengan cara itu pemahaman mengenai gaya bahasa menjadi lebih mudah dan dapat ditingkatkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Maklum Balas Pelajar Terhadap Penggunaan Komik Toondoo

Secara umumya, rumusan berkaitan maklum balas pelajar terhadap Komik Tondoo dapat disimpulakan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 5.2 Model maklum balas pelajar terhadap penggunaan komik Toondoo

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan jadual di atas, analisis terhadap maklum balas pelajar berdasasrkan temu bual bersama-sama 10 orang pelajar dapat dirumuskan berdasarkan lima aspek penting, iaitu faktor minat, aktiviti penilaian, kreativiti, aktiviti berkumpulan, dan bahan PdPc. Dalam aspek faktor minat, pelajar secara umumnya berminat terhadap PdPc berasaskan komik Tondoo kerana mengandungi gambar berwarna, isi kandungan yang mudah difahami dan tulisan yang jelas, ringkas dan padat.

Dari aspek kesesuaian komik Tondoo untuk aktiviti penilaian pula murid memberi maklum balas bahawa mereka mudah faham kehendak soalan gaya bahasa yang diberikan guru. Latihan yang diberikan didapati dapat menguji pemahaman mereka. Mereka menganggap aktiviti penilaian yang dibina berasaskan komik Toondoo sangat menarik dan mencabar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sementara dari aspek kreativiti pula, murid menyatakan bahawa PdPc menggunakan komik Tondoo dapat membantu mereka mencetuskan idea baharu, mencipta gaya bahasa dan dialog.

Dari aspek aktiviti berkumpulan, pelajar memberi maklum balas bahawa PdPc menggunakan komik Tondoo memberi peluang untuk mereka berinteraksi, mudah faham dan dapat menyumbangkan idea.

Akhir sekali, dalam aspek bahan bantu mengajar, pelajar berpendapat bahawa penggunaan komik Tondoo dapat menarik minat, membantu pemahaman dan mampu menjadi bacaan ringan yang digemari.

5.3 Implikasi Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini merupakan kajian ilmiah yang bermanfaat untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak berkaitan. Perbincangan implikasi kajian ini merangkumi implikasi pada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak guru, pihak murid dan juga pihak pengkaji masa depan.

5.3.1 Kementerian Pendidikan Malaysia

Bagi kementerian Pendidikan Malaysia, hasil kajian ini dapat menjadi panduan dan penilaian untuk membuat penambahbaikan pada kurikulum pendidikan kesusasteraan Melayu di peringkat sekolah menengah, khususnya dalam merangka dasar-dasar teknik pengajaran dan pembelajaran yang baharu selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke-21. Penggunaan laman web komik Toondoo dalam pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran perlu diperluaskan. Dengan itu usaha memantapkan sistem pendidikan negara untuk menghadapi gelombang web 4.0 melalui penggunaan teknologi dalam pendidikan dapat dilaksanakan.

5.3.2 Guru

Kajian ini menunjukkan bahawa komik Toondoo sesuai diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Penggunaan komik Toondoo dapat membantu proses pengajaran dan pemudahcaraan guru di sekolah dalam membentuk pengajaran yang memikat, aktif dan menyeronokkan. Keadaan ini akan membentuk suasana pembelajaran yang segar dan bermotivasi. Rancangan mengajar yang dihasilkan turut menjadi garis panduan yang jelas dan terperinci untuk memastikan pelajar terkawal dalam pembelajaran kolaboratif. Dalam hal ini guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut kreativiti dan tahap pencapaian pelajar masing-masing, seterusnya dapat membantu guru mempelbagaikan rujukan guru untuk menambah baik kaedah pengajaran gaya bahasa yang sedia ada.

5.3.3 Murid

Penggunaan komik Toondoo dapat membentuk pengajaran yang memikat, aktif dan menyeronokkan seterusnya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang segar dan bermotivasi. Pelajar tidak berasa bosan dan dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran kerana mereka dilibatkan secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan komik Toondoo di samping pembelajaran secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kolaboratif bukan sahaja dapat memupuk bakat pelajar tetapi juga mampu menimbulkan minat dan penghayatan terhadap karya sastera.

Yang paling penting, penggunaan komik Tondoo dapat meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar dalam pembelajaran gaya bahasa puisi moden. Hal ini kerana, bahan komik Toondoo telah dikaji keberkesanannya dalam meningkatkan motivasi murid. Murid dapat lebih memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru. Selain itu, mereka juga lebih bersemangat dan bermotivasi belajar dengan merujuk bahan grafik komik sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu diharapkan komik yang dibina juga mampu menaikkan pencapaian di kalangan murid khasnya murid yang mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Pengkaji Masa Depan

Bagi pengkaji pada masa depan, khasnya dalam bidang pedagogi, kajian ini penting dijadikan sebagai asas untuk membuat kajian seterusnya berkaitan bidang yang sama. Tambahan pula, kajian berkaitan penggunaan komik dalam bidang pendidikan di Malaysia adalah terhad. Dengan itu, kajian ini secara tidak langsung dapat memberi panduan dan penilaian yang tepat untuk dibuat penambahbaikan. Akhirnya kajian ini dapat membantu memperkembang pengetahuan dan kemahiran seperti yang dikehendaki.

Kajian ini juga dapat mengisi kelompongan kajian-kajian terdahulu berkaitan PdPc Kesusasteraan Melayu, khususnya yang menggunakan aplikasi komik Tondoo. Di negara kita, kajian tentang perkara ini masih kurang dan terhad. Dengan adanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini maka kelompongan kajian dapat diisi dan dijadikan panduan untuk melihat kesesuaian penggunaan komik Toondoo pada masa depan.

5.4 Cadangan

Pada masa hadapan, kajian tentang komik Tondoo dicadangkan supaya diperluaskan lagi sudut kajiannya. Hal ini kerana kajian ini tertumpu pada rancangan mengajar untuk PdPc gaya bahasa puisi Melayu moden sahaja. Kajian seterusnya bolehlah dikembangkan untuk tajuk yang lain dalam pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu supaya lebih menyeluruh.

Jumlah responden juga boleh ditambah, bukan sahaja di kawasan Kuching, Sarawak tetapi juga di bahagian lain agar mendapat maklum balas yang lebih menyeluruh. Selain itu, instrumen kajian juga boleh ditambah baik daripada temu bual yang melibatkan guru dan pelajar kepada instrumen soal selidik atau melakukan ujian pra dan pasca bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dalam memantapkan dapatan kajian.

Selain daripada itu, dicadangkan juga pembinaan modul lengkap pembelajaran dan pengajaran gaya bahasa puisi Melayu Moden berasaskan komik Toondoo. Pembinaan modul lengkap penting untuk rujukan guru-guru Kesusasteraan Melayu bagi menambah baik pelaksanaan PdPc masing-masing.

Akhir sekali, dicadangkan agar kajian seterusnya mengintegrasikan pelbagai pendekatan pengajaran berbantukan bahan bantu mengajar komik Toondoo supaya proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih seronok dan seterusnya dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggalakkan penglibatan aktif murid. Hal ini kerana teori dan pendekatan dalam kajian ini terhad kepada teori konstruktivisme dan pendekatan kolaboratif.

Berdasarkan kepada cadangan-cadangan yang diberikan, pengaplikasian komik Toondoo dalam pengajaran dan pembelajaran pastinya dapat dikembangkan oleh pengkaji lain pada masa akan datang. Dengan itu, penggunaan komik Toondoo dalam PdPc di negara kita dapat diperluaskan.

5.5 Rumusan

Rumusannya, kajian ini telah mengkaji permasalahan dalam pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian ini juga menghasilkan rancangan mengajar gaya bahasa dalam puisi Melayu moden berasaskan Komik Toondoo. Akhir sekali mendapatkan maklum balas pelajar terhadap aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa puisi Melayu moden berbantukan komik Toondoo.

Aplikasi komik Toondoo dalam pengajaran dan pemudahcaraan gaya bahasa dalam puisi Melayu moden sangat menarik. Kajian ini telah berjaya mencapai objektif dan tujuan kajian yang telah ditetapkan. Pelajar telah menunjukkan minat belajar dan motivasi untuk belajar dengan bantuan komik Toondoo sebagai bahan bantu mengajar. Guru dapat meningkatkan kualiti pengajaran untuk melaksanakan pembelajaran gaya bahasa dalam puisi Melayu moden yang berkesan. Aplikasi komik Toondoo mendapat maklum balas yang baik daripada pelajar kesusasteraan Melayu. Penggunaan komik Toondoo diakui dapat menarik minat belajar dan menambahkan pemahaman pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya, komik Toondoo wajar digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan. Justeru itu, dapatan kajian ini dapat menyokong dapatan hasil kajian-kajian yang lalu. Oleh itu diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada guru dan pengkaji pada masa depan terutamanya sebagai panduan dan pengetahuan mengenai aplikasi komik Toondoo untuk guru kesusasteraan Melayu mempelbagaikan kaedah pengajaran sedia ada. Selain itu, kajian ini akan dapat dijadikan panduan dan menyumbang kepada kajian yang akan datang serta menambah pengetahuan kepada pembaca untuk terus berusaha dalam mencapai kejayaan pada masa akan datang. Semoga dengan kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Aaron Meskin. (2007). Defining Comics ? *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, *65*(4), 369–379.

Abuzahra, N., Farrah, M. A. H., & Zalloum, S. (2016). Using cartoon in language classroom from a constructivist point of view. *Arab World English Journal (AWEJ) Special Issue on CALL*, (3).

Abdul Halim Masnan (2014). Amalan pedagogi guru prasekolah permulaan. (Tesis Kedoktoran, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim,Perak.

Abdul Ghani, Abd. Rahman, Abd. Aziz & Abdul Rashid. (2007). *Humor dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: PTS Publication.

Abdul Rashid & Arba'ie Sujud. (2001). *Integrasi media: Pengajaran bahasa dan sastera*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Abdul Rashid Jamian., Shamsudin Othman, & Sufiza Ishak. (2016). Interaksi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, *3*(1), 42-51.

Abdull Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali, Mohd Hasani Dali (2011) Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai Literasi Bahasa Melayu, *Malay Language Education Journal – MYLEJ* , 1(2), 59-70.

Adenan Ayob, Kamariah Abu, Zakaria Kasa &Aida Suraya. (2011). *Multimedia dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Tanjong Malim,Perak: EMERITUS Publications.

Abdul Halim Ali. (2004). *Di Sekitar Puisi Melayu Moden*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdul Halim Ali & Norazimah Zakaria. (2016). *Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam pelbagai isu dan perspektif*. Selangor: NHA Resources.

Abdul Halim Ali & Julietta Taisin. (2018). *Kesusasteraan Melayu dalam pendidikan dan kritikan*. Perak: Penerbitan Persatuan Penulis Budiman Malaysia.

Abdul Majid. (2015). *Pembangunan dan penilaian pembelajaran, perspektif pendidikan holistik*. Kuala Lumpur: SAM Synergy Media Sdn. Bhd.

Ahmad Subki Miskon & Syed Ismail Syed Mustapa. (2013). *Murid dan alam belajar (edisi kedua)*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Ahmad Zamzuri Mohamad. (2018). *Multimedia dan perisian pendidikan: Panduan praktikal reka bentuk & penyelidikan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Albano, G., & Iacono, U. Dello.(2019). Designing digital storytelling for mathematics special education: an experience in support teacher education. *The Mathematics Enthusiast*: 16, 263-288.

Alba Milena,Velandia González.(2016). *Comics in ToonDoo and Collaborative learning, a visual literacy resource to evidence vocabulary learning with emphasis in action verbs in an EFL group of seventh graders in a Cajicà school*. (Unpublished doctoral dissertation). Universidad Santo Tomas.

Ariff Mohamad. (2018). *Memahami dan Menguasai Kesusasteraan Dalam Pengajaran Bahasa Melayu*.Perak: Muhibbah Publications.

Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod (2018). *Kemahiran Bernilai Tambah, teori dan amali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asri Siti Fatimah. (2017). Teaching In 21 st Century : Students- Teachers ' Perceptions Of Technology Use In The Classroom. *Script Journal: Journal of Linguitic and English Teaching*, *2*(2),126-135.

Atmazaki Drs. (1993). *Analisis sajak: Metodologi dan Aplikasi*. Bandung: Penerbitan Angkasa.

Ava Clare Robles. M. O. (2017). Evaluating the use of Toondoo for Collaborative E-Learning of Selected pre-service teachers. *International Journal of Modern Education and Computer Science*, *9*(11), 25.

Bada, S. O., & Olusegun, S. (2015). Constructivism learning theory: A paradigm for teaching and learning. *Journal of Research & Method in Education*, *5*(6), 66-70.

Chua, Y.P. (2014). *Kedah penyelidikan (edisi ketiga)*. Selangor: MC Graw Hill Education (M) Sdn. Bhd.

Creswell, J. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*, *2*.

Crow Lester D., Crow Alice. (1973). *Educational Psychology*. New York: American Book Co.

Dexter Sigan John, Melor Md Yunus. (2018) The Potential of Using Visual Aids in Reading Literary Texts. *The Asian EFL Journal* , 20, (4) 182-193.

Dwi Kurnia Mufidah. (2018). *The effectiveness of Toondoo to Enhance student creative writing (An experimental research at Tent Grade of Man Wonogiri in the Academic Year of 2017/2018)*. Surakarta: Institut Agama Islam Negeri Surakarta.

Eisenhardt, K.M. and Graebner, M.E. (2007). Theory building from cases: opportunities and challenges. *Academy of Management Journal*, 50, (1):25-32.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Eisner, W. (1985). Theory of Comics and Sequential art. Retrieved from *http://www. floobynooby. com/pdfs/Will_Eisner-Theory_of_Comics_and_Sequential_Art. pdf*.

Farah Nadia Azman, Syamsul Bahrin Zaibon & Norshuhada Shiratuddin. (2014). Exploring Digital Comics as an Edutainment Tool : an overview in *knowledge management international conference.* (pp. 589-594). Malaysia.

Fellows, R. and Liu, A. (2003). *Research methods for construction. 2nd ed*. Oxford, UK: Blackwell Science.

Filia Nur Rachman. (2018). *Pengembangan media pembelajaran toondoo berupa comic book online materi kinematika* (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Raden Intan Lampung).

Fisher, G. (2017). Pure pedagogy: educational tools to maintain student interest and engagement in language courses. *Comunicación*, *26*(1), 5-13.

Gagné, R. M., & White, R. T. (1978). Memory Structures and Learning Outcomes. Review of Educational Research, 48(2), 187–222.

Ghazali Din. (2016). *Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam pelbagai isu dan perspektif.* Selangor: NHA Resources.

Hadi Akbar. (2016). *Komik sebagai alat pencetus sifat inkuiri di Malaysia*, dalam The 4th International Conference on Learner Diversity (ICELD 2014). Diperoleh daripada https://www.researchgate.net/profile/Hadi_Akbar/publication/291349544_Komik_Sebagai_Alat_Pencetus_Sifat_Inkuiri_di_Malaysia/links/56a1d9a408ae27f7de26b99a.pdf

Hart, C. (2003). *Doing a Literatur Review-Releasing the social science research Imagination*. London: SAGE Publications.

Hernandez Alvarez,Díaz-Cueto, J. L., & Castejón, F. J. (2010). Teaching games for understanding to in-service physical education teachers: Rewards and barriers regarding the changing model of teaching sport. *Journal of Teaching in Physical Education*, *29*(4), 378-398.

Ian Gilbert. (2011). *Why do i need a teacher when i've got google? The essential guide to the big issues for every Twenty-first century teacher*. New York: ROUTLEDGE.

Iskandar Abd Rashid & Zaitun Ismail. (2008). *20 website berguna untuk guru*. Kuala Lumpur: VENTON.

Iqbal, M., Khair Amal, B., & Eva Rumapea, M. (2018). Penggunaan google forms sebagai media pemberian tugas mata kuliah pengantar ilmu sosial. *Jurnal Pendidikan Ilmu-Ilmu Sosial*, *10*(1), 120–127.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jacobs, D. (2007). More than words: Comics as a means of teaching multiple literacies. *English Journal*, 19-25.

Jamaludin Badusah. (2013). Aplikasi rangkaian sosial google plus dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, *3*(Mei), 31–41.

Jeanne Allen & Simone White. (2018). *Learning To Teach In A New Era*. United Kingdom: Cambridge University Press.

Kamarul Jasmi Mohamad. (2011). *Penyeliaan guru dalam pengajaran & pembelajaran*. Penerbit UTM Press. Universiti Teknologi Malaysia.

Karen Hosack. (2011). *Lukisan dan Kartun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Kavitha Ratnam (2017). *Kesan teknik eksplorasi internet berasaskan pendekatan konstruktivisme terhadap penulisan karangan fakta* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

